# POLEMIK DALAM TEKS *HIMPUNAN 366 CERITA RAKYAT MALAYSIA*: SUATU PENGAPLIKASIAN TEORI TAKMILAH

SYARAH AQILAH BINTI ZULFAKAR

IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN WARISAN

2023

FYP FTKW

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

POLEMIK DALAM TEKS *HIMPUNAN 366 CERITA RAKYAT MALAYSIA*: SUATU PENGAPLIKASIAN TEORI TAKMILAH

SYARAH AQILAH BINTI ZULFAKAR

TESIS INI DIKEMUKAKAN SEBAGAI MEMENUHI KEPERLUAN UNTUK IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN WARISAN

FAKULTI TEKNOLOGI KREATIF DAN WARISAN
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

2023

FYP FTKW

FYP FTKW

# PENGESAHAN TESIS

Saya dengan ini mengesahkan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan untuk ijazah tinggi kepada mana-mana universiti atau institusi.

| | | |
|---|---|---|
| ☑ | TERBUKA | Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskhah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh) |
| ☐ | SEKATAN | Saya bersetuju bahawa tesis ini boleh didapati sebagai naskhah keras atau dalam teks (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah<br><br>Dari tarikh…..sehingga….. |
| ☐ | SULIT | (Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972) |
| ☐ | TERHAD | (Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan) |

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut. Tesis adalah milik Universiti Malaysia Kelantan. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

| | |
|---|---|
| ______________________ | ______________________ |
| Tandatangan | Tandatangan Penyelia |
| Syarah Aqilah Binti Zulfakar | Dr. Mohd Firdaus Che Yaacob |
| C19A0804 | Tarikh: / / 2023 |
| Tarikh: / / 2023 | |

PENGHARGAAN

Assalamualaikum dan *Bismillahir-Rahmanir-Rahim*.

Pertamanya, ucapan syukur *Alhamdulillah* dan puji-pujian kepada Allah Yang Maha Pengasih, Pemurah dan lagi Maha Penyayang. Lagi, setinggi-tinggi kesyukuran kepada Allah SWT kerana berkat izin dan limpah kurnia-Nya, penulisan projek penyelidikan ini dapat dilaksanakan dengan baik dan jayanya. Kejayaan dalam menyiapkan penulisan ini bukan hanya dari pengorbanan diri sendiri tetapi turut melibatkan beberapa pihak sama ada terlibat secara langsung atau tidak langsung yang tidak pernah jemu dalam memberi bantuan, pandangan dan dorongan kepada diri saya yang kerdil ini.

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga saya tujukan kepada Dr. Mohd Firdaus Bin Che Yaacob selaku penyelia dan pensyarah yang berperanan penting dalam menyiapkan penulisan ini. Hal ini kerana, beliau tidak pernah mengenal erti penat lelah dalam memberi tunjuk ajar, teguran, nasihat dan bimbingan serta sabar dalam menyemak penulisan ini. Bantuan yang telah dicurahkan oleh beliau hanya Allah SWT sahaja yang dapat membalas segala jasa baik beliau. Semoga kehidupan seharian beliau dan keluarganya sentiasa dalam lindungan-Nya dan diberkati oleh Allah SWT selalu. Sekali lagi, ucapan ribuan terima kasih kepada beliau.

Saya juga ingin merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada kedua-dua ibu bapa yang saya sayangi kerana mereka telah banyak memberi dorongan yang padu, memberi semangat yang berterusan serta doa disepanjang saya menyiapkan tesis ini. Dengan doa, kata-kata dorongan serta semangat ini membuatkan saya tidak mengenal erti putus asa dan sabar dalam menghasilkan sebuah tesis yang baik dan bermanfaat. Selain itu, saya berterima kasih kepada rakan-rakan seperjuangan yang sentiasa membantu saya sewaktu saya menghadapi sebarang masalah dalam menjayakan penulisan ini. Segala jasa budi yang dicurahkan amat saya hargai. Akhir sekali, segala kekurangan dan kelemahan datangnya daripada saya dan segala yang baik datangnya daripada Allah SWT.

Sekian, terima kasih dan Waalaikumussalam.

Syarah Aqilah Binti Zulfakar
No 58, Taman Pelagat 2,
22000, Jerteh,
Terengganu.
01133993634
Emel: syarah.c19a0804@siswa.umk.edu.my

FYP FTKW

FYP FTKW

# JADUAL KANDUNGAN


| KANDUNGAN | HALAMAN |
|---|---|
| PENGESAHAN TESIS | i |
| PENGHARGAAN | ii |
| JADUAL KANDUNGAN | iii |
| SENARAI JADUAL | iv |
| SENARAI CARTA | vi |
| SENARAI RAJAH | vii |
| ABSTRAK | viii |
| ABSTRACT | ix |
| BAB 1 PENDAHULUAN | |
| 1.1 Pengenalan | 1 |
| 1.2 Penyataan Masalah | 5 |
| 1.3 Persoalan Kajian | 7 |
| 1.4 Objektif Kajian | 8 |
| 1.5 Batasan Kajian | 9 |
| 1.6 Kepentingan Kajian | 14 |
| 1.7 Definisi Operasional | 16 |
| 1.7.1 Cerita Rakyat | 16 |
| 1.7.2 Polemik | 17 |
| 1.7.3 Teori Takmilah | 17 |
| 1.8 Organisasi Kajian | 19 |
| 1.9 Penutup | 21 |
| BAB 2 SOROTAN KAJIAN LEPAS | |
| 2.1 Pengenalan | 22 |
| 2.2 Pengkajian Cerita Rakyat di Malaysia | 23 |
| 2.3 Pengkajian Teori Takmilah dalam Karya-Karya Sastera | 56 |
| 2.4 Penutup | 78 |
| BAB 3 METODOLOGI KAJIAN | |
| 3.1 Pengenalan | 79 |
| 3.2 Rekabentuk Kajian | 80 |
| 3.3 Kaedah Kajian | 80 |
| 3.3.1 Kajian Kepustakaan | 80 |
| 3.3.2 Rujukan Teks | 81 |
| 3.4 Teori Takmilah | 81 |
| 3.4.1 Prinsip-Prinsip Teori Takmilah | 83 |
| 3.4.1.1 Prinsip Ketuhanan Bersifat *Kamal* (sempurna) | 83 |
| 3.4.1.2 Prinsip Kerasulan sebagai Insan *Kamil* (sempurna) | 84 |
| 3.4.1.3 Prinsip Keislaman Bersifat *Akmal* (sempurna) | 84 |
| 3.4.1.4 Prinsip Hubungan Sastera dengan Ilmu | 85 |

FYP FTKW


3.4.1.5 Prinsip Sastera Berciri Estetik 85
3.4.1.6 Prinsip Pengkarya Mengistikmalkan Diri 86
3.4.1.7 Prinsip Hubungan Khalayak dengan Karya 86
3.5 Kerangka Konseptual 87
3.6 Penutup 88

BAB 4 ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN
4.1 Pengenalan 89
4.2 Polemik Kebencian 90
4.3 Polemik Hasad Dengki 95
4.4 Polemik Kebodohan 99
4.5 Polemik Dendam 104
4.6 Polemik Melanggar Janji 109
4.7 Polemik Pembohongan 114
4.8 Polemik Pemalas 118
4.9 Polemik Perbalahan 123
4.10 Polemik Keangkuhan 128
4.11 Polemik Sombong 132
4.12 Polemik Penderhakaan 138
4.13 Polemik Ketamakan 144
4.14 Penutup 149

BAB 5 KESIMPULAN
5.1 Pengenalan 150
5.2 Rumusan 151
5.3 Cadangan 154
5.4 Penutup 157

BIBLIOGRAFI 158
BIODATA PENULIS 171


UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

SENARAI JADUAL | HALAMAN

Jadual 1.5: Senarai Tajuk Cerita Rakyat dan Unsur Polemik 12

FYP FTKW

SENARAI CARTA | HALAMAN

Carta 3.4: Prinsip-Prinsip Teori Takmilah 83

FYP FTKW
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

SENARAI RAJAH HALAMAN

Rajah 3.5: Kerangka Konseptual 87

FYP FTKW

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

Polemik Dalam Teks *Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia:* Suatu Pengaplikasian Teori Takmilah


## ABSTRAK

Cerita rakyat merupakan sebuah karya sastera agung yang mana telah lama wujud sejak zaman nenek moyang lagi. Cerita rakyat banyak memperlihatkan perutusan yang positif dalam mendidik masyarakat ke arah pembentukan jati diri yang bermoral. Namun begitu, unsur polemik yang dipaparkan dalam cerita rakyat ini mendapat pandangan yang negatif oleh masyarakat. Hal ini demikian kerana, polemik dianggap sebagai suatu perkara yang tidak baik yang mana ditonjolkan oleh watak dalam cerita rakyat. Oleh itu, kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenal pasti dan membincangkan polemik yang terkandung dalam cerita rakyat. Kajian ini membataskan hanya satu sahaja penggunaan buku cerita rakyat yang berjudul *Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia*. Pemilihan cerita rakyat adalah sebanyak 36 buah cerita. Di samping itu, reka bentuk kajian ini adalah bersifat kualitatif yang mana kaedah kepustakaan dan kaedah rujukan teks digunakan. Pengaplikasian teori Takmilah digunakan sebagai suatu landasan dalam membentuk hujahan atau analisis yang berilmiah dan mantap serta kukuh. Tambahan pula, prinsip keenam iaitu pengkarya mengistikmalkan diri diberi fokus dalam melaksanakan analisis kajian ini. Hasil dapatan kajian mendapati bahawa menerusi teks *Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia* sememangnya terkandung polemik. Walaupun polemik ini adalah suatu perkara yang negatif namun jika difahami dan diteliti balik ia dapat menyumbang kepada keinsafan dalam diri masyarakat serta memberi pengajaran kepada mereka dalam meningkatkan usaha untuk memperbaiki perilaku yang buruk ke arah lebih baik. Maka, polemik ini dapat meninggalkan kesan yang positif dalam kalangan masyarakat agar ia tidak lagi dilihat sebagai suatu yang isu yang tidak baik.



Kata Kunci: Cerita Rakyat, Polemik, Teks *Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia*, Teori Takmilah.



FYP FTKW

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

Polemics In The Text Of A *Collection Of 366 Malaysian Folktales*: An Application Of Takmilah Theory

## ABSTRACT

Folklore is a great literary work that has existed since the time of our ancestors. Folklore shows many positive messages in educating society towards the formation of a moral identity. Nevertheless, the polemical element displayed in this folklore gets a negative view by the society. This is because polemics are considered a bad thing which is highlighted by characters in folklore. Therefore, this study was conducted aimed at identifying and discussing the polemics contained in folklore. This study limits the use of a folktale book entitled *Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia*. The selection of folk tales is a total of 36 stories. In addition, the design of this study is qualitative in nature in which the library method and text reference method are used. The application of Takmilah Theory is used as a basis in forming a scientific argument or analysis that is solid and strong. Furthermore, the sixth principle of self-optimized author is given focus in carrying out the analysis of this study. The results of the study found that through the text of *Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia*, there is indeed polemics. Although this polemic is a negative thing but if understood and re-examined it can contribute to the realization in society and give a lesson to them in increasing efforts to improve bad behavior for the better. Thus, this polemic can leave a positive impact in society so that it is no longer seen as a bad issue.

Keywords: Folklore, Polemics, The Text Of A *Collection Of 366 Malaysian Folktales*, Takmilah Theory.

FYP FTKW

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

FYP FTKW

# BAB 1

# PENDAHULUAN

## 1.1 Pengenalan

Kesusasteraan bermaksud hasil karya yang diciptakan dengan memperlihatkan keindahan dari segi penggunaan bahasa (*Kamus Dewan*, 2017). Manakala Muhammad Haji Salleh (1995) mengemukakan pandangannya bahawa kesusasteraan dapat dilihat sebagai suatu karya sastera yang berbentuk lisan dan tulisan yang terkandungnya unsur penceritaan serta disampaikan dengan penggunaan berbagai-bagai bahasa atau perkataan. Selain itu, menurut Ali Ahmad (1994) perkataan kesusasteraan yang ditambah imbuhan *ke* di hadapan dan *an* di belakang merujuk kepada kesenian persuratan yang dapat dilihat menerusi kata atau bahasa yang indah dan halus.

Menerusi pandangan yang telah dinyatakan di atas berkenaan pendefinisian kesusasteraan dapat difahami konsep apa itu kesusasteraan. Kesusasteraan ini memperlihatkan citra keindahan bahasa yang diterapkan dalam sesebuah hasil seni karya sastera. Tambahan pula, Muhammad Haji Salleh (2000) turut menyatakan bahawa keindahan adalah suatu yang bersifat baik dan positif tidak hanya untuk pengarang tetapi juga kepada khalayak yang berupaya membantu manusia untuk merasa lebih selesa dan lebih manusiawi. Tercetusnya pembentukan sebuah karya sastera sama ada secara tulisan atau lisan adalah didasari kepada penggunaan bahasa. Hal ini demikian kerana, karya sastera mempunyai jalinan yang sangat akrab dengan bahasa. Penggunaan bahasa yang bersifat suci, halus dan estetik ini sememangnya terkandungnya perkara-perkara seperti mesej, pemikiran, pandangan,

luahan, perutusan dan sebagainya yang dilontarkan oleh pengarang dalam menghasilkan karya-karya sastera yang ilmiah dan bermanfaat. Sehubungan itu, dapat disimpulkan bahawa bahasa adalah aspek yang terpenting dalam menghasilkan sebuah karya sastera agar karya tersebut dapat dilabel sebagai produk yang tinggi nilainya kerana kandungannya kaya dengan perkara yang elok dan baik.

Seterusnya, Roslina Abu Bakar (2013) berpendapat bahawa cerita rakyat adalah cerita yang dikongsi yang mana bermula sejak zaman dahulu lagi lalu ianya masih tersebar sehingga hari ini dengan menggunakan mulut yang berfungsi sebagai alat pertuturan. Selain itu, Mohd Taib Osman (1991) mentakrifkan definisi cerita rakyat sebagai hak milik masyarakat secara bersama yang mana ia tidak mempunyai pemilik yang khusus. Di samping itu, cerita rakyat merupakan hasil karya seni yang direka oleh masyarakat Melayu yang mana ia bukan sahaja berfungsi sebagai hiburan tetapi juga berperanan dalam memberi didikan dan nasihat kepada golongan masyarakat (Fatimah Md Yassin, 1991).

Cerita rakyat sememangnya telah lama wujud pada zaman nenek moyang kita lagi. Walaupun dunia semakin berkembang pesat dari segi pembangunan teknologi namun cerita rakyat masih lagi tersebar hingga ke hari ini. Hal ini demikian kerana, peranan mulut sebagai alat yang berfungsi dalam menyampaikan sesuatu. Pada ketika itu, penglipur laralah yang mengambil tanggungjawab sebagai penyebar cerita rakyat kepada masyarakat. Masyarakat yang terdiri daripada datuk, nenek, ayah dan lain-lain yang menerima cerita tersebut lalu dikongsikan kepada generasi mereka. Sebagai contoh, seorang datuk menyampaikan cerita rakyat kepada cucunya. Maka, ini menunjukkan bahawa berlakunya penyebaran cerita rakyat secara pesat. Malah, cerita rakyat ini tidak diketahui siapa pengarang yang mencipta cerita tersebut maka ia secara rasmi telah menjadi hak milik masyarakat yang mana mereka bebas untuk berkongsi cerita kepada sesiapa sahaja. Cerita rakyat turut berupaya dalam



FYP FTKW

menghilangkan penat lelah masyarakat dahulu apabila letih bekerja. Hal ini demikian kerana, kelucuan yang dipaparkan oleh watak dalam cerita dapat dijadikan sebagai hiburan buat mereka. Tambahan pula, hiburan tersebut juga terselitnya pengajaran dan didikan yang boleh diambil oleh masyarakat dalam muhasabah diri sendiri. Selain itu, Mohd Firdaus Che Yaacob (2016) turut berkongsi pandangan mengenai cerita rakyat sebagai karya sastera yang dihadirkan dengan penyampaian nilai-nilai murni yang mendorong manusia untuk meningkatkan kualiti perilaku mereka yang lebih elok bagi menjalani kehidupan yang harmoni.

Polemik menurut *Kamus Dewan* (2017), merujuk kepada perdebatan atau perbahasan terhadap sesuatu topik yang dibicarakan yang melibatkan beberapa pihak tertentu. Polemik atau konflik bermaksud suatu perdebatan yang berlaku diantara beberapa anggota masyarakat atau dalam kata erti yang lain adalah melibatkan beberapa buah pihak dimana salah satu pihak cuba untuk menggagalkan atau menyingkirkan pihak lawan (St. Aisyah BM, 2014). Berdasarkan definisi tersebut dapat dijelaskan bahawa polemik turut dikenali sebagai konflik yang berlaku disebabkan oleh adanya perbezaan dari segi kepentingan, pendapat, pertentangan atau perbalahan terhadap isu yang dibangkitkan disebabkan oleh ketidaksefahaman yang mana bertujuan untuk menyokong pendirian masing-masing. Di samping itu, polemik yang wujud juga berupaya dalam melemahkan kedudukan pihak lawan. Polemik yang terkandung dalam cerita rakyat sememangnya menimbulkan konflik yang berlaku disebabkan oleh kefahaman antara dua pihak adalah tidak selari yang dapat dilihat menerusi paparan watak yang berbeza pandangan atau sebaliknya. Walaubagaimanapun, konflik yang berlaku mungkin dilihat sebagai satu unsur yang negatif namun perlu juga dipandang sebagai satu sudut yang positif kerana konflik yang berlaku ini adalah bertujuan untuk diambil sebagai pengajaran oleh masyarakat.



FYP FTKW

Berbalik dalam konteks kajian ini, dapat disimpulkan bahawa cerita rakyat adalah warisan bangsa nenek moyang yang perlu diperjuangkan dan dipertahankan sehingga hari ini agar ia tidak pupus di hati masyarakat. Hal ini demikian kerana, cerita rakyat kaya dengan pembentukan jati diri yang membawa kepada ketamadunan yang unggul dalam kalangan masyarakat Melayu. Rentetan daripada kisah sejarah itu, maka tercetusnya polemik. Oleh itu, polemik ini wajar diketengahkan untuk dijadikan sebagai tatapan oleh golongan masyarakat serta memberi pendedahan kepada mereka agar dapat mendidik diri mereka untuk berusaha membentuk akhlak yang molek serta elok. Sehubungan itu, kepelbagaian cerita rakyat yang terkandung dalam buku *Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia* ternyata mempunyai unsur polemik atau konflik yang mana dapat dilihat menerusi teks buku tersebut.

FYP FTKW
UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

1.2 Penyataan Masalah

Setiap kajian penyelidikan yang dilakukan oleh pengkaji sememangnya timbul penyataan masalah kajian tersendiri. Dalam kajian penyelidikan ini, pengkaji mendapati bahawa adanya permasalahan kajian yang dijalankan.

Pertama, cerita rakyat merupakan karya masyarakat Melayu ketika dahulu yang berharga nilainya. Hal ini demikian kerana, masyarakat Melayu sangat kreatif dalam mengolah atau mencipta pelbagai cerita. Lanjutan itu, setiap cerita rakyat yang dihasilkan sememangnya mempunyai tujuan yang sama iaitu sebagai satu panduan dalam memberi teladan dan pengajaran bagi setiap individu dalam membina sebuah organisasi masyarakat yang bertamadun. Walaubagaimanapun, perkara negatif melalui unsur polemik yang ditampilkan dalam cerita rakyat mendapat satu sudut pandang yang serong oleh masyarakat. Hal ini demikian kerana, polemik yang dibawa oleh watak telah menggambarkan kekurangan dan kelemahan pada watak itu sendiri. Sebagai contoh, polemik kebodohan yang dibawa oleh watak Pak Pandir. Maka, ia jelas menunjukkan pandangan masyarakat yang memandang rendah terhadap cerita rakyat.

Kedua, pengkaji telah menjalankan proses pengamatan terhadap kajian atau artikel lepas dan pengkaji mendapati kebanyakan kajian penyelidikan yang dijalankan lebih terarah kepada kajian tentang nilai-nilai dalam konteks cerita rakyat. Antaranya ialah *Nilai-Nilai Murni Dalam Seuntai Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia* oleh Mohd Firdaus Che Yaacob (2015), *Nilai Baik Hati Menerusi Cerita Rakyat Melayu Terhadap Masyarakat Melayu Suatu Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu* oleh Mohd Firdaus Che Yaacob & Normaliza Abd Rahim (2016), *Penerapan Nilai Murni Dalam Cerita Rakyat Melayu Suatu Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu: Analisis Nilai Kasih Sayang Dan Nilai Keadilan Dalam Masyarakat Melayu* oleh Mohd Firdaus Che Yaacob



FYP FTKW

& Nasirin Abdillah (2016), *Nilai-Nilai Moral Dalam Cerita-Cerita Rakyat Kaum Bidayuh, Serian* oleh Fifi Anak Rinyuk (2017), *Nilai Budaya Dalam Cerita Rakyat Masyarakat Melayu Orang Asli Temiar Gua Musang, Kelantan: Satu Pengaplikasian Sastera Warisan* oleh Mohd Fahmi Ismail & Mohd Firdaus Che Yaacob (2018), *Nilai-Nilai Islam Dan Pembentukan Akhlak Dalam Cerita Rakyat Melayu* oleh Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah & Mohd Firdaus Che Yaacob (2020), *Cerita Rakyat Sebagai Simbol Kekayaan Nilai Ketamadunan Masyarakat Melayu* oleh Mohd Firdaus Che Yaacob (2021) dan *Nilai Murni Melalui Keunikan Dialek Kelantan Dalam Cerita Rakyat Di Kelantan* oleh Mohd Firdaus Che Yaacob *et al.* (2022).

Berdasarkan hasil penelitian tersebut jelas memperlihatkan kajian-kajian lepas lebih menumpukan kepada genre cerita rakyat dalam konteks nilai-nilai murni dan moral. Kajian berkaitan dengan nilai-nilai sememangnya mendapat tempat di hati pengkaji-pengkaji lepas. Namun begitu, penting juga perkara negatif seperti unsur polemik untuk dijadikan sebagai kajian. Hal ini demikian kerana, unsur polemik atau konflik yang wujud dalam cerita rakyat dapat berfungsi sebagai cerminan untuk diambil sebagai cara bagi memperbaiki tingkah laku dalam diri setiap masyarakat. Ini menunjukkan bahawa melalui paparan unsur polemik yang terdapat dalam teks ini mendorong masyarakat untuk berfikir secara kritis agar mereka dapat mengambil suatu perkara yang negatif sebagai input yang positif. Di samping itu, pemerhatian oleh pengkaji mendapati masih ada kelompongan kajian berkaitan polemik yang mana kurang diberi fokus oleh para sarjana lepas. Oleh itu, kajian penyelidikan yang dijalankan ini bertujuan untuk mengisi kelompongan yang ada di mana ia tertumpu kepada unsur polemik menerusi teks yang terkandung dalam cerita rakyat.

FYP FTKW

1.3 Persoalan Kajian

Berikut merupakan persoalan kajian yang timbul dalam kajian yang dijalankan:

1.3.1 Apakah polemik yang terdapat dalam teks cerita rakyat yang dikaji?

1.3.2 Bagaimanakah polemik yang terdapat dalam teks cerita rakyat dikaji dengan pengaplikasian teori Takmilah?

FYP FTKW

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

## 1.4 Objektif Kajian

Berikut merupakan objektif kajian yang timbul dalam kajian yang dijalankan:

1.4.1 Mengenal pasti polemik dalam teks *Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia*.

1.4.2 Membincangkan polemik dalam teks *Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia* dengan pengaplikasian teori Takmilah.

FYP FTKW

1.5 Batasan Kajian

Dalam menghasilkan penulisan ini, terdapat beberapa kajian yang dibataskan untuk digunakan oleh pengkaji. Kajian ini sepenuhnya memberi fokus terhadap genre cerita rakyat yang mana pengkaji hanya memilih satu buku cerita rakyat. Buku cerita rakyat diberi tajuk *Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia* yang disusun dan diselenggarakan oleh Othman Puteh dan Aripin Said. Tambahan pula, Nor Azah Abd Aziz dan Faridah Shamsudin @ Sani merupakan penyunting kepada buku ini. Buku *Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia* adalah terbitan oleh Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd dan dicetak oleh Percetakan Cergas (M) Sdn Bhd. Selain itu, jumlah keseluruhan muka surat yang bercetak adalah sebanyak 286 dan buku ini terkandung sebanyak 366 buah cerita. Buku yang digunakan oleh pengkaji ini merupakan edisi ketujuh yang telah diulang cetak pada tahun 2008.

Berbalik kepada pemilihan buku ini, terdapat beberapa justifikasi yang mendorong pengkaji menjadikan buku ini sebagai sumber rujukan teks yang utama. Pertama, ia merujuk kepada struktur dalaman buku itu sendiri yang memperlihatkan inti pati bermula dari muka surat awal hingga muka surat akhir adalah sangat teratur susunan kedudukannya. Di samping itu, struktur dalaman yang tersusun rapi juga dapat dilihat dari segi susunan cerita rakyat yang mempamerkan pembahagian cerita mengikut bulanan yang bermula pada bulan Januari sehingga bulan Disember. Sebagai contoh, bulan Januari termuat sebanyak 31 buah cerita rakyat dan setiap cerita rakyat yang dikumpulkan juga turut dinyatakan nama negeri yang mana cerita rakyat tersebut berasal. Contoh, cerita *Si Jambul* dari negeri Johor.

Kedua, dari segi penggunaan bahasa. Penggunaan bahasanya adalah sesuai untuk dijadikan bahan bacaan oleh setiap lapisan umur kerana ia mudah untuk difahami. Ini bermaksud penyusun buku ini tidak menggunakan bahasa yang terlalu



FYP FTKW

tinggi sehinggakan boleh memberi bebanan kepada pembaca. Walaupun buku ini wujudnya penggunaan ayat sama ada panjang atau pendek dalam menceritakan sesebuah cerita rakyat tersebut namun ia masih lagi mengekalkan penggunaan bahasa gramatis, ringkas dan padat. Maka, mereka dapat mengenal pasti apa matlamat utama yang cuba disampaikan melalui sesuatu cerita yang telah dibaca walaupun cerita tersebut mempunyai jalan penceritaan yang agak panjang dari segi ayatnya. Tambahan pula, perkara lain yang menarik perhatian pengkaji juga adalah penggunaan bahasa yang sopan santun. Cerita rakyat dalam buku ini sememangnya akan wujud penggunaan kata kasar dalam mengherdik, memaki hamun atau sebagainya. Namun begitu, penyusun buku ini bijak menggunakan bahasa yang sopan sehingga ia berupaya membuatkan pembaca menampakkan penggunaan bahasa kasar tersebut tidak begitu melampau atau berlebih-lebihan. Ini memperlihatkan bahawa penggunaan bahasa adalah berlapik dan sopan.

Seterusnya, pengkaji memilih buku ini kerana terdapatnya penggunaan gambar visual yang berwarna. Paparan gambar visual yang berwarna sememangnya memainkan peranan yang penting dalam menarik minat masyarakat untuk membaca terutamanya dalam golongan kanak-kanak. Hal ini demikian kerana, penggunaan visual tersebut dapat mempengaruhi suasana dan hati si pembaca. Seandainya buku cerita rakyat hanya dipenuhi teks sahaja maka ia cepat membuatkan pembaca merasa bosan dan mudah mengantuk. Tambahan pula, penggunaan gambar visual yang diwarnakan hitam dan putih juga dapat menimbulkan suasana yang suram apabila membacanya kerana keindahan dan keserian pada cerita rakyat tersebut tidak terserlah. Selain itu, pengkaji mendapati bahawa setiap cerita rakyat yang terkandung dalam buku ini sememangnya disertai dengan gambar visual yang berwarna. Malah penggunaan visual tersebut berfungsi sebagai daya tarikan kepada pembaca untuk mengetahui kisah sesuatu cerita. Sebagai contoh, paparan gambar visual yang mempamerkan seseorang itu ditimpa bala atau sesuatu perkara. Maka, dengan itu



FYP FTKW

dapat menimbulkan satu persoalan di minda iaitu *apa yang telah terjadi?*. Kesannya, ia dapat mempengaruhi pembaca untuk membaca cerita rakyat tersebut bagi mengetahui jalan kisah tersebut. Pada akhirnya, ia menjawab kepada persoalan yang timbul di benak fikiran pembaca.

Keempat, cerita-cerita rakyat yang terkandung dalam buku ini mengandungi pelbagai cerita rakyat dan turut mempunyai jenis-jenisnya yang dilihat sesuai dan menarik untuk dibaca sewaktu lapang. Antaranya ialah jenaka, mitos, binatang, lagenda, asal usul dan sebagainya. Adanya kepelbagaian cerita rakyat tersebut maka telah membuatkan pengkaji mahupun si pembaca tidak mudah jemu dan merasa seronok untuk membacanya. Hal ini demikian kerana, plot bagi setiap cerita rakyat adalah berbeza. Malah melalui cerita rakyat yang berbeza jenisnya ini sedikit sebanyak dapat memberi penambahan ilmu kepada pembaca. Sebagai contoh, melalui pembacaan sesuatu cerita rakyat itu maka pembaca dapat mengetahui bagaimana asal usul nama sebuah tempat itu terhasil.

Kelima, buku ini kaya dengan aspek nilai-nilai, kritikan sosial, polemik dan sebagainya. Sekiranya dihayati balik akan cerita rakyat tersebut maka banyak memaparkan pesan amanat yang positif yang dapat diambil untuk dijadikan sebagai pegangan dalam hidup. Hal ini demikian kerana, pesan amanat positif ini berupaya mempengaruhi minda pembaca untuk berfikir. Pada waktu yang sama, ia dapat memberi kesedaran sehingga mendatangkan satu niat, keinginan serta tindakan dalam melakukan perubahan sedikit demi sedikit untuk memperbaiki tingkah laku yang tidak baik. Malah, paparan yang negatif seperti polemik ini menunjukkan bagaimana pengarang cerita rakyat dahulu memberi kritikan sosial yang memperlihatkan realiti sebenar yang mungkin berlaku dalam masyarakat Melayu ketika dahulu. Pokok pangkalnya, ia berbalik kepada tujuan asal cerita rakyat ini iaitu bertujuan untuk mendidik dan membentuk sahsiah diri dalam kalangan masyarakat atau pembaca.



FYP FTKW

Oleh itu, kelima-lima justifikasi ini merupakan faktor kuat yang telah membuatkan pengkaji memilih buku *Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia* ini.

Berdasarkan buku yang telah dipilih, pengkaji hanya mengutamakan kepada beberapa cerita rakyat yang telah dipilih bagi menganalisis teks yang mengandungi unsur polemik. Sebanyak 36 buah cerita rakyat dijadikan sebagai sumber kajian. Berikut adalah jadual senarai tajuk cerita dan unsur polemik:

| Bil | Tajuk Cerita Rakyat | Unsur Polemik |
|---|---|---|
| 1. | *Peniup Seruling* | Kebencian |
| 2. | *Bawang Putih Bawang Merah* | Kebencian |
| 3. | *Kerbau Balar* | Kebencian |
| 4. | *Kura-Kura di Kubang Emas* | Hasad Dengki |
| 5. | *Pak Pandir Mandikan Anak* | Kebodohan |
| 6. | *Pak Pandir Pergi Berdagang* | Kebodohan |
| 7. | *Menuntut Bela* | Dendam |
| 8. | *Dendam Harimau kepada Kucing* | Dendam |
| 9. | *Melanggar Pantang* | Melanggar Janji |
| 10. | *Gagak dan Bangau* | Melanggar Janji |
| 11. | *Selaput Lemayung* | Melanggar Janji |
| 12. | *Mengapa Musang Memakan Ayam* | Pembohongan |
| 13. | *Dua Orang Pemuda* | Pembohongan |
| 14. | *Tuhan yang Maha Adil* | Pemalas |
| 15. | *Budak yang Malas* | Pemalas |
| 16. | *Takar Emas* | Pemalas |
| 17. | *Semut dan Cengkerik* | Pemalas |
| 18. | *Santubong, Sang Puteri* | Perbalahan |
| 19. | *Semut Berperang dengan Gajah* | Perbalahan |
| 20. | *Lombong Menanti* | Perbalahan |
| 21. | *Pendekar Piatu* | Perbalahan |
| 22. | *Subang* | Perbalahan |
| 23. | *Pohon Kemuni* | Keangkuhan |
| 24. | *Si Jambul* | Keangkuhan |
| 25. | *Orang Sombong Selalu Rugi* | Keangkuhan |
| 26. | *Gajah Bermata Kecil* | Sombong |
| 27. | *Kelekatu Sombong* | Sombong |
| 28. | *Sereban Tidak Sebulu* | Sombong |
| 29. | *Nenek Moyang Bertam* | Sombong |
| 30. | *Si Kaluni* | Sombong |
| 31. | *Melanggar Janji* | Penderhakaan |
| 32. | *Cik Siti Tanah Masyhur* | Penderhakaan |
| 33. | *Nakhoda Tanggang* | Penderhakaan |
| 34. | *Buaya Anak Derhaka* | Penderhakaan |
| 35. | *Nakhoda Haloba* | Ketamakan |
| 36. | *Gembala Tamak* | Ketamakan |

Jadual 1.5: Senarai Tajuk Cerita dan Unsur Polemik



FYP FTKW

Di samping itu, kajian ini akan menggunakan satu teori tempatan iaitu teori Takmilah. Shafie Abu Bakar merupakan pencetus kepada teori tempatan ini pada tahun 1993. Teori Takmilah dipecahkan kepada tujuh prinsip yang terdiri daripada prinsip ketuhanan bersifat *Kamal*, kerasulan sebagai insan *Kamil*, Islam bersifat *Akmal*, hubungan sastera dengan ilmu, sastera berciri estetik, pengkarya mengistikmalkan diri dan hubungan khalayak dengan karya. Tujuh prinsip tersebut pengkaji hanya membataskan kepada satu sahaja prinsip iaitu prinsip pengkarya mengistikmalkan diri. Prinsip ini sesuai digunakan yang mana pengkarya perlu melengkapkan diri dengan ilmu-ilmu dalam menyampaikan ilmu yang bermanfaat kepada khalayak. Hal ini demikian kerana, penyampaian ilmu yang bermanfaat oleh pengkarya yang berilmu dapat membentuk satu kelompok masyarakat yang cemerlang.

FYP FTKW

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

1.6 Kepentingan Kajian

Setiap kajian penyelidikan sememangnya mempunyai kepentingan tersendiri. Dalam kajian yang dijalankan ini berkepentingan dalam memberi kesan serta manfaat yang baik tidak hanya kepada pihak pengkaji itu sendiri tetapi juga kepada golongan masyarakat melalui hasil dapatan kajian ini yang mana terlibat secara langsung atau tidak langsung.

Berdasarkan kajian-kajian lepas didapati isu polemik kurang diberi fokus oleh pengkaji-pengkaji lepas. Maka, kepentingan kajian yang dilaksanakan ini adalah bertujuan untuk mengemukakan unsur polemik yang terkandung dalam cerita rakyat. Polemik yang terkandung dalam cerita rakyat dianggap sebagai suatu perkara yang negatif di mata masyarakat. Walaupun unsur polemik dilihat atau dilabel sebagai suatu yang buruk namun sekiranya diteliti balik dapat dilihat bahawa sebaliknya terkandungnya perkara yang positif yang sebenar dalam penceritaan yang cuba disampaikan melalui watak atau inti pati yang dipaparkan. Hal ini demikian kerana, penceritaan yang menonjolkan perkara negatif tidak semestinya membawa makna ingin memperlihatkan kelemahan yang terdapat pada watak tetapi sebaliknya adalah cara pengkarya mengolah cerita tersebut yang bertujuan dalam memberi iktibar dan pengajaran melalui penerapan polemik yang terdapat dalam cerita rakyat. Justeru itu, pentingnya penulisan yang dijalankan ini untuk memberi pendedahan kepada masyarakat berkenaan unsur polemik agar dapat mengubah pemikiran mereka.

Penggunaan teori dalam kajian ini merupakan salah satu kepentingan kajian ini. Teori Takmilah yang dirangka oleh Shafie Abu Bakar (1993) akan pengkaji mengaplikasikannya dalam kajian penyelidikan ini. Teori Takmilah digunakan untuk menganalisis dapatan kajian yang diperolehi dalam memfokuskan unsur polemik dalam konteks cerita rakyat. Malah, penggunaan teori ini penting dalam memastikan



FYP FTKW

dapatan kajian adalah tersusun dan bertepatan dengan kajian yang ingin dijalankan. Tambahan pula, penggunaan teori ini diharapkan dapat memartabatkan lagi teori tempatan agar dapat mengangkat kedudukan teori ini setanding dengan teori-teori Barat. Hal ini demikian kerana, penggunaan teori-teori Barat lebih mendapat perhatian oleh beberapa pengkaji berbanding teori tempatan. Pada masa yang sama, diharap penggunaan teori tempatan ini dapat memberi manfaat kepada pengkaji lain sebagai sumber rujukan dalam memudahkan urusan kajian yang mereka jalankan.

Oleh itu, diharapkan kepentingan kajian ini serba sedikit dapat membantu para pengkaji dalam menjayakan penyelidikan mereka secara lebih jelas dan memberi peluang serta kebaikan kepada mereka untuk memperluaskan lagi penggunaan teori Takmilah dalam membahaskan dalam konteks kesusasteraan.

FYP FTKW

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

## 1.7 Definisi Operasional

Definisi operasional ini pengkaji akan mengemukakan tiga konsep iaitu cerita rakyat, polemik dan teori Takmilah berdasarkan kepada pendapat yang dinyatakan oleh para sarjana secara jelas dan terperinci.

### 1.7.1 Cerita Rakyat

Menurut Harun Mat Piah, *et al.* (2006) cerita rakyat adalah cerita yang disampaikan daripada satu generasi kepada satu generasi yang lain dalam bentuk tutur bicara dan ia merupakan hasil sastera milik sesuatu kelompok masyarakat. Selain itu, cerita rakyat ini mempunyai pelbagai unsur yang melibatkan unsur pengajaran, sindiran, penyampaian ilmu dan nasihat (Ding Choo Ming, 2013). Di samping itu, pendapat yang dikemukakan oleh Tjetjep Rosmana (2010) mendefinisikan cerita rakyat dapat diguna pakai sebagai satu sistem kawalan sosial yang dapat mewujudkan kehidupan harmoni, bahagia dan bersatu.

Oleh hal yang demikian, dapat disimpulkan bahawa cerita rakyat merupakan produk ciptaan masyarakat Melayu yang dimiliki secara bersama-sama. Hal ini demikian kerana, cerita rakyat tidak diketahui siapa pengarangnya dan cerita-cerita yang disampaikan berkembang dengan menggunakan mulut sebagai alat pertuturan. Walaubagaimanapun, cerita rakyat ini sememangnya berlaku tokok-tambah dalam penceritaannya namun fungsinya adalah sama yang mana bertujuan untuk memberi nasihat, pengajaran, didikan dan sebagainya dalam melahirkan sebuah kehidupan yang aman dan harmoni. Maka, jelaslah apa yang dimaksudkan dengan makna cerita rakyat.

FYP FTKW
UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

1.7.2 Polemik

Polemik ini dilihat sebagai perdebatan atau juga dikenali sebagai konflik yang wujud disebabkan oleh percanggahan pendapat daripada pihak yang terlibat. Tjosvold Dean (1993) menyatakan bahawa polemik atau konflik merupakan kemahuan manusia yang berbeza yang wujud dimana ia boleh menimbulkan ketidaksefahaman antara satu sama lain disebabkan oleh kemahuan satu pihak tidak sama atau sesuai dengan kemahuan pihak yang lain. Selain itu, Ismail Restu (2006) menjelaskan bahawa konflik atau polemik ini tidak hanya terjadi dalam kalangan manusia sahaja namun konflik juga boleh berlaku antara manusia dengan bencana atau alam dan lain-lain.

Maka, dapat ditafsirkan bahawa polemik ini merujuk kepada sesuatu yang tidak bagus. Hal ini demikian kerana, polemik atau konflik tercetus disebabkan oleh paparan watak itu sendiri yang mempunyai perbezaan kepentingan dalam memenuhi keinginan masing-masing. Bahkan, polemik dapat mengundang berlakunya pertentangan yang melibatkan dua pihak atau lebih yang boleh memberi kesan yang buruk seperti emosi yang tidak terkawal yang mendorong kepada perbalahan atau sebagainya. Namun begitu, polemik dalam cerita rakyat ini sangat penting untuk dilihat dari perspektif yang baik kerana ia berperanan dalam memberi teguran kepada masyarakat dalam mengajak mereka agar dapat membentuk sahsiah atau jati diri ke arah yang lebih elok.

1.7.3 Teori Takmilah

Pada tahun 1993, teori Takmilah telah dirangka oleh Shafie Abu Bakar di Jabatan Persuratan Melayu (JPM) Universiti Kebangsaan Malaysia (Abdul Halim Ali, 2018). Teori ini merupakan teori yang berlandaskan Islam. Kewujudan teori ini membuka ruang dan peluang kepada pengkaji untuk mengkritik, mengulas, menganalisis berdasarkan prinsip-prinsip keislaman yang bersandarkan kepada konsep tauhid. Menurut Shafie Abu Bakar (1995) menyatakan ketujuh-tujuh prinsip



FYP FTKW

yang terkandung dalam teori tersebut mempunyai kaitan dengan tauhid kerana prinsip-prinsip tersebut menggariskan ikatan pertalian manusia. Antaranya ialah ikatan hubungan manusia dengan alam dan hubungan manusia dengan Allah.

FYP FTKW

1.8 Organisasi Kajian

Organisasi kajian merupakan ringkasan berkenaan kajian yang dilakukan pada setiap bab. Rangkuman keseluruhan kajian ini terdiri daripada lima bab sahaja. Kandungan aspek daripada setiap bab ini adalah berbeza.

Bab Satu

Bab ini merupakan bahagian pendahuluan. Aspek-aspek yang dibincangkan adalah pengenalan, penyataan masalah, persoalan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, batasan kajian, definisi operasional, organisasi kajian dan penutup. Bahagian ini merupakan penerangan keseluruhan kajian.

Bab Dua

Bab ini adalah kajian berkenaan sorotan kajian lepas. Pada bab dua ini, pengkaji akan melibatkan proses membaca dan penelitian terhadap kajian-kajian terdahulu yang telah dijayakan oleh para sarjana lepas. Proses tersebut dijalankan bertujuan untuk melihat sama ada kajian dalam konteks polemik ini pernah dijalankan oleh para sarjana lepas atau sebaliknya. Seterusnya, pengkaji turut menjadikan kajian-kajian terdahulu sebagai sumber rujukan bagi membolehkan pengkaji memahami kajian polemik yang ingin dikaji. Bahkan, pengkaji telah memilih beberapa kajian lepas yang bersesuaian atau berkaitan dengan pemilihan tajuk kajian iaitu polemik dalam cerita rakyat. Lanjutan itu, pengkaji akan pecahkan sorotan kajian lepas kepada dua bahagian yang merujuk kepada kajian terhadap cerita rakyat di Malaysia dan kajian teori Takmilah dalam karya-karya sastera.



FYP FTKW

Bab Tiga

Bab tiga pula merujuk kepada perbahasan tentang metodologi kajian. Bahagian ini pengkaji telah menetapkan kaedah yang perlu dijalankan dalam menjayakan kajian ini. Pengkaji menjelaskan kaedah yang digunakan yang mana terdiri daripada kaedah perpustakaan dan analisis teks juga penggunaan teori. Metodologi kajian ini penting dalam menghasilkan sebuah kajian secara teratur dan kemas.

Bab Empat

Bab ini akan membincangkan dan menjelaskan berkenaan dapatan analisis dan dapatan kajian. Bahagian ini pengkaji akan menganalisis dapatan kajian yang diperolehi melalui penelitian dan analisis teks dalam buku *Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia.* Pengkaji mendapati wujud unsur polemik dalam cerita rakyat dengan mengaplikasikan satu teori tempatan iaitu teori Takmilah oleh Shafie Abu Bakar (1993). Polemik atau konflik ini merupakan suatu perkara menunjukkan adanya perdebatan, perbahasan atau sebagainya yang mana ia boleh melibatkan antara satu atau lebih pihak yang tertentu dan berupaya dapat mendatangkan perkara yang tidak baik.

Bab Lima

Bab ini merupakan kesimpulan iaitu bahagian akhir untuk kajian yang dijalankan. Bahagian ini pengkaji akan merumuskan kesimpulan secara keseluruhan yang diperolehi melalui hasil dapatan kajian yang bersandarkan kepada objektif kajian yang dibina pada peringkat awal kajian. Rumusan dan cadangan turut disertakan dalam bahagian ini.

FYP FTKW

## 1.9 Penutup

Kesimpulannya, kajian ini menyentuh berkenaan unsur polemik yang hanya memfokuskan kepada genre cerita rakyat sahaja. Melalui polemik yang berunsurkan negatif yang terdapat dalam cerita rakyat ini banyak boleh diambil sebagai pembelajaran oleh masyarakat agar membuka minda mereka berkenaan dengan kebaikan cerita rakyat. Hal ini demikian kerana, unsur polemik tersebut diakhir penceritaannya diselitkan dengan pengajaran yang dapat memberi pandangan dan cara berfikir masyarakat terhadap cerita rakyat. Seterusnya, bahagian-bahagian di atas merupakan aspek yang akan dibincang dan dikaji serta menjadi landasan kepada satu perbincangan untuk bab-bab seterusnya. Oleh itu, pengkaji berharap agar dapat menjalankan kajian ini sebaik mungkin dan bertepatan bagi mencapai objektif kajian dalam memastikan kajian ini dapat berjalan dengan lancar.

FYP FTKW

BAB 2

SOROTAN KAJIAN LEPAS

## 2.1 Pengenalan

Pada bahagian bab dua ini, pengkaji melaksanakan satu penelitian terhadap artikel atau kajian terdahulu yang telah dihasilkan oleh para sarjana atau pengkaji. Pengkaji menjalankan proses penelitian ini bertujuan untuk melihat sama ada kajian polemik ini pernah dijalankan oleh pengkaji lepas atau masih wujudnya kelompongan dalam kajian tersebut. Oleh itu, dalam sorotan kajian lepas ini akan pengkaji pecahkan kepada dua bahagian. Bahagian pertama diberi fokus terhadap kajian tentang cerita rakyat di Malaysia manakala bahagian kedua pula merujuk kepada kajian berkenaan teori Takmilah dalam karya sastera. Sorotan kajian lepas yang dipilih akan diterangkan secara lebih terperinci.

FYP FTKW
UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

## 2.2 Pengkajian Cerita Rakyat di Malaysia

Kajian *Nilai-Nilai Murni Dalam Seuntai Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia* oleh Mohd Firdaus Che Yaacob (2015). Pengkajian ini telah diberi fokus terhadap nilai-nilai murni dalam cerita rakyat yang telah dipilih untuk dikenal pasti dan dianalisis. Jumlah penggunaan cerita rakyat yang telah dihadkan adalah sebanyak 52 buah cerita dan penemuan nilai-nilai murni ini adalah sebanyak 16. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif dengan penerapan Falsafah Pendidikan Kebangsaan untuk menghasilkan sebuah kajian yang tepat dan kukuh. Melalui analisis kajian yang dijalankan dapat dilihat bahawa konsep Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang terdiri daripada menjana minda, rohani, emosi dan jasmani bersesuaian dengan penemuan nilai-nilai murni tersebut. Hal ini demikian kerana, nilai-nilai tersebut dapat memberi pendedahan kepada masyarakat akan kehebatan masyarakat Melayu dahulu dan penerapan nilai murni dalam diri mereka dengan harapan agar dapat melahirkan generasi yang unggul pada masa hadapan.

Tambahan pula, kajian *Pemikiran Melayu Dalam Cerita Lipur Lara* oleh Ezzah'afifah Nasrudin & Che Ibrahim Salleh (2015). Cerita lipur lara merupakan sebahagian daripada cerita rakyat Melayu. Objektif kajian ini berpaksikan kepada tiga komponen yang utama iaitu mengenal pasti, menganalisis dan merumuskan perihal pemikiran secara terperinci. Empat buah cerita lipur lara digunakan. Rujukan teks dan kaedah kepustakaan digunakan dengan penerapan pendekatan Sosiologi untuk menghasilkan suatu analisis yang berpandukan kepada hujahan yang bertepatan dan mantap. Hasil daripada apa yang dirumuskan memperlihatkan pemikiran Melayu dalam aspek sosioekonomi, agama, kepahlawanan, moral, budi, sosiopolitik dan kepimpinan.

FYP FTKW

Sementara itu, kajian *Personaliti Ibu Bapa Dalam Teks Cerita Rakyat Kadazan Dusun* oleh Minah Sintian (2015). Kaedah mengenal pasti berkenaan perwatakan ibu bapa yang ditampilkan dalam teks cerita rakyat merupakan matlamat kajian ini dijalankan. Pengkajian ini mengkhususkan kepada cerita rakyat Kadazan Dusun di samping dengan penggunaan dua teori iaitu Hierarki keperluan Maslow dan Psikoanalisis Sigmund Freud untuk mengukuhkan lagi dapatan kajian ini. Pengkajian ini bersifat kualitatif yang tertumpu kepada teks enam buah cerita rakyat yang berjudul *Buaya Menjadi Manusia, Poinuun dan Poundapu, Rakian dan Bulontoi, Batu Besar dan Telur Ayam, Ikan Menjadi Manusia* dan *Sugaring Si Hati*. Hasil kajian ini mendapati bahawa imej ibu bapa yang dipaparkan mempunyai personaliti neurotik. Neurotik merujuk kepada kecemasan moral dan emosional yang tinggi yang wujud disebabkan oleh kehilangan rangsangan id (kehilangan rasa seronok). Sebagai contoh, perasaan gelisah, takut, kecewa dan sebagainya. Oleh itu, kajian ini telah dihasilkan agar dapat menyelusuri, melihat dan memahami tingkah laku yang dibawa oleh ibu bapa dalam cerita rakyat Kadazan Dusun.

Siti Zuhaidah Zakeria (2015) telah menjalankan satu penelitian terhadap *Gaya Penyampaian Cerita Rakyat Melayu Terpilih Dalam Majalah Dewan Pelajar.* Penelitian ini lebih menekankan kepada aspek gaya yang disampaikan oleh pengarang menerusi teks cerita rakyat Melayu. Maka, kajian ini untuk melihat dan merumuskan berkaitan gaya penyampaian yang dibawa oleh pengarang dalam cerita rakyat Melayu menerusi majalah Dewan Pelajar kepada kanak-kanak. Pendekatan kualitatif digunakan dalam penelitian ini di samping teori Psikologi Perkembangan Kanak-kanak digunakan untuk menguatkan analisis. Sebanyak 21 buah cerita rakyat akan dirujuk untuk mencapai objektif tersebut. Rumusannya, gaya penyampaian cerita rakyat Melayu oleh pengarang ini dilihat dalam bentuk yang menarik dan baik. Malah penyampaiannya juga mengandungi pengajaran yang sememangnya dapat dijadikan sebagai bahan pembelajaran.



FYP FTKW

Kajian penyelidikan oleh Mohamad Zuber Ismail, Sara Beden & Mohamad Mokhtar Abu Hassan (2015) yang bertajuk *Hikayat Awang Sulung Merah Muda Dari Perspektif Pendekatan Pengurusan*. Tujuan penyelidikan ini dihasilkan adalah untuk menganalisis berkenaan aspek pengurusan dalam konteks kepimpinan yang diterapkan dalam cerita lipur lara. Kajian ini membataskan kepada satu penggunaan cerita iaitu *Hikayat Awang Sulung Merah Muda.* Pendekatan yang digunakan adalah Pengurusan dengan mengkhususkan pengaplikasian satu prinsip iaitu Kepimpinan. Analisis dokumen dan kepustakaan diterapkan dalam kajian ini. Hasil yang diperolehi membuktikan bahawa cerita lipur lara tersebut kaya dengan prinsip Kepimpinan. Prinsip Kepimpinan tersebut dapat dilihat menerusi berjiwa rakyat, berwawasan, kebijaksanaan dan berpandangan jauh. Kesimpulannya, pendekatan Pengurusan melalui prinsip Kepimpinan ini bersesuaian dalam penghasilan kajian ini.

Hasil penulisan oleh Mohd Fahmi Ismail, Salmah Jan Noor Muhammad & Mohd Sharifudin Yusop (2015) yang berjudul *Cerita Rakyat Melayu: Suatu Analisis Pancaran Jati Diri Masyarakat Melayu Sebagai Cerminan Kebudayaan Melayu*. Pengaruh teknologi yang semakin membangun ini telah mengakibatkan cerita rakyat Melayu kurang lagi dikenali dan diminati oleh masyarakat. Justeru itu, kajian penulisan makalah ini dijalankan bagi mempertahankan semula martabat cerita rakyat Melayu agar ia berterusan mendapat perhatian dalam kalangan masyarakat. Oleh itu, cerita rakyat Melayu ini akan dikenal pasti dan dianalisis berkenaan kewujudan nilai jati diri. Teori Ekologi Budaya digunakan oleh pengkaji sebagai landasan untuk mengukuhkan kajian yang dilaksanakan dan kajian ini bersifat kualitatif. Sebanyak 12 buah cerita rakyat Melayu dijadikan sebagai rujukan bagi merungkai kewujudan nilai jati diri. Hasil dapatan kajian mendapati nilai jati diri yang dibawa oleh masyarakat Melayu adalah kasih sayang, berhemah tinggi, kerjasama, keberanian, rasional dan kerajinan. Kesimpulannya, nilai-nilai positif seperti nilai jati diri yang dipaparkan dalam cerita tersebut jelas menunjukkan fungsinya dalam memberi tarikan minat kepada pembaca.



FYP FTKW

Clarice Gallus & Low Kok On (2016) dalam kajian *Tangon Dusun Liwan: Satu Analisis Tema.* Setiap negeri, daerah dan juga etnik mempunyai cerita rakyat yang tersendiri. Etnik Dusun Liwan turut memperlihatkan kekayaan cerita rakyatnya. Oleh itu, pengkaji membincangkan aspek tema yang terdapat dalam cerita rakyat milik etnik Dusun Liwan di Sabah. Kajian ini melibatkan temu bual dengan penduduk Dusun Liwan untuk memperolehi dan mengumpulkan cerita rakyat. Sebanyak 33 buah cerita rakyat yang berhasil dikumpulkan. Cerita rakyat tersebut lalu dianalisis dan disusun mengikut tema-tema cerita. Berdasarkan kepada hasil analisis kajian mendapati bahawa sebanyak 11 tema yang terpapar dalam cerita rakyat Dusun Liwan. Sebagai contoh, penipuan, asal usul, sakti dan pelbagai lagi. Penutupnya, cerita rakyat milik etnik Dusun Liwan ini memaparkan tema yang berbeza. Walaupun ia berbeza namun tujuannya untuk memberi pengajaran dan pendidikan kepada pembaca.

*Kearifan Tempatan Dalam Cerita Rakyat Dayak Kanayatn: Kajian Hermeneutik* oleh Sesilia Seli (2016). Jumlah komuniti yang menyebarkan perkongsian cerita rakyat Dayak Kanayatn kini berkurang. Maka masalah tersebut mendorong pengkaji untuk menjalankan kajian ini. Oleh itu, objektif kajian ini bertujuan untuk membuktikan kewujudan kearifan tempatan dalam cerita rakyat milik kaum Dayak Kanayatn. Metode kualitatif digunakan dengan melibatkan kerja lapangan dan kepustakaan. Dalam memastikan hujahan yang mantap maka pendekatan Hermeneutik digunakan. Sebanyak 16 buah cerita digunakan dalam penyelidikan ini. Tambahan pula, cerita rakyat tersebut dikategorikan kepada dua bahagian iaitu *gesah* dan *singara*. Hasil penyelidikan menunjukkan kearifan tempatan ini meliputi aspek dari segi pengetahuan tempatan, sumber daya tempatan, nilai-nilai tempatan dan keterampilan serta teknologi secara menyeluruh.



FYP FTKW

Lagi, *Wacana Cerita Rakyat Melayu Dalam Kalangan Pelajar Korea* oleh Normaliza Abd Rahim *et al.* (2016). Kajian ini mengkhususkan kepada sudut pandang oleh pelajar Korea terhadap cerita rakyat Melayu. Objektif kajian ini adalah untuk melihat dan merumuskan maklum balas mereka mengenai cerita rakyat Melayu. Kajian ini membataskan kepada tiga buah cerita rakyat. Kajian ini menggunakan kaedah kepustakaan dan sampel kajian sebanyak 20. Sampel tersebut akan diberikan kepada pelajar lelaki dan perempuan di sebuah universiti yang dinamakan Universiti Hankuk Pengajian Asing, Korea. Data-data yang diperolehi akan diaplikasikan dengan menggunakan teori Analisis Wacana. Hasil daripada maklum balas mengenai pandangan pelajar Korea terhadap cerita rakyat Melayu ini dapat dikategorikan ujaran mereka dalam beberapa bentuk. Antaranya kesan, andaian, konsep dan rujukan hasil daripada pembacaan mereka terhadap cerita rakyat Melayu.

*Nilai Sosiobudaya Dalam Cerita Kanak-Kanak Pilihan* daripada Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi & Awang Azman Awang Pawi (2016). Cerita rakyat sememangnya diterapkan dengan nilai sosiobudaya sama ada secara tersirat atau tersurat. Dengan itu, pengkaji akan merungkai dan membincangkan tentang nilai-nilai sosiobudaya yang terisi muat dalam teks cerita kanak-kanak yang terpilih. Kajian ini menggunakan kaedah soal selidik, kepustakaan dan rujukan teks. Hasil menunjukkan bahawa nilai sosiobudaya yang paling dominan ialah kasih sayang, berjasa dan berbakti. Oleh itu, jelas menunjukkan bahawa nilai sosiobudaya iaitu kasih sayang dan berjasa dan berbakti ini banyak diterapkan dalam cerita kanak-kanak.

Penelitian yang bertajuk *Students' Perception Towards Malay Folklore Songs* oleh Normaliza Abd Rahim & Nik Ismail Harun (2016). Kajian ini menyentuh kepada tanggapan pelajar terhadap lagu-lagu cerita rakyat Melayu. Kajian ini untuk menilai dan merumuskan tanggapan pelajar terhadap lagu-lagu cerita rakyat Melayu. Kajian ini menggunakan kaedah soal selidik dengan sampel kajian adalah 200 orang dari



FYP FTKW

Universiti Putra Malaysia. Lima buah lagu cerita rakyat Melayu telah dipilih dan digunakan. Hasil kajian menunjukkan keputusan yang positif yang mana majoriti bersetuju bahawa lirik lagu cerita rakyat yang digunakan mudah difahami, penggunaan muzik yang sesuai dan jalan penceritaan yang menarik. Rumusan, kajian yang dihasilkan oleh beliau sedikit sebanyak dapat memberi pengetahuan dan pendedahan awal kepada masyarakat untuk mereka lebih mengenali tentang lagu rakyat tersebut.

Tambahan pula, penyelidikan yang dilaksanakan oleh Mohd Firdaus Che Yaacob & Nasirin Abdillah (2016) iaitu *Penerapan Nilai Murni Dalam Cerita Rakyat Melayu Suatu Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu: Analisis Nilai Kasih Sayang Dan Nilai Keadilan Dalam Masyarakat Melayu.* Cerita rakyat Melayu banyak merungkai dan memaparkan beberapa aspek yang dapat dilihat dari segi pengalaman hidup, budaya, sejarah dan lain-lain. Maka, matlamat pengkajian ini adalah untuk merungkai serta merumuskan nilai murni yang telah diberi fokus terhadap nilai kasih sayang dan nilai keadilan. Kaedah kualitatif yang melibatkan kaedah pembacaan digunakan sebagai metodologi kajian. Buku *Himpunan 366 Cerita Rakyat di Malaysia* dipilih sebagai rujukan utama. Pemilihan cerita rakyat Melayu dibataskan sebanyak empat buah cerita. Penyelidikan ini menggunakan teori Pengkaedahan Melayu sebagai penggerak kepada pembentukan analisis yang kukuh. Hasil dapatan menunjukkan bahawa nilai kasih sayang dapat dilihat menerusi cerita *Batu Belah Batu Bertangkup, Nakhoda Haloba* dan *Puteri Pucuk Ketumpang* manakala dalam cerita *Awang Selamat, Kacang dan Telur Ayam* dan *Puteri Kelapa Gading* pula terkandungnya nilai keadilan. Kesimpulannya, masyarakat Melayu yang mengamalkan nilai tersebut maka kehidupan mereka jalani dipenuhi dengan kasih sayang dan adil antara satu sama lain. Kesannya, dapat membangun sebuah kehidupan masyarakat yang harmoni tanpa sebarang persengketaan.



FYP FTKW

Seterusnya, kajian yang telah dijayakan oleh Mohd Firdaus Che Yaacob & Normaliza Abd Rahim (2016) yang diberi tajuk *Nilai Baik Hati Menerusi Cerita Rakyat Melayu Terhadap Masyarakat Melayu Suatu Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu*. Cerita rakyat yang jelas dengan penemuan nilai-nilai murni ini dapat dijadikan ia sebagai khazanah yang sangat berharga dan bernilai. Cerita rakyat ianya juga penting untuk dikekalkan dan dipelihara agar dapat diterapkan dalam jiwa masyarakat. Pengkajian ini dilaksanakan bertujuan untuk meneliti dan membincangkan kewujudan nilai murni yang dikhususkan kepada nilai baik hati yang terdapat dalam cerita rakyat Melayu yang tertumpu kepada golongan masyarakat Melayu. Buku *Koleksi Himpunan 366 Cerita Rakyat* telah pengkaji gunakan sebagai sumber rujukan bersertakan penggunaan teori Pengkaedahan Melayu sebagai metodologi kajian. Pengkaji mengehadkan jumlah penggunaan cerita rakyat sebanyak empat buah cerita. Cerita yang dipilih bertajuk *Tuan Puteri Si Helang Bakau, Isteri yang Bongkak, Bismillah* dan *Raja Kuyuk*. Hasil yang diperolehi oleh pengkaji mendapati bahawa wujudnya nilai baik hati dan nilai ini dapat dilihat melalui beberapa ciri. Antaranya ialah belas kasihan, murah hati, sedia memaafkan dan bertimbang rasa. Kesimpulannya, nilai baik hati yang ditonjolkan oleh watak menerusi cerita rakyat memberi gambaran keperibadian masyarakat dahulu. Gambaran tersebut berperanan dalam memberi tauladan kepada masyarakat Melayu agar mereka dapat membentuk moral positif demi membina kehidupan yang harmoni.

Roslina Abu Bakar & Aone Van Engelenhoven (2016) menjalankan pengkajian mengenai *Alam Dan Budaya Masyarakat Melayu Dalam Hikayat Pelanduk Jenaka*. Kisah hikayat tersebut menceritakan kehidupan binatang yang hidup di hutan. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk meneliti dan membincangkan tentang cara hidup dan kebudayaan yang dibawa oleh masyarakat Melayu melalui paparan cerita rakyat dalam bentuk cerita binatang. Kajian ini menggunakan teknik analisis teks disertai dengan pengaplikasian teori Pengkaedahan Melayu untuk memastikan ketepatan



FYP FTKW

dalam huraian analisis. Kajian ini hanya dikhususkan kepada satu cerita iaitu *Hikayat Pelanduk Jenaka* sebagai sumber rujukan utama dalam penghasilan penulisan ilmiah ini. Hasil kajian yang telah diperolehi menunjukkan paparan berkenaan hubungan erat antara masyarakat Melayu dengan kehidupan alam serta kebudayaan yang dibawa oleh masyarakat Melayu telah berjaya pengkaji buktikan.

Kajian oleh Siti Zuhaidah Zakeria & Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi (2016) menerusi *Kesinambungan Warisan Budaya Masyarakat Melayu Pantai Timur Dalam Cerita Rakyat Untuk Kanak-Kanak*. Ekoran daripada pembangunan dan perkembangan teknologi serta pendidikan yang semakin hari semakin pesat telah mengakibatkan nilai kebudayaan semakin terhapus sedikit demi sedikit. Malah, masyarakat hari ini menganggap bahawa berpegang kepada budaya dan nilai tradisional akan mengakibatkan proses pembangunan terbantut. Sehubungan itu, pengkaji menjalankan kajian ini kerana ingin melihat dan merumuskan kesinambungan warisan budaya yang hanya tertumpu kepada cerita-cerita masyarakat Melayu yang diberi fokus di Pantai Timur dalam kalangan kanak-kanak. Kaedah berbentuk kualitatif dan buku *Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia* dirujuk dalam melaksanakan penulisan ini. Kajian ini menetapkan sebanyak 68 buah cerita rakyat. Hasil analisis perbincangan mendapati bahawa terdapat tiga unsur budaya seperti perubatan, seni budaya ekspresif dan kepercayaan dalam teks cerita rakyat adalah yang paling berpengaruh dan budaya tersebut masih menjadi amalan masyarakat Melayu Pantai Timur hari ini. Rumusan, kejayaan kajian penyelidikan ini dapat memberi pendedahan dan juga peluang kepada kanak-kanak untuk mengenali budaya masyarakat Melayu ketika dahulu agar dapat membuka minda mereka ke arah yang lebih kritis.

Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi (2016) menerusi kajiannya *Pengurusan Konflik Dalam Cerita Rakyat Nusantara Abad Ke-19.* Konflik ini melibatkan situasi yang dikaitkan dengan perselisihan dan persengketaan (Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi,



FYP FTKW

2016). Kajian penyelidikan ini bermatlamatkan dalam mengenal pasti dan membincangkan tentang pengurusan konflik yang terkandung dalam buku lama cerita rakyat nusantara. Kaedah analisis teks dan kepustakaan diterapkan dalam penyelidikan ini. Pengkaji menggunakan sembilan buah cerita rakyat nusantara yang telah dipilih. Dapatan kajian memperlihatkan masyarakat Melayu tradisi menggunakan kaedah yang tertentu dalam menguruskan sesuatu konflik. Kesimpulannya, konflik akan sentiasa berlaku dalam kehidupan sama ada secara langsung atau tidak langsung. Malah ia merupakan sebahagian lumrah dalam kehidupan.

Seterusnya, *Impak Cerminan Seni Budaya Berfikir Masyarakat Melayu Ke Arah Kemajuan Multimedia Menerusi Cerita Rakyat* oleh Mohd Firdaus Che Yaacob (2016). Kajian ini menyentuh perbincangan berkenaan kesan daripada seni budaya berfikir dalam kalangan masyarakat Melayu bagi mengangkat kedudukan cerita rakyat Melayu ke dalam medium multimedia. Maka kajian ini dihasilkan untuk menilai kesan daripada seni budaya berfikir masyarakat Melayu untuk dijadikan sebagai peluang dalam memartabatkan khazanah bernilai iaitu cerita rakyat dalam bentuk multimedia di Malaysia. Penerapan kualitatif digunakan untuk menghasilkan hujahan yang tepat. Hasil dari perbincangan telah memaparkan bahawa impak cerminan seni budaya berfikir dalam kalangan masyarakat Melayu menerusi cerita rakyat ini telah mendatangkan sesuatu yang positif maka ia berupaya untuk dibentuk dalam teknologi multimedia. Dengan ini, cerita rakyat dapat diperluaskan lagi dengan cara yang lebih berinovasi atau terdapat kelainan yang dapat dilihat menarik dan lebih berkesan.

Lanjutan itu, Florina Jumil & Norjietta Julita Taisin (2017) menghasilkan sebuah kajian yang bertajuk *Nilai Pendidikan Dalam Tangon-Tangon Masyarakat Kadazandusun*. Tangon membawa maksud cerita rakyat dan ia juga tergolong dalam sastera lisan. Pengkaji telah menetapkan objektifnya untuk mencari nilai-nilai pendidikan yang terdapat dalam cerita rakyat Kadazandusun. Sebanyak lapan buah



FYP FTKW

cerita rakyat dalam *Himpunan Cerita Kadazandusun* yang terpilih untuk dianalisis. Analisis teks dan kaedah kepustakaan telah diterapkan dalam kajian ini. Malah, teori Pendekatan Moral dan teori Formalistik digunakan untuk memastikan dapatan kajian adalah kukuh. Sehubungan itu, jelas menunjukkan nilai pendidikan yang dibawa menerusi cerita rakyat Kadazandusun dapat membentuk perwatakan si pembaca terutamanya kanak-kanak. Salah satu contohnya ialah nilai pendidikan melalui perwatakan yang rajin. Kesannya, kajian ini berupaya dalam menjadi alat untuk mendidik pembaca agar dapat berfikiran secara kreatif dan rasional.

Menerusi kajian *Cerita Rakyat Orang Asal Sabah Sebagai Medium Pembelajaran Asas Literasi: Analisis Keperluan* oleh Mohd Nazri Abdul Rahman *et al.* (2017). Kajian ini dihasilkan untuk mengenal pasti kesesuaian cerita rakyat sebagai medium pembelajaran asas literasi yang diberi fokus kepada kanak-kanak Orang Asal di Sabah. Pendekatan kualitatif iaitu melalui soal selidik dan penggunaan pendekatan Delphi Fuzzy digunakan bertujuan untuk mendapatkan persetujuan tentang kesesuaian cerita rakyat. Hasil yang diperolehi daripada borang selidik mendapati terdapat beberapa buah cerita yang sesuai untuk dijadikan sebagai bahan pembelajaran. Antaranya, adat resam, pantang larang, nilai tradisi masyarakat dan bahasa ibunda. Kesimpulannya, kumpulan pakar menjawab kepada soal selidik ini telah mencapai persetujuan terhadap cerita rakyat yang bersesuaian dalam membangunkan modul pembelajaran asas literasi.

Fifi Anak Rinyuk (2017) telah menjalankan kajiannya iaitu *Nilai-Nilai Moral Dalam Cerita-Cerita Rakyat Kaum Bidayuh, Serian*. Dalam menjayakan pengkajian ini, nilai-nilai moral diberi perhatian oleh pengkaji sebagai matlamat utama kepada penggerak kajian ini. Kajian ini berpandukan kepada tiga objektif iaitu mengklafikasikan, menghuraikan dan menghubungkaitkan nilai-nilai moral yang diterapkan dalam kaum Bidayuh dalam menjalani kehidupan seharian. Pendekatan



FYP FTKW

moral menerusi teori Pengkaedahan Melayu digunakan dalam kajian ini. Pengkajian ini adalah secara kualitatif yang mana pengkaji mendapatkan maklumat menerusi kaedah kepustakaan, lapangan dan rujukan teks. Didapati bahawa menerusi cerita rakyat kaum Bidayuh terkandungnya nilai-nilai moral yang mana ia sesuai dengan pengaplikasian pendekatan moral yang mana pendekatan ini lebih mementingkan inti pati daripada bentuk.

Kajian terhadap *Penerapan Falsafah Pendidikan Kebangsaan Melalui Cerita-Cerita Rakyat Melayu: Kajian Teks Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia Diselenggara Oleh Aripin Said & Othman Puteh* oleh Mohd Firdaus Che Yaacob & Nasirin Abdillah (2017). Pengkajian ini berpandukan kepada tiga cara iaitu meneliti, membincangkan dan menghuraikan kandungan teks cerita rakyat yang memaparkan berkenaan nilai-nilai murni. Pendekatan Falsafah Pendidikan Kebangsaan telah digunakan dalam kajian ini dengan disandarkan kepada konsep intelek, emosi dan rohani. Pengkajian ini telah memilih cerita rakyat yang berjudul *Puteri Bunga Tanjung, Pencerita yang Bijak dan Kerabu Tebu Sebatang*. Kebebasan, hemah tinggi dan hormat-menghormati ini merupakan nilai-nilai murni yang telah dijumpai oleh pengkaji dan ia sangat bertepatan dengan penerapan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Melalui konsep intelek emosi dan rohani dapat dijadikan sebagai pendidikan kepada masyarakat agar mereka berusaha untuk menjalani sebuah kehidupan yang lebih sejahtera.

Kajian yang bertajuk *Penggunaan Multimedia Ke Arah Memartabatkan Cerita Rakyat Masyarakat Melayu* oleh Mohd Firdaus Che Yaacob & Nasirin Abdillah (2017). Perubahan teknologi yang semakin berkembang maju dan pesat telah membuka peluang dalam memartabatkan cerita rakyat melalui penggunaan media agar ia dapat kembali hidup segar dalam kalangan masyarakat. Lantaran itu, pengkaji menjalankan kajian berkaitan budaya akal budi dan berfikir masyarakat Melayu melalui contoh-



FYP FTKW

contoh cerita rakyat Melayu serta penggunaan multimedia dalam memartabatkan cerita rakyat. Pendekatan kualitatif digunakan dengan kaedah pengumpulan maklumat dan menganalisis maklumat. Pengkaji telah memilih beberapa buah cerita rakyat Melayu secara rawak iaitu *Air Menitik di Atas Batu, Puteri Tuk Batin Johol, Padi Menjadi Emas, Anak yang Taat* dan *Kasih Sejati*. Pengkajian ini telah berhasil mengemukakan cara berfikir dan akal budi masyarakat menerusi cerita rakyat Melayu yang dipilih. Di samping itu, budaya berfikir dan akal budi ini dapat diaplikasikan ke dalam bentuk multimedia. Kesannya dapat memastikan cerita rakyat ini sentiasa terjaga. Sehubungan itu, pentingnya bagi setiap individu atau mana-mana pihak dalam memastikan cerita rakyat ini sentiasa diingati masyarakat walaupun berada di era moden.

Kajian yang diberi tajuk *Cerminan Moral Positif Dalam Cerita-Cerita Rakyat Melayu* oleh Mohd Firdaus Che Yaacob *et al.* (2017). Cerita rakyat Melayu ini sememangnya karya sastera yang sangat indah dan unik. Hal ini demikian kerana, inti patinya terkandung paparan tentang kekayaan moral positif. Justeru itu, pengkaji akan meneliti dan merumuskan cerminan moral yang dapat dilihat menerusi jalan penceritaan dalam cerita rakyat Melayu. Kajian ini berbentuk kualitatif yang diberi fokus terhadap dua kaedah iaitu kepustakaan dan teks. Pengkaji telah mengehadkan kepada penggunaan satu buku yang bertajuk *Himpunan 366 Cerita Rakyat di Malaysia* dengan pemilihan lima buah cerita rakyat Melayu. Antaranya ialah *Seuncang Padi, Padi Berbuah Emas, Raja Kuyuk, Awang yang Lurus* dan *Penjual Api yang Lurus.* Kajian ini mengaplikasikan teori Pengkaedahan Melayu. Hasil analisis dan perbincangan mendapat bahawa jelas terpapar cerminan moral positif masyarakat Melayu ketika itu yang dapat dilihat menerusi nilai kejujuran melalui ciri amanah, bercakap benar dan ikhlas. Oleh itu, penemuan cerminan moral positif ini bersesuaian dengan pengaplikasian teori Pengkaedahan Melayu menerusi pendekatan dakwah.



FYP FTKW

Kajian terhadap *Penerapan Konsep Menjana Minda Melalui Falsafah Pendidikan Kebangsaan Terhadap Masyarakat Melayu Dalam Cerita Rakyat Melayu* yang dihasilkan oleh Mohd Firdaus Che Yaacob & Nasirin Abdillah (2018). Cerita rakyat Melayu merupakan hak milik mutlak masyarakat Melayu. Namun begitu, cerita rakyat masih lagi dipandang enteng oleh masyarakat. Maka, masalah tersebut telah mendorong pengkaji untuk menjalankan kajian ini. Kajian ini berpaksikan kepada objektif mengetahui dan menganalisis nilai murni yang terdapat dalam cerita rakyat Melayu. Kajian ini telah dibataskan kepada beberapa buah cerita rakyat dengan bertunjangkan kepada pendekatan konsep menjana minda dari Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Metodologi kajian pula adalah kualitatif yang merangkumi dokumen analisis. Nilai murni yang telah dijumpai adalah rasional dan kerajinan. Oleh itu, nilai tersebut berupaya dalam mempengaruhi minda atau intelek pembaca agar dapat mendidik jiwa mereka untuk menjadi pemimpin yang berwawasan ketika mencapai dewasa kelak.

Kajian *Adaptasi Kesusasteraan Rakyat Cerita Jenaka Melayu Dalam Karya Seni Cetakan Kontemporari* oleh Hazrul Mazran Rusli (2018). Kajian ini lebih tertumpu kepada mengamati dan mengenal pasti akan unsur pengajaran yang terdapat dalam sastera rakyat menerusi teks jenaka Melayu. Temu bual, rujukan teks dan kepustakaan adalah kaedah yang digunakan dalam penghasilan kajian ini. Sebanyak tiga buah cerita jenaka Melayu yang telah dipilih dengan mengaplikasikan dua teori iaitu Ekplorasi Visual dan Adaptasi. Hasil perbahasan mendapati bahawa unsur pengajaran yang dibekalkan dalam teks cerita jenaka Melayu tersebut berpotensi untuk diadaptasikan dalam bentuk kesusasteraan rakyat ke dalam bentuk seni visual. Oleh itu, ia berupaya dalam memartabat dan mengekalkan kedua-dua bentuk kesenian ini.



FYP FTKW

Pengkajian seterusnya ialah *Nilai Budaya Dalam Cerita Rakyat Masyarakat Melayu Orang Asli Temiar Gua Musang, Kelantan: Satu Pengaplikasian Sastera Warisan* oleh Mohd Fahmi Ismail & Mohd Firdaus Che Yaacob (2018). Wujudnya kelompongan dalam kajian lepas maka telah mendorong pengkaji untuk melaksanakan kajian ini. Pengkajian ini memberi fokus terhadap nilai budaya yang terkandung dalam cerita rakyat masyarakat Orang Asli. Kaedah kualitatif digunakan yang mana melibatkan kepustakaan dan kerja lapangan untuk mencari dan mengumpul beberapa maklumat yang relevan dan tepat. Seterusnya, kajian ini mengaplikasikan teori Sastera Warisan sebagai landasan kepada pembentukan analisis yang kukuh. Hasil dapatan kajian membuktikan bahawa nilai budaya sememangnya wujud dalam cerita rakyat masyarakat Melayu Orang Asli Temiar. Ini memperlihatkan kekayaan budaya yang mereka terapkan sejak dulu lagi dan ia menjadi satu lambang atau simbol kehidupan yang bertamadun dalam masyarakat Melayu Orang Asli.

*Kesan Cerita Rakyat Masyarakat Orang Asli Temiar Gua Musang, Kelantan: Satu Penelitian Teori Konseptual Kata Kunci* hasil penyelidikan oleh Mohd Fahmi Ismail & Mohd Firdaus Che Yaacob (2018). Orang Asli Temiar merupakan kumpulan masyarakat yang dianggap ketinggalan dari segi kepesatan arus permodenan. Hal ini demikian kerana, kehidupan mereka jalani adalah di hutan dan mereka beranggapan bahawa hutan satu-satunya tempat tinggal mereka. Walaupun mereka terpinggir namun mereka kaya dengan cerita rakyat, nilai budaya dan daya pemikiran yang tinggi. Pengkajian ini adalah untuk melihat dan mentaksirkan kesan di sebalik cerita rakyat masyarakat Orang Asli Temiar. Kajian ini menggunakan kaedah kerja lapangan. Penerapan teori Konseptual Kata Kunci dalam kajian ini. Hasil daripada taksiran menunjukkan bahawa kesan yang tersirat dalam cerita rakyat milik mereka ini dapat mempengaruhi kehidupan mereka sehingga ia dapat dijadikan amalan dalam menjalani kehidupan seharian. Lantaran itu, cerita rakyat masyarakat Orang Asli



FYP FTKW

Temiar ini adalah khazanah yang tinggi martabatnya yang pernah diwarisi oleh nenek moyang dahulu kepada mereka.

*A Malaysian Folklore Game Design As A Tool Of Culture Preservation And Entertainment: Toyol* oleh Mohd Fairuz Ali & Ng Perng Jeu (2018). Kajian ini tertumpu kepada pembangunan pembentukan permainan berdasarkan cerita rakyat Malaysia iaitu *Toyol*. Objektif pertama kajian ini untuk mengenal pasti kemungkinan mengaplikasikan watak utama iaitu *Toyol* dalam reka bentuk permainan dan kedua adalah untuk memberi pendedahan tentang ciri-ciri *Toyol* melalui medium multimedia interaktif. Proses reka bentuk dipengaruhi oleh rujukan yang sedia ada daripada sastera, novel, filem dan lain-lain. Rumusan kajian ini menunjukkan bahawa cerita rakyat *Toyol* ini boleh dilaksanakan sebagai alat hiburan digital untuk menyampaikan pemahaman budaya, kepercayaan orang ramai dan pengetahuan tentang *Toyol*.

Muhammad Safuan Ismail, Roslina Abu Bakar & Nik Rafidah Nik Muhammad Effendi (2018) dalam kajian penelitian yang dinamakan *Cerita Jenaka Melayu Suatu Manifestasi Watak Dan Perwatakan Positif.* Tanggapan negatif masyarakat terhadap cerita jenaka Melayu yang memaparkan masyarakat Melayu lama adalah lurus dan bodoh telah mendorong penelitian ini dihasilkan. Oleh itu, kajian ini untuk membuktikan bahawa watak dalam cerita jenaka mampu memaparkan perwatakan yang positif. Pengkajian ini menggunakan lima buah cerita jenaka Melayu. Analisis kajian ini menggunakan kaedah kepustakan dan rujukan teks serta penggunaan teori Psikologi Humanistik dengan didasari lima prinsip daripada teori tersebut. Kesimpulannya, pengkaji telah berjaya merungkai dan membuktikan bahawa cerita jenaka Melayu ini tidak memaparkan kekurangan masyarakat Melayu tradisi tetapi ia menggambarkan keperibadian yang tinggi menerusi perwatakan positif yang dipaparkan.

FYP FTKW

*Preserving And Promoting Malay Folklores And Legends Using Interactive Motion Comic: The Fang King (Raja Bersiong)* oleh Norfarizah Mohd Bakhir, Mohamad Omar Bidin & Ahmad Amirul Abdul Aziz (2018). Kepesatan arus permodenan teknologi yang kian meluas telah menyebabkan anak muda lebih memilih untuk menonton filem barat berbanding cerita rakyat. Oleh itu, penyelidikan ini bertujuan untuk memelihara dan mempromosikan cerita rakyat Melayu dan lagenda dengan menggunakan kaedah komik yang bergerak. Kajian ini mengangkat cerita rakyat iaitu *The Fang King* untuk dijadikan sebagai projek pembentukan komik yang bergerak. Kajian ini menggunakan kaedah soal selidik dan juga temu bual bagi memperolehi data yang jelas dan asli. Hasil yang diperolehi dapat dirumuskan bahawa projek tersebut mempunyai kepentingan dan nilai yang tersendiri demi mengekalkan dan mempromosikan cerita rakyat Melayu. Namun penghasilan projek ini juga mencabar kerana terdapat kelemahan yang perlu dihadapi. Walaubagaimanapun, projek ini masih mendapat maklum balas yang positif daripada orang ramai maka projek ini berupaya diteruskan agar dapat ditambahbaik supaya cerita rakyat ini masih dipelihara.

Jurnal *Integration Of Values And Culture In Malay Folklore Animation* dibentuk oleh Normaliza Abd Rahim, Awang Azman Awang Pawi & Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi (2018). Jurnal ini lebih terarah kepada integrasi nilai dan budaya cerita rakyat Melayu yang berbentuk animasi. Meneliti dan membincangkan perihal nilai dan budaya dalam masyarakat Melayu menerusi cerita rakyat Melayu yang berbentuk animasi merupakan objektif kajian ini. Pengkaji memilih sebanyak 10 animasi cerita rakyat Melayu dari *The Kingfisher Stories*. Penerapan Falsafah Pendidikan Kebangsaan Malaysia digunakan untuk memberi hujahan yang bernas. Integrasi nilai dan budaya dapat dilihat menerusi baik hati, berdikari, beradab, hormat, kasih sayang, keadilan dan banyak lagi. Penutupnya, nilai dan budaya yang dipertontonkan menerusi animasi cerita rakyat Melayu ini dapat membantu generasi untuk mudah memahami dan mengaplikasikan nilai tersebut dalam kehidupan seharian.



FYP FTKW

Di samping itu, kajian yang diberi tajuk *Daripada Cetak Kepada Digital: Rekonstruksi Cerita Rakyat Di Malaysia* oleh Rosmani Omar, Md Sidin Ahmad Ishak & Siti Ezaleila Mustafa (2019). Perkembangan teknologi yang kian pesat telah mendatangkan kebimbangan terhadap kepupusan tradisi sastera rakyat. Dengan itu, pengkaji melaksanakan kajian ini untuk menilai sejauhmanakah perubahan penyebaran cerita rakyat di Malaysia bertepatan dengan pertumbuhan teknologi. Malah pengkaji juga meneliti dan menganalisis tajuk cerita rakyat yang pernah dikeluarkan menerusi media. Hasil dari apa yang dibahaskan, pengkaji mendapati bahawa cerita rakyat ini masih belum lagi berkembang pesat seiring dengan pertumbuhan teknologi. Oleh itu, setiap pihak yang berperanan perlu mencurahkan usaha yang lebih berkesan agar cerita rakyat dapat dipertahankan dan dipelihara.

Pengkajian yang telah diterbitkan dan diberi tajuk *Mitos Dalam Kepercayaan Masyarakat Melayu Tradisi Berdasarkan Teks Sastera Melayu Tradisional* oleh Norazimah Zakaria & Mazarul Hasan Mohamad Hanapi (2019). Mitos merupakan cerita lama yang berkisahkan tentang dewa-dewa, asal-usul, keagamaan dan ajaib (Hooykaas, 1965). Sehubungan itu, pengkajian ini adalah untuk merungkai unsur mitos dalam konteks kepercayaan masyarakat Melayu lama. Sebanyak tiga teks sastera Melayu digunakan. Pendekatan kualitatif digunakan dengan menganalisis teks dan penerapan Sosiologi Sastera turut diaplikasikan bagi menguatkan lagi hujahan. Berdasarkan dari penelitian tersebut jelas membuktikan terdapatnya unsur mitos dari segi kepercayaan seperti asal-usul watak Merong Mahawangsa yang berasal dari dewa. Rumusannya, masyarakat Melayu lampau beranggapan mitos adalah sesuatu yang benar dan turut mempercayainya kerana pemikiran mereka ketika itu masih lagi dalam pengaruh agama Hindu.

FYP FTKW

Asniza Zakaria (2019) menerusi *Mahsuri Dan Puteri Lindungan Bulan, Lagenda Kedah Dan Motif Darah Putih*. Pengkajian terhadap dua cerita tersebut kurang diberi perhatian oleh pengkaji-pengkaji dahulu menyebabkan pengkaji ingin menghasilkan penulisan ini. Oleh itu, kajian ini adalah untuk melihat motif darah putih yang terkandung dalam kedua-dua cerita lagenda tersebut. Pengkajian ini menggunakan dua cerita lagenda iaitu *Mahsuri* dan *Puteri Lindungan Bulan* yang berasal dari negeri Kedah. Keseluruhan pengkajian ini berbentuk kualitatif dengan menggunakan analisis dokumen dan kepustakaan. Hasil perbincangan merumuskan bahawa motif darah putih tersebut melambangkan kesempurnaan dan kesucian yang dimiliki oleh watak puteri. Rumusan dari pengkajian ini adalah untuk memberi teladan dan pada masa yang sama dapat memberi pendedahan cerita lagenda Kedah kepada para pembaca

Hasil penulisan oleh Norazimah Zakaria *et al.* (2019) yang bertajuk *Unsur Mitos Berdasarkan Teks Sastera Melayu Tradisional.* Kajian ini memberi fokus terhadap unsur mitos yang terkandung dalam teks sastera Melayu tradisional. Objektif kajian merujuk kepada kenal pasti dan analisis unsur mitos. Pemilihan teks sastera pula hanya memfokuskan kepada cerita *Hikayat Merong Mahawangsa*. Kajian ini melibatkan pendekatan kualitatif iaitu analisis teks dan kepustakaan untuk mencari maklumat-maklumat yang tepat sekaligus menggunakan teori Sosiologi Sastera untuk memastikan analisis kajian adalah mantap. Hasil yang diperolehi menunjukkan bahawa mitos yang terkandung dalam teks sastera tersebut berfungsi dijadikan sebagai panduan kepada pemikiran masyarakat Melayu.

Siti Fatimah Mamat, Roslina Abu Bakar & Arbai'e Sujud (2019) menerusi *Kisah Sang Kancil Dan Memerang Sebagai Penerapan Adab Kepimpinan Dalam Kalangan Kanak-Kanak*. Cerita binatang sangat digemari dalam kalangan kanak-kanak. Lantaran itu, kajian ini telah mendorong pengkaji untuk menghasilkan kajian ini kerana pengkaji melihat wujudnya kepentingan untuk dibincangkan. Oleh itu, matlamat kajian ini adalah



FYP FTKW

untuk melihat elemen adab kepimpinan dan membincangkan penerapan adab kepimpinan terhadap golongan kanak-kanak menerusi cerita binatang. Pengkaji menggunakan kaedah kualitatif dengan melibatkan temu bual bagi memperolehi cerita binatang tersebut. Pendekatan Adab digunakan dengan bersandarkan kepada kerangka pemikiran Syed Naquib Al-Attas (2001). Adab kepimpinan ini dapat dilihat menerusi watak sang kancil yang memaparkan kepimpinan melalui adil, amanah, bijaksana dan lemah lembut apabila berbicara. Oleh itu, cerita binatang bukan hanya mendatangkan kelucuan atau hiburan semata-mata namun ia juga menekankan adab-adab yang positif melalui penceritaannya agar dengan harapan kanak-kanak dapat menjadi pemimpin yang berwawasan pada masa hadapan.

Penulisan yang bertajuk *Adaptasi Kesusasteraan Rakyat (Cerita Si Luncai) Dalam Karya Seni Cetakan* oleh Hazrul Mazran Rusli (2020). Penulisan ini membahaskan tentang penghasilan cerita *Si Luncai* yang berbentuk teks ini diadaptasikan kepada bentuk seni cetakan. Sehubungan itu, objektif kajian ini adalah untuk melihat kebolehan pelukis dalam membaca, mentafsir dan mengupas cerita rakyat tersebut menerusi paparan cetakan imej visual yang telah diadaptasikan. Kajian ini menggunakan dua pendekatan iaitu teori Adaptasi dan Eksplorasi Visual. Berdasarkan adaptasi yang dijalankan, pengkaji telah berjaya menghasilkan satu karya cetakan blok kayu yang terkandung 10 edisi. Rumusannya, kesusasteraan rakyat ini mampu diterjemahkan dalam bentuk seni cetakan visual sekaligus dapat memastikan kesusasteraan rakyat menerusi cerita *Si Luncai* ini tidak dilupakan dalam kalangan masyarakat.

Pengkajian yang telah dijayakan oleh Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan & Mohd Firdaus Che Yaacob (2020) yang bertajuk *Akal Budi Dalam Naratif Lisan Penduduk Kota Bharu, Kelantan: Satu Penelitian Kemasyarakatan.* Menurut Junaini Kasdan (2020) mendefinisikan akal budi sebagai suatu ciptaan yang dianugerahkan



FYP FTKW

kepada manusia untuk membolehkan mereka berkomunikasi dengan alam sekeliling. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti dan menghuraikan tentang akal budi yang terdapat dalam inti pati naratif lisan. Kajian ini dijalankan kerana berlakunya kelompongan terhadap kajian dalam konteks akal budi. Pengkajian ini membataskan kepada 10 buah naratif lisan yang telah dikumpulkan melalui penduduk di Kota Bharu. Bagi memastikan kajian ini sempurna maka reka bentuk kajian ini adalah kualitatif dengan merujuk kepada kepustakaan, kerja lapangan dan temu bual. Tambahan pula, pendekatan kemasyarakatan dari teori Pengkaedahan Melayu diberi perhatian agar analisis yang diberikan adalah berlandaskan kepada hujahan yang kukuh. Akal budi ini dapat dilihat menerusi beberapa tindakan seperti rasional, berani, daya usaha dan ikhlas. Natijahnya, akal budi ini dapat menjadi suri teladan kepada pembaca terutamanya kanak-kanak kerana mereka mudah untuk mengikut atau mencuba akan sesuatu perkara.

Kertas kerja yang telah berjaya dihasilkan oleh Rahimah Hamdan & Alya Batrisyia Annuar (2020) yang berjudul *Perspektif "Melayu Malas" Dan "Melayu Bodoh" Oleh Barat Serta Kebenarannya Berdasarkan Cerita Jenaka Melayu.* Penjajahan Barat di tanah Melayu telah mengundang kepada pandangan negatif mereka terhadap masyarakat Melayu. Maka, kertas kerja ini dihasilkan untuk melihat perspektif mereka yang menyatakan bahawa Melayu adalah bodoh dan malas menerusi cerita jenaka Melayu. Cerita jenaka yang terpilih adalah *Si Luncai*, *Pak Belalang*, *Pak Pandir* dan *Pak Kaduk*. Kajian ini sepenuhnya kualitatif yang berpandukan kepada kaedah analisis teks dan kepustakaan. Hasil daripada apa yang dibahaskan menunjukkan pengkaji dapat menyanggah pandangan negatif mereka dengan penjelasan yang lebih rasional.

Selain itu, kajian *Peristiwa Aneh Dalam Cerita Rakyat "Hikayat Nakhoda Muda": Analisis Semantik Inkuisitif* oleh Nur Ezatul Fadtehah Hedel & Mari Fatimah Subet (2020). Kajian ini mengetengahkan peristiwa aneh yang terdapat dalam cerita



FYP FTKW

rakyat. Maka kajian bertujuan untuk merungkai kewujudan peristiwa aneh yang hanya dikhususkan satu penggunaan cerita rakyat sahaja iaitu *Hikayat Nakhoda Muda* dari buku *Antologi Enam Hikayat*. Bentuk kajian pula adalah kualitatif yang memerlukan penggunaan khidmat pustaka dan rujukan teks. Di samping itu, disertai dengan penggunaan pendekatan Semantik Inkuisitif dan pendekatan Rangka Rujuk Silang turut digunakan. Sebanyak 10 peristiwa aneh yang telah berjaya pengkaji tonjolkan yang mana ia merupakan peristiwa yang telah menjadi kepercayaan buat masyarakat ketika itu.

Lagi, Jamail Masador, Abdul Halim Ali & Azhar Wahid (2021) menerusi kajian *Nilai Kepahlawanan Dalam Tangon Terpilih Suku Kimaragang Di Sabah.* Cerita rakyat dipanggil *tangon* oleh kaum Kimaragang dan kajian ini dijalankan kerana masalah dari segi paparan nilai-nilai kepimpinan yang terdapat dalam *tangon* ini tidak lagi mendapat perhatian oleh golongan muda. Maka, ia telah mendorong pembentukan kajian ini. Objektif kajian ini adalah untuk merungkai dan membahaskan nilai-nilai kepimpinan yang terdapat dalam *tangon* suku Kimaragang di Sabah. Kajian ini hanya membataskan penggunaan cerita rakyat adalah sebanyak tiga buah. Kajian ini menggunakan kaedah kerja lapangan dan temu bual untuk mendapatkan cerita rakyat dari suku Kimaragang. Dalam memastikan hujahan adalah bernas dan releven maka teori Pengkaedahan Melayu menerusi pendekatan alamiah digunakan. Keterbukaan, rela berkorban, semangat juang dan keberanian merupakan aspek-aspek kepahlawanan yang ditemui dalam cerita rakyat tersebut. Oleh itu, jelas nilai kepahlawanan ini telah memberi gambaran sebenar masyarakat Kimaragang ketika itu yang telah berjaya mengangkat maruah diri mereka sehinggakan ia berupaya mempengaruhi kaum Kimaragang sekarang.



FYP FTKW

Nur Samsiah Mazlan, Mohd Firdaus Che Yaacob & Nasirin Abdillah (2021) melalui kajian *Citra Masyarakat Dalam Naratif Lisan: Satu Pendekatan Teori Pengkaedahan Melayu*. Citra masyarakat membawa makna gambaran yang ditonjolkan oleh masyarakat. Oleh itu, pengkaji melaksanakan kajian ini untuk merungkai paparan gambaran masyarakat menerusi teks naratif lisan. Batasan kajian ini menggunakan satu buku yang bertajuk *Koleksi 366 Cerita Rakyat di Malaysia* dengan mengehadkan kepada 10 buah cerita rakyat. Kajian ini sepenuhnya berbentuk kualitatif yang merangkumi kaedah kepustakaan dan teks. Pengaplikasian teori Pengkaedahan Melayu digunakan agar huraian analisis adalah mantap. Dapatan hasil analisis memperlihatkan gambaran masyarakat yang mengamalkan kepercayaan kepada tuhan, bekerjasama dan kasih sayang. Sehubungan itu, cerita rakyat ini penting untuk ditelusuri dan dihayati kerana ia memaparkan gambaran masyarakat Melayu yang mengamalkan perilaku yang murni.

Lagi, kajian *The Values Of Heroism In Tok Tangok Folklore As A Symbol Of Personality And Identity Of Malay Community: Research On The Perception Students In University Malaysia Kelantan Through Kahoot Application* oleh Mohd Firdaus Che Yaacob, Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah & Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan (2021). Kajian ini adalah untuk mengenal pasti dan menghuraikan tentang nilai kepahlawanan yang dibawa oleh watak *Tok Tangok* menerusi cerita rakyat *Tok Tangok* dengan merujuk kepada pandangan oleh pelajar Universiti Malaysia Kelantan. Reka bentuk kajian adalah kualitatif dengan melibatkan soal selidik, kepustakaan dan penggunaan aplikasi *Kahoot*. Hasil dapatan kajian telah membuktikan bahawa melalui nilai kepahlawanan oleh *Tok Tangok* ini telah melambangkan keperibadian dan jati diri bangsa Melayu yang unggul. Oleh itu, berdasarkan data-data yang diperolehi melalui aplikasi tersebut terbukti dapat memberi peluang kepada pelajar untuk menikmati cerita rakyat tersebut sekaligus memberikan pendedahan tentang kekayaan personaliti dan identiti yang dapat dilihat menerusi watak *Tok Tangok*.



FYP FTKW

Menerusi kajian yang telah dijayakan oleh Mohd Firdaus Che Yaacob (2021) yang bertajuk *Cerita Rakyat Sebagai Simbol Kekayaan Nilai Ketamadunan Masyarakat Melayu*. Tanggapan negatif oleh masyarakat kini terhadap cerita rakyat Melayu telah mendorong pengkaji untuk menghasilkan kajian ini bagi menepis perspektif mereka yang serong terhadap cerita rakyat. Oleh itu, kajian ini adalah untuk meneliti nilai ketamadunan masyarakat Melayu menerusi cerita rakyat yang telah diperolehi di Tumpat, Kelantan. Kajian ini berbentuk kualitatif yang mana memfokuskan kepada kaedah kepustakaan dan temu bual serta melibatkan rakaman video dan audio. Kajian ini membataskan sebanyak empat buah cerita rakyat. Bagi mengukuhkan lagi kajian ini maka teori Pengkaedahan Melayu digunakan oleh pengkaji untuk diterapkan pada bahagian analisis yang mana huraian tersebut berlandaskan kepada pendekatan moral. Cerita rakyat tersebut adalah *Puja Berubat, Semangat Laut, Tujuh Bersaudara* dan *Sungai Ketapong.* Hasil kajian ini memperlihatkan bahawa melalui cerita rakyat tersebut jelas menggambarkan kekayaan nilai ketamadunan yang diterapkan dalam masyarakat Melayu ketika itu. Kekayaan nilai ketamadunan dapat dilihat menerusi sikap kerjasama, beriman, hormat-menghormati dan tawakal. Sehubungan itu, cerita rakyat ini berpotensi dapat memberi kesedaran kepada masyarakat agar dengan pemaparan nilai ketamadunan ini dapat membuka minda mereka yang positif berkenaan cerita rakyat.

Kajian yang diberi tajuk *Unsur Spiritual Dalam Cerita Lisan Melayu* oleh Siti Aishah Jusoh, Mohd Firdaus Che Yaacob & Nasirin Abdillah (2021). Unsur spiritual kurang diberi penekanan dalam kajian ilmiah yang dijalankan oleh pengkaji lepas menyebabkan berlakunya kelompongan dalam kajian ini. Maka, pengkajian ini dilaksanakan adalah untuk mengkaji unsur spiritual yang diberi fokus kepada ritual sumpahan yang terkandung dalam cerita lisan Melayu. Sumber rujukan utama adalah pemilihan buku *Koleksi 366 Cerita Rakyat Malaysia* dengan membataskan jumlah cerita lisan Melayu sebanyak 12 buah cerita. Kajian berbentuk kualitatif telah

FYP FTKW
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

ditetapkan oleh pengkaji sebagai metodologi kajian yang mana memfokuskan kepada kaedah kepustakaan dan teks. Pengaplikasian teori pula adalah teori Budaya dan pemilihan teori tersebut bersesuaian dengan tajuk kajian yang ingin dilaksanakan. Hasil dapatan perbincangan memaparkan unsur spiritual dengan memfokuskan kepada aspek utama iaitu sumpahan. Ritual sumpahan dapat dilihat manusia disumpah dalam bentuk pohon pokok, batu, burung belatuk, gunung dan sebagainya. Oleh itu, pemaparan aspek sumpahan yang dikenakan kepada masyarakat Melayu akibat dari perilaku mereka yang tidak baik adalah bertujuan untuk dijadikan sebagai alat teguran kepada pembaca untuk berkelakuan baik.

Pengkajian seterusnya oleh Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan, Mohd Firdaus Che Yaacob & Nur Samsiah Mazlan (2021) yang *bertajuk Keberkesanan Unsur Watak Dan Perwatakan Dalam Cerita Rakyat Dalam Kalangan Kanak-kanak Dan Remaja Melalui Media Animasi*. Kajian ini telah menyentuh dalam konteks media animasi sebagai cara untuk mengangkat keagungan cerita rakyat. Hal ini demikian kerana, media animasi telah berjaya menempatkan diri dalam hati golongan remaja serta golongan kanak-kanak. Sehubungan itu, pengkajian ini bertujuan untuk meninjau keberhasilan media animasi dalam golongan kanak-kanak dan golongan remaja menerusi cerita rakyat. Cerita rakyat dibataskan sebanyak lima buah cerita iaitu *Bersikap Jujur, Ayam Dogol Membuat Jasa, Si Luncai dengan Labu-Labunya, Kasih Sayang Keluarga* dan *Sombong Membawa Padah* yang terkandung dalam buku cerita *Koleksi 366 Cerita Rakyat di Malaysia*. Pengkajian ini sepenuhnya kualitatif seperti penggunaan khidmat kepustakaan dan analisis rujukan teks untuk mendapatkan maklumat yang berkaitan. Kajian ini turut disertakan dengan pengaplikasian teori Pengkaedahan Melayu dengan pemilihan pendekatan gunaan. Unsur watak dan perwatakan yang dibangkitkan dalam hasil dapatan kajian menerusi cerita rakyat ialah kesetiaan, baik budi, kebijaksanaan, penyayang, merendah diri, jujur dan kepatuhan. Kesimpulannya, apabila unsur watak dan perwatakan yang terkandung dalam cerita



FYP FTKW

rakyat dipaparkan menerusi media animasi maka ia berpotensi untuk mengangkat kembali kedudukan cerita rakyat dalam jiwa golongan kanak-kanak dan remaja.

Kajian *Ritual Dalam Cerita Rakyat Di Mukim Bebar, Pekan, Pahang, Malaysia* oleh Noorzaatulhidayah Mohd Hanipah, Daeng Haliza Daeng Jamal & Nasirin Abdillah (2021). Inti pati cerita rakyat banyak menceritakan tentang mitos, jenaka, budaya, sejarah dan sebagainya. Namun begitu, pengkaji hanya menyentuh unsur ritual dalam pengkajian ini. Kajian ini adalah untuk mengenal pasti dan membahaskan kewujudan ritual dalam cerita rakyat yang diberi fokus di Mukim Bebar dalam daerah Pekan. Kajian ini berpaksikan kepada teori Fungsionalisme sebagai landasan pengukuhan huraian kajian. Manakala reka bentuk kajian pula adalah kualitatif yang melibatkan kaedah temu bual melalui kerja lapangan untuk mendapatkan beberapa buah cerita rakyat. Hasil dapatan kajian mendapati terdapatnya ritual dalam cerita rakyat Mukim Bebar. Antaranya ialah ritual yang dipaparkan adalah nyimoh pantai, manusia berkembar, mengkarung ekor bercabang dua dan mandi Safar. Rumusannya, dapat dilihat cerita rakyat tersebut mempunyai unsur ritual yang mana telah menjadi kepercayaan dan adat oleh nenek moyang terdahulu.

Muhammad Irfan Waqiuddin Hasanudin, Mohd Affiq Azlizan & Muhd Norizam Jamian (2021) menerusi jurnal *Cerita Rakyat Bawang Putih Bawang Merah Versi Malaysia & Indonesia: Perbandingan Latar Budaya*. Cerita rakyat *Bawang Putih Bawang Merah* ini memberikan citra berkaitan latar belakang budaya masyarakat yang mentadbirnya. Maka objektif kajian ini adalah untuk menganalisis dan membuat perbandingan latar budaya dari kedua-dua versi cerita rakyat tersebut. Kajian ini keseluruhannya tertumpu kepada kaedah kualitatif yang melibatkan kepustakaan dan pembacaan yang rapi menerusi rujukan teks. Hasil kajian memaparkan bahawa kedua-dua versi cerita rakyat tersebut mempunyai unsur budaya yang istimewa dan tersendiri yang dapat dilihat menerusi aspek agama, ekonomi, kepercayaan dan



FYP FTKW

bahasa. Oleh itu, walaupun wujudnya perbezaan namun cerita rakyat tersebut dari kedua-dua negara ini membawa keunggulan jati diri masing-masing.

Tambahan pula, Muhammad Qawiem Hamizan, Abdul Walid Ali & Ahmad Kamal Basyah Sallehuddin (2021) dalam *Dokumentasi Tradisi Lisan Dalam Cerita Rakyat Untuk Orang Melayu Di Sarawak Untuk Persembahan Teater*. Inovasi penciptaan suatu karya dalam bentuk buku dilihat satu perkara yang pernah diciptakan oleh pengkarya dahulu. Maka pengkaji terdorong untuk melakukan kajian ini dengan menciptakan dokumentasi tradisi lisan dalam cerita rakyat untuk dijadikan sebagai persembahan teater buat masyarakat Melayu yang tinggal di Sabah. Pengkajian ini menggunakan kaedah kepustakaan dan temu bual bagi memperolehi beberapa cerita rakyat. Pengumpulan cerita rakyat dijalankan di perkampungan Melayu Sarawak di Kuching dan Samarahan. Sebanyak dua buah cerita yang telah dipilih oleh pengkaji. Hasil kajian menunjukkan cerita rakyat yang terpilih ini bersesuaian untuk dijadikan sebagai persembahan teater bagi orang Melayu di Sarawak. Implikasinya, inovasi melalui pementasan teater ini berupaya mengangkat nilai cerita rakyat tersebut agar sentiasa hidup dalam kalangan masyarakat.

Hasil kajian yang disediakan oleh Suhaini Md Noor & Mohd Faizal Musa (2021) yang berjudul *Fungsi Makanan Dalam Interaksi Sosial Masyarakat Melayu: Satu Kajian Teks Cerita Rakyat.* Pengkajian ini bertujuan untuk melihat variasi makanan dan fungsinya yang terkandung dalam cerita *Musang Berjanggut.* Pengkajian ini berbentuk kualitatif yang mana memerlukan kaedah analisis teks. Hasil kajian mendapat sebanyak 29 jenis makanan yang jelas terpapar dalam cerita *Musang Berjanggut*. Antaranya ialah rojak, rempah ratus, ayam, daging kambing dan lain-lain. Tambahan pula, makanan dalam teks ini berfungsi sebagai alat komunikasi sosial dan kayu ukur kelas sosial. Oleh itu, kepelbagaian makanan yang ditunjukkan dalam cerita *Musang*

FYP FTKW

*Berjanggut* membawa pembaca untuk melihat keunikan dan kekayaan makanan Melayu. Di samping itu, dapat melihat makanan berperanan dalam masyarakat.

Seterusnya, *Sastera Rakyat Daripada Perspektif Kearifan Tempatan Dan Potensi Kepada Pelancongan Budaya Di Sarawak* oleh Dilah Tuah (2022). Sastera rakyat merupakan sebahagian daripada kehidupan masyarakat yang meliputi budaya rakyat. Maka pengkajian ini adalah untuk mendapatkan data mutakhir berkaitan potensi cerita rakyat dalam konteks perspektif kearifan tempatan kepada perusahaan pelancongan budaya yang berfokuskan di Sarawak. Empat buah cerita rakyat dipilih secara rawak menerusi buku *Antologi Cerita Rakyat Sarawak*. Kaedah kualitatif digunakan yang bertunjangkan kepada dua kaedah utama iaitu kepustakaan dan analisis rujukan teks. Menerusi dapatan maklumat yang diperolehi, pengkaji telah membuktikan bahawa cerita rakyat tersebut dapat dijadikan sebagai alat dalam mempromosikan pelancongan budaya di Sarawak. Oleh itu, cerita rakyat Sarawak yang memaparkan kearifan tempatan ini berupaya untuk dipasarkan di peringkat antarabangsa kerana ia mempunyai nilai komersial.

Kajian oleh Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan & Mohd Firdaus Che Yaacob (2022) yang bertajuk *Interaksi Sosioekonomi Dalam Cerita Rakyat Kilatan Emas Mencetus Revolusi Kepimpinan Terhadap Kanak-Kanak Dan Remaja*. Hasil penelitian oleh pengkaji terhadap artikel lepas mendapati bahawa penulisan yang menyentuh aspek interaksi sosioekonomi dalam ruang lingkup cerita rakyat ini kurang mendapat galakan dalam kalangan pengkaji maka ia menyebabkan berlakunya kelompongan dalam kajian ini. Kelompongan yang wujud telah mendorong pengkaji untuk menghasilkan kajian ini dengan berpaksikan kepada dua objektif iaitu meneliti dan membincangkan interaksi sosioekonomi dalam cerita rakyat yang memfokuskan kepada aspek kepimpinan. Kajian ini membataskan cerita rakyat yang berjudul *Kilatan Emas* hasil yang diperolehi melalui temu bual. Bagi menguatkan hujahan analisis,



FYP FTKW

pengaplikasian teori Pengkaedahan Melayu turut digunakan. Di samping itu, pendekatan kualitatif digunakan yang mana berpandukan kepada kaedah lapangan dan kepustakaan serta melibatkan rakaman video dan audio. Hasil analisis dan perbincangan ini mendapati bahawa jelas terpapar aspek kepimpinan yang dapat dilihat menerusi pertuturan yang baik, tindakan berhemah dan pemikiran rasional. Kesimpulannya, dapat dilihat menerusi cerita rakyat *Kilatan Emas* ini kaya dengan paparan kepimpinan yang dibawa oleh masyarakat Melayu ketika itu.

Seterusnya, kajian yang berjudul *Nilai Murni Melalui Keunikan Dialek Kelantan Dalam Cerita Rakyat Melayu Di Kelantan* oleh Mohd Firdaus Che Yaacob *et al.* (2022). Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti dan merumuskan nilai murni menerusi baik hati yang terkandung dalam cerita rakyat Melayu di Bachok berdasarkan kepada keunikan dialek Kelantan. Pengkajian ini menetapkan kualitatif sebagai kaedah utama terhadap penghasilan penyelidikan ini yang mana melibatkan kaedah kepustakaan dan temu bual. Kaedah temu bual dilakukan di sebuah kampung yang bernama Pulau Rusa di daerah Bachok, Kelantan. Sebanyak tujuh buah cerita rakyat Melayu dibataskan dalam kajian ini. Antaranya ialah *Rajuk Seorang Puteri, Tok Chok Penyelamat Kampung, Bidan Mok Long Haji, Tok Pakir Air Hangat, Mokyong Penyelamat Amukan Penunggu* dan *Tok Tangok*. Pengkajian ini disertai dengan satu teori Pengkaedahan Melayu menerusi pendekatan kemasyarakatan. Hasil dapatan kajian mendapati nilai murni baik hati dapat dilihat dalam beberapa ciri iaitu bertimbang rasa, belas kasihan dan murah hati. Oleh itu, kajian ini memperlihatkan bagaimana pengkaji mengangkat martabat cerita rakyat Melayu di Kelantan dengan menonjolkan nilai murni baik hati yang terkandung dalam cerita rakyat tersebut di samping mengangkat keindahan dan keunikan dialek Kelantan.



FYP FTKW

Di samping itu, Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan & Mohd Firdaus Che Yaacob (2022) telah menghasilkan satu kajian yang bertajuk *Nilai-Nilai Kemanusiaan Dalam Cerita Rakyat Di Kota Bharu, Kelantan Terhadap Pembentukan Jati Diri Kanak-Kanak: Satu Pendekatan Moral.* Kajian ini adalah untuk mengenal pasti dan merumuskan nilai-nilai kemanusiaan yang wujud dalam cerita rakyat tersebut agar ia dapat membentuk jati diri kanak-kanak ke arah yang lebih baik. Kajian ini dijayakan kerana punca permasalahan disebabkan oleh pembangunan teknologi yang kian pesat menyebabkan cerita rakyat ini semakin ketinggalan dan ia tidak lagi diamalkan oleh kanak-kanak. Tempat bagi mengumpulkan beberapa buah cerita rakyat hanya dibataskan kepada satu tempat sahaja iaitu di Tumpat dengan pemilihan cerita rakyat sebanyak enam buah cerita. Pendekatan kualitatif digunakan dengan melibatkan kaedah temu bual dan kepustakaan. Tambahan pula, dari segi penggunaan teori pula adalah teori Pengkaedahan Melayu dengan mengkhususkan kepada penggunaan pendekatan moral sahaja. Nilai kemanusiaan ini dapat dilihat menerusi bertanggungjawab, ikhlas dan belas kasihan. Oleh itu, nilai kemanusiaan tersebut sememangnya jelas menunjukkan bahawa masyarakat Melayu ini memaparkan etika yang unggul dan ia juga telah melambangkan mereka ini sebagai komuniti masyarakat Melayu yang sejati.

Di samping itu, Hazrul Mazran Rusli & Muhammad Abdullah (2022) telah berkongsikan penyelidikan yang dijalan dengan tajuk *Tujuan Dan Fungsi Dalam Konteks Kesusasteraan Rakyat dan Cerita Jenaka Melayu*. Sastera rakyat dan cerita jenaka telah menjadi sebahagian dalam kehidupan masyarakat Melayu lama. Maka, aspek tujuan dan fungsi dalam kesusasteraan rakyat dan cerita jenaka merupakan objektif utama dalam kajian ini. Pengkajian ini adalah kualitatif dengan merujuk kepada kaedah kepustakaan dan rujukan teks. Sebanyak empat buah cerita jenaka Melayu yang digunakan iaitu *Nujum Pak Belalang, Pak Pandir, Pak Kadok* dan *Lebai Malang*. Tujuan dan fungsi yang dapat dilihat menerusi kedua-dua konteks tersebut adalah



FYP FTKW

sebagai alat hiburan dan pengajaran, pemaparan tradisi kebudayaan, sejagat dan lain-lain. Kesimpulannya, sastera rakyat menerusi cerita jenaka Melayu ini dilihat sebagai satu alat yang tidak hanya memberi keseronokkan kepada masyarakat tetapi turut mengetengahkan pengajaran serta kritikan sosial terutamanya dalam golongan pemerintah.

Tambahan pula, Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan & Mohd Firdaus Che Yaacob (2022) dalam kajian *Pendidikan Moral Dalam Cerita Rakyat Melayu Terhadap Kanak-Kanak: Satu Penelitian Falsafah Pendidikan Kebangsaan.* Pendidikan moral ini dianggap sebagai satu kaedah mendidik dengan tujuan untuk membentuk satu keperibadian yang baik dalam kalangan golongan muda. Kajian ini dihasilkan kerana adanya kelompongan dalam kajian tersebut. Pengkajian ini berpaksikan kepada dua objektif iaitu mengenal pasti dan membincangkan berkenaan pendidikan moral yang telah diberi perhatian terutamanya kanak-kanak. Kaedah kualitatif iaitu kepustakaan dan lapangan ini digunakan untuk memperolehi beberapa maklumat yang bertepatan dengan kajian yang dijalankan. Di samping itu, penggunaan Falsafah Pendidikan Kebangsaan digunakan bagi memastikah hujahan tersebut adalah kukuh. Kajian ini hanya mengkhususkan lima buah cerita rakyat yang telah dipilih di Bachok, Kelantan. Hasil perbincangan kajian ini, pendidikan moral dapat dilihat menerusi beberapa sikap yang positif seperti bertanggungjawab, berterima kasih dan berdikari. Maka jelaslah bahawa cerita rakyat ini berperanan menjadi alat didikan moral kepada kanak-kanak agar mereka dapat membawa perwatakan yang mulia apabila meningkat dewasa kelak.

Lagi, kajian yang disediakan oleh Mohd Firdaus Che Yaacob (2022) yang bertajuk *Nilai-Nilai Murni Dalam Cerita Legenda Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan.* Tujuan kajian ini dihasilkan adalah untuk mengungkapkan dan menghuraikan kewujudan nilai-nilai murni yang terkandung dalam cerita rakyat



FYP FTKW

legenda yang telah diperolehi di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan. Bentuk pengkajian ini adalah bersifat kualitatif yang iaitu kepustakaan dan kerja lapangan serta melibatkan rakaman video dan audio. Metodologi kajian ini mengaplikasikan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dengan membataskan penggunaan satu sahaja konsep iaitu konsep rohani. Seterusnya, sebanyak 11 buah cerita legenda digunakan sebagai rujukan teks mengenai nilai-nilai murni. Paparan nilai-nilai murni dalam cerita legenda ini terdiri daripada nilai baik hati yang dapat dilihat dari segi sikap masyarakat Melayu yang pemurah, bertimbang rasa, memahami, ramah mesra, menghormati orang tua dan manusia sayangkan nyawa. Oleh itu, dapat dilihat jalinan cerita legenda sangat rapat dalam kehidupan masyarakat Melayu menerusi paparan budaya mereka yang berperilaku positif melalui nilai-nilai murni.

Di samping itu, *Unsur Kebudayaan Dalam Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* oleh Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan & Mohd Firdaus Che Yaacob (2022). Menurut apa yang telah dinyatakan oleh Roslina Abu Bakar & Aone Van Engelenhoven (2016) kebudayaan ini dapat dilihat sebagai sesuatu peraturan yang telah ditetapkan oleh masyarakat Melayu sejak dahulu lagi. Objektif makalah ini bertunjangkan kepada kata kunci mengenal pasti dan menganalisis dari sudut kebudayaan yang terisi muat dalam kandungan naratif lisan. Faktor yang mempengaruhi pengkaji untuk menjalankan kajian dalam konteks kebudayaan ini adalah berpunca dari pengamatan terhadap kajian-kajian yang lepas yang mana kajian-kajian terdahulu berkenaan kebudayaan dilihat tidak meluas atau tidak mendapat perhatian sepenuhnya oleh pengkaji-pengkaji dahulu. Batasan kajian merujuk kepada pemilihan naratif lisan adalah sebanyak sembilan buah cerita. Pemilihan teori pula adalah Pengkaedahan Melayu sebagai aspek utama dalam pembentukan huraian yang kukuh dan bertujuan untuk menepati objektif yang dihasilkan. Metodologi kajian pula merujuk kepada dua kaedah sahaja iaitu teks dan kepustakaan. Hasil dapatan kajian yang diperolehi pengkaji ialah unsur budaya dapat



FYP FTKW

dilihat dalam pelbagai segi. Antaranya, kebudayaan dari segi kemasyarakatan, pengetahuan, agama atau kepercayaan, peralatan hidup dan teknologi dan kesenian. Melalui dapatan kajian tersebut dapat dirumuskan bahawa masyarakat Melayu ini kaya dengan kebudayaan yang mana menceritakan secara meluas tentang bagaimana kehidupan masyarakat Melayu pada ketika itu. Sebagai contoh, kebudayaan dari segi kemasyarakatan yang mana memperlihatkan peringkat sosial. Peringkat sosial tersebut menunjukkan kasta yang bermula dari peringkat atas sehingga peringkat bawah.

Selain itu, Mohd Firdaus Che Yaacob (2022) telah menerbitkan makalah yang diberi judul *Akal Budi Dalam Cerita Rakyat Di Tumpat, Kelantan: Satu Penelitian Terhadap Pengkaedahan Alamiah.* Pengkajian ini hanya memberi fokus terhadap akal budi yang terdapat dalam cerita rakyat untuk dikenal pasti dan dianalisis. Akal budi dapat difahami sebagai keupayaan berfikir melalui otak yang berfungsi seiring dengan ilmu yang diperolehi. Makalah ini dijayakan adalah untuk mengisi kelompongan yang wujud terhadap kajian dalam konteks akal budi. Kajian ini bertunjangkan kepada kaedah kualitatif dengan merujuk kepada dua kaedah iaitu lapangan dan kepustakaan. Pengumpulan cerita rakyat hanya berfokuskan di daerah Tumpat dengan pemilihan sebanyak empat buah cerita rakyat. Tambahan pula, pendekataan alamiah dari teori Pengkaedahan Melayu telah digunakan. Seterusnya, pengkaji telah berhasil membuktikan penemuan akal budi dalam dapatan kajian. Antaranya akal budi melalui sikap saling kebergantungan, sabar, toleransi dan mengawal hawa nafsu. Kesimpulannya, akal budi yang terkandung cerita rakyat di Tumpat ini berupaya mempengaruhi minda masyarakat untuk berfikir sejenak dalam memperbaiki tingkah laku yang baik hasil daripada pembacaan cerita rakyat tersebut.

FYP FTKW

*Kisah Sang Kancil Dan Harimau Sebagai Penerapan Nilai Budaya Tinggi Dalam Kalangan Kanak-Kanak* oleh Nurmasitah Mat Hassan, Azyantee Mohd Zawawi & Nordiana Ab. Jabar (2022). Kajian ini membahaskan tentang watak binatang yang sangat terkenal dalam cerita rakyat iaitu cerita binatang. Terdapat dua objektif kajian ini iaitu merungkai kewujudan nilai budaya tinggi dalam cerita tersebut dan kedua mentaksirkan penerapan nilai tersebut kepada kanak-kanak. Kajian ini menggunakan satu cerita sahaja iaitu *Kisah Sang Kancil Dan Harimau*. Kajian ini dilakukan secara kualitatif iaitu dengan kaedah analisis cerita rakyat. Pengkaji menggunakan teori Pengkaedahan Melayu menerusi pendekatan moral dalam kajian ini. Hasil maklumat yang telah dianalisis maka ia memperlihatkan sebanyak 10 nilai budaya tinggi telah berhasil pengkaji temui dalam cerita tersebut. Oleh itu, nilai budaya tinggi ini dapat dijadikan sebagai suri teladan kepada kanak-kanak kerana melalui nilai budaya tinggi ini berpotensi dalam mempengaruhi psikologi kanak-kanak untuk berperilaku baik serta dapat menilai sesuatu perkara yang baik dan buruk.

FYP FTKW

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

2.3 Pengkajian Teori Takmilah dalam Karya-Karya Sastera

Penulisan jurnal yang dihasilkan oleh Khazri Osman *et al.* (2015) iaitu *Nilai Sosial Dalam Puisi Imam Shafie Rahimahullah Satu Pendekatan Dakwah Kepada Saudara Baru*. Nilai sosial ini dapat dilihat menerusi paparan akhlak seseorang yang dapat memberi kelebihan kepada individu lain. Maka, pengkajian ini dijalankan dengan mengkhususkan kepada nilai sosial untuk dikenal pasti kewujudannya dalam puisi tersebut. Kajian ini adalah secara kualitatif yang mana melibatkan analisis terhadap teks puisi yang bertajuk *Diwan Imam Shafie.* Kajian ini mengaplikasikan teori Takmilah dengan memberi fokus kepada satu prinsip sahaja iaitu hubungan karya dengan khalayak. Di samping itu, pengkajian ini akan dikaitkan dengan pendekatan dakwah kepada saudara baru (muallaf). Lanjutan itu, dapatan kajian mendapati bahawa paparan akhlak seseorang melalui perilaku memberi maaf, bermurah hati dan menunaikan zakat kedudukan merupakan nilai sosial. Kesimpulannya, nilai sosial tersebut bertepatan dengan prinsip ketujuh. Hal ini demikian kerana, karya mempunyai jalinan dengan khalayak yang mendorong khalayak untuk mendapat kesan yang positif melalui apa yang dibaca. Malah, melalui nilai sosial ini perlu diberi perhatian kepada dai agar dapat mereka jadikan sebagai dakwah untuk memberi bimbingan kepada muallaf agar mereka dapat memahami tentang agama Islam.

*Nilai Islam Dalam Komik Majalah Dewan Pelajar* oleh Mohd Shukrey Ahmad & Kamariah Kamarudin (2016). Kajian ini dihasilkan adalah untuk membuktikan penerapan nilai Islam terdapat dalam komik. Dua penggunaan komik dari *Majalah Dewan Pelajar* iaitu komik *DP* serta komik *Di* dan *Pi*. Kajian ini bersifat kualitatif. Tambahan pula, penggunaan teori Takmilah dengan prinsip hubungan manusia dengan Allah. Perbincangan menunjukkan bahawa pengaplikasian prinsip tersebut bertepatan dengan kajian ini yang mana nilai Islam dapat dilihat melalui perbuatan beribadat. Oleh itu, beribadat menunjukkan hubungan manusia dengan pencipta.



FYP FTKW

Kamariah Kamarudin (2016) telah menghasilkan satu makalah dengan judulnya *Revolusi Yang Ditangguhkan Karya Shahnon Ahmad Berdasarkan Perspektif Takmilah.* Pengkajian ini adalah untuk melihat bagaimana ketujuh-tujuh prinsip Takmilah ini dibawa oleh pengarang menerusi karyanya. Kajian ini menggunakan satu buku ilmiah yang telah dihasilkan oleh Shahnon Ahmad yang bertajuk *Revolusi Yang Ditangguhkan*. Penerapan teori Takmilah menerusi kesemua prinsip-prinsip tersebut di samping penggunaan kaedah kepustakaan dan analisis teks. Secara rumusannya, Karya Shahnon Ahmad bersesuaian dengan prinsip-prinsip Takmilah kerana inti patinya lebih terarah kepada keagamaan. Maka pengarang telah berusaha untuk mengajak pembaca atau khalayak untuk menjalinkan perhubungan manusia dengan manusia dan manusia dengan pencipta.

Kajian yang telah dihasilkan oleh Rosnani Ripin (2017) dengan tajuk *Takmilah Novel Seteguh Fikrah Saleha, Karya Aminah Mokhtar.* Takmilah ini berkaitan dengan sifat Allah dan ia dibentuk di atas kepercayaan yang bersandarkan kepada konsep menyeluruh (*syumul*) Islam. Makalah ini dijalankan bertujuan untuk merungkai dan menganalisis konsep-konsep Islam yang terdapat dalam novel tersebut. Pengkajian ini juga dilakukan kerana timbul permasalahan kajian dari segi kekurangan kajian ini dijayakan oleh mana-mana pengkaji dahulu. Kajian ini hanya membataskan kepada penggunaan satu buah novel iaitu *Seteguh Fikrah Saleha*. Teori Takmilah digunakan dengan dibataskan kepada empat prinsip sahaja. Kajian bersifat kualitatif dengan merujuk kepada kepustakaan dan rujukan teks. Antara konsep-konsep Islam yang ditemui dalam novel tersebut ialah dakwah, jihad, ibadah, khalifah dan akidah. Kesimpulannya, pengarang telah berjaya menghasilkan satu novel yang bertunjangkan kepada ilmu tauhid, kekudusan, keagungan dan sebagainya yang mana telah digagaskan dalam teori Takmilah. Ia bertujuan untuk membimbing pembaca ke arah pembentukan insan yang sempurna.



FYP FTKW

Siti Faridah Leong Abdullah & Bazrul Bahaman (2017) menyediakan satu kajian yang berjudul *Sulalatus Salatin Sebagai Medium Mendidik Nilai Murni*. Matlamat penyelidikan ini bertujuan untuk melihat fungsi karya *Sulalatus Salatin* yang menampilkan nilai-nilai murni yang berperanan sebagai alat pembentukan sahsiah masyarakat yang unggul. Kaedah kepustakaan dan rujukan teks sebagai sumber rujukan kepada penghasilan makalah ini. Pengkaji mengaplikasikan teori Takmilah dengan memberi fokus kepada prinsip ketujuh sahaja iaitu prinsip khalayak. Hasil daripada kajian ini menunjukkan bahawa nilai murni yang dihadirkan menerusi kisah-kisah dalam *Sulalatus Salatin* perlu dititikberatkan oleh khalayak. Hal ini demikian kerana, *Sulalatus Salatin* berperanan dalam memupuk kalangan khalayak untuk berubah menjadi insan yang sempurna.

Maisarah Yaacob (2017) telah menghasilkan kajian yang bertajuk *Unsur Tarbiah Dalam Novel KOMSAS.* Karya yang bermanfaat adalah karya yang mampu menyebarkan perkara yang baik. Oleh itu, penyelidikan ini bermatlamatkan kepada kaedah mengetahui, menganalisis dan merumuskan perkara baik menerusi unsur tarbiah yang terdapat dalam novel *KOMSAS*. Pengkaji memilih sebanyak 19 buah novel yang terkandung dalam *KOMSAS* untuk dianalisis yang mana novel tersebut digunakan di peringkat sekolah menengah. Novel yang dipilih akan dianalisis dengan mengaplikasikan teori Takmilah melalui penggunaan semua prinsip teori ini agar dapat menghasilkan hujahan yang kukuh. Hasil yang diperolehi mendapati unsur tarbiah dapat dilihat melalui dua perkara iaitu hubungan yang melibatkan antara manusia dengan Allah SWT dan hubungan antara manusia dengan manusia. Unsur tarbiah menerusi hubungan manusia dengan Allah SWT ini adalah taat dan takut kepada Allah dan reda. Manakala hubungan manusia dengan manusia ialah kepimpinan, cinta pada alam, kemaafan, bersungguh-sungguh dan sebagainya. Tuntasnya, paparan unsur tarbiah ini dapat mendidik pelajar ke arah insan yang bersifat *Kamil* atau lebih baik yang mana ia bersesuaian dengan prinsip-prinsip Takmilah.



FYP FTKW

Seterusnya, *Nilai Islam Dalam Teks Misa Melayu* oleh Kasmaizun Enuni Mohd Sarji & Kamariah Kamarudin (2017). Satu kajian telah dihasilkan dengan menitikberatkan tentang nilai Islam yang terkandung dalam teks buku tersebut. Oleh itu, pengkajian ini bertujuan untuk membuktikan dan menganalisis kewujudan nilai Islam menerusi Hikayat Misa Melayu. kajian ini menggunakan satu buah cerita sahaja iaitu Misa Melayu. Metodologi kajian pula menggunakan perkhidmatan kepustakaan dan rujukan teks. Penggunaan teori pula adalah teori Takmilah dengan berlandaskan kepada kesemua prinsip-prinsip Islam. Hasil daripada kajian menunjukkan nilai Islam dipaparkan menerusi tiga aspek utama iaitu akhlak, akidah dan ibadah. Kesimpulannya, nilai Islam ia berupaya mengajak manusia yang beragama Islam untuk mengamalkan nilai Islam supaya kehidupan yang dijalani sentiasa berada dalam landasan yang benar.

*A Takmilah Reading Of Spiritual Imagery In The Poems Of Abizai Abi* oleh Sakinah Abu Bakar (2018). Pengkaji mendapati bahawa kajian terhadap puisi karya Abizai Abi ini kurang dijalankan oleh pengkaji-pengkaji lepas. Oleh itu, pengkajian ini dihasilkan untuk membincangkan dan merumuskan citra kerohanian dalam puisi yang dipilih. Kajian ini menggunakan metode kualitatif dengan merujuk kepada kaedah kepustakaan dan sumber teks dalam mencari dan mengumpul maklumat yang relevan. Kajian ini menggunakan beberapa puisi yang terdapat dalam antologi puisi yang bertajuk *Sinar Benar*. Teori Takmilah diaplikasi dalam kajian ini dengan pendekatan dua prinsip iaitu prinsip ketuhanan dan prinsip khalayak dalam menghasilkan analisis yang kukuh. Citra kerohanian ini dapat dilihat menerusi kepercayaan terhadap kewujudan Allah SWT, rendah diri sebagai hamba dan usaha mencapai redha Allah SWT. Kesimpulan, paparan gambaran kerohanian ini bertepatan dengan kedua-dua prinsip Takmilah yang mana untuk memberi galakan kepada pembaca untuk mengamalkan ciri-ciri insan yang *Kamil* serta pengarang menyampaikan pesanan agama menerusi sifat-sifat Allah yang sempurna.



FYP FTKW

Seterusnya, kajian oleh Mohd Faradi Mohamed Ghazali & Nur 'Aina Syahirah Azmi (2018) yang bertajuk *Novel Mencari Cahaya: Penelitian Pemikiran Islam Dalam Lensa Teori Takmilah*. Pengkajian ini bermatlamat untuk melihat konsep pemikiran Islam yang dipaparkan oleh watak dalam novel *Mencari Cahaya*. Pengkajian ini bersifat kualitatif dengan menggunakan novel tersebut sebagai rujukan teks. Di samping itu, pengkaji menggunakan teori Takmilah menerusi tiga prinsip. Pemikiran Islam menerusi paparan pada watak dapat dilihat melalui taat beribadah, pegangan yang kukuh terhadap Islam dan berdakwah. Ini menunjukkan taat beribadah bersesuaian dengan prinsip keislaman yang bersifat *Akmal* kerana ibadah merupakan suatu kewajiban yang dituntut dalam Islam. Selain itu, pegangan yang kukuh terhadap Islam dapat dilihat menerusi satu watak yang bernama Cahaya yang mana selalu memberi nasihat dan pandangan yang berlandaskan kepada unsur tasawuf. Maka, ini bersesuaian dengan prinsip ilmu *Takamul* dalam teks sastera. Ketiga, pengarang mengistikmalkan diri dengan memaparkan watak yang berdakwah. Ini memperlihatkan pengarang membawa nilai-nilai Islam untuk menyempurnakan dirinya serta kepada khalayak. Oleh itu, novel *Mencari Cahaya* ini bersesuaian dengan penerapan ketiga-ketiga prinsip tersebut sekaligus memaparkan ilmu ketauhidan dalam penulisan karya ini.

Tambahan pula, kajian *Penerapan Sifat Kamalullah Dalam Puisi Sufistik Taman Taqwa* oleh Abu Hassan Abdul *et al.* (2018). Pengkaji menghasilkan kajian ini adalah untuk meneliti dan menghuraikan konsep *Kamalullah* menerusi puisi yang telah dipilih. Reka bentuk kajian ini bersifat kualitatif yang memerlukan analisis teks dan serta pengumpulan maklumat kaedah kepustakaan. Kajian ini membataskan kepada 79 buah puisi yang terkandung dalam puisi *Taman Taqwa*. Kajian ini menggunakan teori tempatan iaitu Takmilah yang dibataskan kepada satu prinsip sahaja iaitu prinsip ketuhanan yang bersifat *Kamal*. Hasil analisis yang dijalankan menunjukkan sebanyak 20 sifat Allah SWT yang telah ditemukan oleh pengkaji. Oleh itu, jelaslah bahawa puisi



FYP FTKW

*Taman Taqwa* ini menerapkan konsep *Kamalullah* dengan penemuan sifat-sifat Allah SWT yang terkandung dalam puisi tersebut. Di samping itu, ia memperlihatkan pengarang mengangkat keesaan Allah SWT yang bersifat *Kamal* iaitu sempurna.

*Unsur-Unsur Akidah Dalam Kumpulan Puisi Taman Takwa* oleh Azman Bado, Abu Hassan Abdul & A. Halim Ali (2018). Objektif kajian ini untuk membahaskan satu perbincangan berkenaan unsur akidah yang terdapat dalam puisi tersebut. Kajian ini menggunakan kaedah analisis kandungan dengan merujuk kepada 79 buah sajak yang mengandungi tema ketuhanan. Perbincangan tersebut akan menggunakan teori Takmilah dengan merujuk kepada satu prinsip iaitu prinsip ketuhanan yang bersifat *Kamal*. Hasil penelitian oleh pengkaji menunjukkan bahawa puisi *Taman Takwa* sarat dengan unsur akidah. Sebagai contoh, sifat Qudrah yang banyak digunakan oleh pengarang yang merujuk kepada sifat ketuhanan. Oleh itu, unsur akidah ini dapat mendorong kita untuk mengangkat sifat-sifat Allah yang sangat sempurna yang mana tiada siapa yang dapat menandingi kekuasaan Allah.

Selain itu, *Rawatan Infertiliti Patuh Maqasid Shariah Dalam Novel Cinta In Vitro karya Nik Hazlina Nik Hussain Berdasarkan Teori Takmilah* oleh Hadijah Johari & Nor Shahida Mohd Shaker (2019). Tujuan kajian ini dilaksanakan untuk menganalisis satu novel iaitu *Cinta In Vitro* dengan menggunakan semua prinsip-prinsip Takmilah. Bagi memperolehi dapatan yang tepat dan relevan maka rujukan teks dan kepustakaan digunakan. Hasil yang telah diperolehi melalui kajian ini menunjukkan bahawa novel tersebut telah pengkaji berhasil menemukan ketujuh-tujuh prinsip tersebut. Oleh itu, jelaslah bahawa novel *Cinta In Vitro* kaya dengan penerapan unsur Islam dan keagamaan.

FYP FTKW
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

Hasil kajian penyelidikan yang disediakan oleh Mohd Haniff Mohammad Yusoff (2019) iaitu *Penyerlahan Kekerdilan Insan Dalam Cerpen "Hari Yang Bergelar Kematian": Menelusuri Perspektif Takmilah*. Tujuan makalah ini dikeluarkan adalah untuk meneliti dan menganalisis keindahan penulisan cerpen yang diberi fokus dalam konteks insan yang kerdil. Kajian ini adalah secara kualitatif yang merujuk kepada rujukan teks dan mengaplikasikan satu teori tempatan iaitu teori Takmilah menerusi kesemua prinsip-prinsip terhadap penulisan ini. Kajian hanya menumpukan kepada satu cerpen sahaja iaitu *Hari Yang Bergelar Kematian*. Dapatan kajian menunjukkan bahawa cerpen yang bertajuk *'Hari yang Bergelar Kematian'* bertepatan dengan prinsip teori Takmilah malah menonjolkan manusia adalah sebagai hamba kepada Allah.

Selain itu, penyelidikan oleh Zakiyatul Mahmudah & Zulkarnain Mohamed (2019) iaitu *Pengkaryaan Najib Al-Kilani dalam Azra' Jakarta Menurut Perspektif Takmilah.* Penyelidikan ini dihasilkan untuk membahaskan kemampuan pengarang novel tersebut dalam menerapkan unsur-unsur Islam dalam karyanya. Oleh itu, kajian ini bertunjangkan kepada mengenal pasti dan membincangkan keberhasilan unsur-unsur Islam yang dibawa oleh Najib Al-Kilani dalam novel *Azra' Jakarta.* Kajian ini hanya tertumpu kepada genre novel. Penggunaan prinsip pula hanya tertumpu kepada empat prinsip Islam dari teori Takmilah. Penyelidikan ini berbentuk kualitatif dengan melibatkan analisis teks. Hasil daripada dapatan kajian membuktikan bahawa pengarang kepada novel ini berjaya mengungkap unsur-unsur Islam yang bertepatan dengan pengaplikasian keempat-empat prinsip Islam tersebut. Salah satu contohnya ialah pengarang telah menunjukkan keagungan dan kehebatan Allah SWT supaya pembaca lebih mengiktikadkan diri bahawa di alam dunia ini hanya Allah sahaja yang maha sempurna dan berkuasa.



FYP FTKW

Lagi, Syarifah Salfa Syed Ahmad, Mohd Rosli Saludin & Adenan Ayob (2019) telah menghasilkan kajian yang diberi tajuk *Aplikasi Teori Takmilah Dalam Fara'id Al-Fawa'id Al-Fikra Fi Al-Imam Al-Mahdi: Satu Analisis Kepimpinan Islam*. Matlamat kajian adalah bertujuan untuk melihat aspek kepimpinan yang dibawa oleh Imam al-Mahdi yang terkandung dalam teks manuskrip tersebut. Metodologi kajian ini adalah secara kualitatif yang merangkumi kepustakaan dan analisis teks yang mana menjadi teras utama kepada penulisan kajian ini. Pengkajian ini menggunakan teori Takmilah menerusi pendekatan kerasulan sebagai insan *Kamil*. Hasil pengkajian ini mendapati bahawa ciri-ciri kepimpinan yang ada pada Imam al-Mahdi adalah adil, soleh, dakwah dan berjihad. Menerusi ciri-ciri kepimpinan tersebut dilihat bertepatan dengan prinsip kerasulan sebagai insan *Kamil*. Hal ini demikian kerana, kepimpinan Imam al-Mahdi layak digelar sebagai pemimpin Islam dalam membawa manusia ke arah kebaikan dengan meninggalkan segala perkara yang buruk.

Lagi, kertas kerja yang diberi tajuk *Novel Ibnu Ahmad Al-Kurauwi: Manifestasi Hubungan Antara Manusia Dan Khalifah Di Bumi Allah* oleh Amir Zakiy Hamzah & Che Abdullah Che Ya (2019). Kertas kerja ini dihasilkan untuk melihat tanggungjawab manusia yang digelarkan sebagai khalifah di bumi Allah serta jalinannya antara Allah SWT dan sesama manusia. Kajian ini mengkhususkan kepada dua penggunaan novel yang bertajuk *Penenun Cinta* dan *Insyirah* yang diciptakan oleh Ibnu Ahmad Al-Kurauwi. Metodologi kajian adalah kualitatif yang melibatkan kepustakaan dan rujukan teks yang memerlukan proses meneliti, menyaring dan menganalisis sumber yang bertepatan. Pengaplikasian teori Takmilah dengan menggunakan semua prinsip Takmilah. Hasil analisis kajian menunjukkan kedua-dua novel tersebut bertepatan dengan pendekatan tujuh prinsip Takmilah. Hal ini demikian kerana, jalan penceritaannya ada memaparkan corak keislaman yang dapat mengeratkan hubungan sesama manusia dan sesama pencipta. Oleh itu, novel tersebut mencapai manifestasi antara manusia dan Khalifah di bumi milik Allah SWT.



FYP FTKW

Selain itu, jurnal *Didaktisisme Islami Dalam Cerpen Melayu Mutakhir* oleh Mawar Safei (2019). Didaktisisme merujuk kepada pengajaran yang terkandung dalam suatu karya sebagai alat mendidik terutamanya dari segi etika, moral dan perihal keagamaan. Maka penulisan jurnal ini dibentuk adalah untuk melihat didaktisisme Islami yang wujud dalam cerpen tersebut. Kajian ini menggunakan kumpulan cerpen yang berjudul *Catatan Cinta Anakanda* dari cerpen *Melayu Mutakhir* dengan pemilihan 10 cerpen manakala penggunaan teori ialah Takmilah dengan penerapan semua prinsip-prinsip Takmilah. Pengkajian ini adalah berbentuk kualitatif dengan merujuk kepada metode kepustakaan dan rujukan. Hasil daripada yang dibahaskan memperlihatkan cerpen-cerpen tersebut mempunyai didaktisisme Islami. Antaranya, perihal beriman kepada qada dan qadar, rendah hati, empati, syukur, belas kasihan dan menuju insan yang sempurna dalam kehidupan seharian.

*Kerasulan Insan Kamil Membentuk Modal Insan Dalam Novel Imam* oleh Zaidi Ahmad, Azhar Abdul Wahid & Abdul Halim Ali (2020). Pengkajian ini adalah untuk meneliti keupayaan novel *Imam* dalam memberi didikan serta pembentukan ke arah modal insan yang bermoral. Pendekatan kualitatif yang terdiri daripada dua kaedah iaitu kepustakaan dan rujukan teks digunakan oleh pengkaji. Teori Takmilah menerusi prinsip kedua digunakan oleh pengkaji untuk merangka huraian analisis yang kukuh. Hasil kajian yang diperolehi dapat dilihat bahawa novel tersebut memperlihatkan nilai-nilai murni. Maka, menerusi nilai-nilai murni ini wajar dan perlu dicontohi oleh pembaca. Hal ini demikian kerana, sebuah karya yang bermanfaat yang memaparkan aspek kerasulan sesuai dijadikan sebagai bahan bacaan dalam mendorong kepada peningkatan modal insan yang berkualiti.

FYP FTKW

Seterusnya, *Prinsip-Prinsip Takmilah: Manifestasinya Dalam Buntat Mengembara Ke Makkah* oleh Sara Beden & Radna Wismawati Muhibah Yahya Sawek (2020). Dunia yang semakin maju ini telah berupaya menjadikan manusia hilangnya kerohanian. Oleh itu kajian ini dilaksanakan untuk membahaskan novel *Buntat Mengembara Ke Makkah* dengan merujuk kepada ketujuh-tujuh prinsip Takmilah. Pendekatan kualitatif digunakan dalam kajian ini iaitu analisis teks dan kepustakaan. Hasil kajian menunjukkan bahawa novel tesebut memaparkan unsur keagamaan yang mencakupi kepada prinsip-prinsip Takmilah. Oleh itu, manifestasi prinsip- prinsip takmilah ini yang terkandungnya dalam novel tersebut berupaya dalam memberi manfaat kepada pembaca untuk memperkuatkan akidah dan akhlak supaya tidak terhanyut dalam arus permodenan.

Kajian penyelidikan yang diberi tajuk *Nilai-Nilai Islam Dan Pembentukan Akhlak Dalam Cerita Rakyat Melayu* oleh Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah & Mohd Firdaus Che Yaacob (2020). Hasil penelitian yang dijalankan oleh pengkaji mengenai kajian-kajian dahulu mendapati bahawa kebanyakannya tertumpu kepada nilai-nilai murni. Maka, kajian ini dihasilkan dengan memberi penekanan terhadap nilai-nilai Islam untuk dibahaskan secara lebih terperinci. Kajian ini menggunakan buku *Koleksi 366 Cerita Rakyat Malaysia* dengan memilih sembilan buah cerita rakyat. Pengaplikasian teori Takmilah telah digunakan dengan disertakan empat prinsip yang dipilih bagi mengukuhkan lagi bahagian analisis. Sebanyak lima nilai Islam yang ditemui. Contohnya, merendah diri, tawakal, bersyukur, taat dan persahabatan yang terkandung dalam cerita rakyat telah pengkaji kemukakan. Oleh itu, nilai-nilai Islam ini amat penting terhadap pembinaan akhlak yang baik terutamanya masyarakat Melayu yang menganuti agama Islam. Hal ini demikian kerana, selaras dalam tuntutan agama Islam yang menggalakkan umat Islam untuk berakhlak baik dan elok.



FYP FTKW
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah & Mohd Firdaus Che Yaacob (2020) dalam kajian yang bertajuk *Faktor Dan Kesan Murtad Masyarakat Melayu Menerusi Novel Tuhan Manusia Karya Faisal Tehrani: Satu Penelitian Takmilah*. Pengkajian ini bertujuan untuk merungkai dan menghuraikan punca-punca yang mendorong seseorang itu murtad. Kajian ini memilih satu novel yang bertajuk *Tuhan Manusia* dengan mengaplikasikan teori tempatan iaitu teori Takmilah. Pengaplikasian teori Takmilah pula pengkaji membataskan kepada penggunaan prinsip khalayak ke arah Insan *Kamil*, ilmu dengan sastera yang bersifat *Takammul* dan keislaman yang bersifat *Akmal* sebagai deduktif kajian ini. Manakala metodologi kajian pula berbentuk kualitatif seperti kaedah teks dan kepustakaan. Hasil dari mengenal pasti dan menganalisis akan novel tersebut, faktor berlakunya masyarakat Melayu murtad adalah kerana faktor individu, keluarga dan masyarakat. Di samping itu, masyarakat Melayu yang murtad ini akan memberi kesan kepada orang Islam. Sehubungan itu, fenomena murtad ini sememangnya perlu diambil serius kerana isu murtad ini berupaya menyesongkan akidah masyarakat Melayu dan mendatangkan kesan yang buruk.

*Akhlak Pemimpin Berdasarkan Teks Sulalatus Salatin* oleh Norazimah Zakaria, Mazarul Hasan Mohamad Hanapi & Siti Faridah Leong Abdullah (2021). Karya *Sulalatus Salatin* merupakan karya agung yang banyak digunakan oleh pengkaji untuk dikaji dari pelbagai aspek. Oleh itu, pengkaji telah memilih teks tersebut untuk melihat dan menjelaskan akhlak pemimpin yang ada pada zaman Kesultanan Melayu Melaka. Pendekatan kualitatif digunakan dengan merujuk kepada deskriptif teks dan pengaplikasian teori Takmilah menerusi prinsip insan *Kamil* sebagai tunjang pengukuhan dan pemantapan kajian ini. Dapatan hasil kajian mendapati bahawa akhlak pemimpin ada dalam diri Sultan Mansur Syah dan Sultan Alau'd-Din Riayat Syah. Kesimpulannya, seorang pemerintah perlu mempunyai akhlak pemimpin yang baik agar dapat membangunkan sebuah kerajaan yang gemilang.



FYP FTKW

Tambahan pula, kajian oleh Firuz-Akhtar Lubis & Nurul Farahan Azman (2021) yang berjudul *Aspek Akhlak Berdasarkan Konsep Pembangunan Insan Dalam Travelog Pelukis Jalanan dan Arkitek Jalanan karya Teme Abdullah*. Kajian ini menyentuh karya yang moden iaitu *Pelukis Jalanan* dan *Arkitek Jalanan karya* sebagai rujukan yang pertama untuk menghasilkan kajian ini. Oleh itu, kajian ini memberi perhatian terhadap aspek akhlak. Pengkajian ini menerapkan prinsip Takmilah iaitu pengkarya perlu melengkapkan diri dengan ilmu. Hasil kajian membuktikan bahawa terdapat aspek akhlak dalam karya tersebut. Aspek akhlak ini bersesuaian dengan prinsip tersebut dalam mencapai kesempurnaan dalam kehidupan.

Kajian penyelidikan yang dijayakan oleh Rosli Abd Manas, A. Halim Ali & Ghazali Din (2021) yang berjudul *Elemen Thriller Islam Dalam Novel 'Bidadari Bermata Bening' Karya Habiburrahman El-Shirazy*. Objektif kajian ini adalah untuk menerangkan konsep *thriller* dari segi perspektif Barat dan kedua adalah untuk mewujudkan konsep *thriller* yang bercirikan Islam. Kajian ini secara kualitatif yang mana menggunakan perkhidmatan kepustakaan dan menggunakan teks sebagai sumber rujukan. Kajian ini turut berpaksikan kepada teori Takmilah dengan tiga prinsip yang digunakan iaitu pengkarya dengan khalayak, sastera yang estetik bercirikan Takmilah dan pengkarya yang menyempurnakan diri. Hasil kajian mendapati bahawa elemen *thriller* Islam dalam novel tersebut dapat dilihat menerusi unsur emosi yang terdiri daripada marah, sedih, keliru dan sebagainya. Kesimpulannya, elemen *thriller* Islam ini bertujuan untuk menyedarkan pembaca agar dapat menyiapkan diri dengan tanggungjawab sebagai pengarang untuk menggunakan keindahan dalam karya sastera.

Kajian yang disediakan oleh Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah & Mohd Firdaus Che Yaacob (2021) yang bertajuk *Nilai-Nilai Kemanusiaan Dalam Cerita Lisan: Satu Penelitian Takmilah*. Kajian ini berpegang kepada dua objektif iaitu



FYP FTKW

mengenal pasti dan menganalisis. Nilai-nilai kemanusiaan diberi fokus dalam kajian ini dengan menggunakan genre cerita lisan. Pengkajian ini menggunakan satu teori tempatan iaitu teori Takmilah dan reka bentuk kajian ini bersifat kualitatif. Batasan kajian ini hanya memilih satu buku yang berjudul *Koleksi 366 Cerita Rakyat Malaysia* dengan memilih beberapa cerita lisan. Antaranya ialah *Perahu Bunga Emas, Tukang Besi dan Tukang Kayu, Wak Sino, Tukang Gasing, Bawang Putih Bawang Merah, Ular dan Gurunya, Buluh, Bukit dan Pokok, Angsa Berbulu Emas, Bertukar Menjadi Batu, Mengapa Pinggang Kera Ramping dan Raja Kuyuk*. Hasil dapatan kajian mendapati adanya nilai kemanusiaan yang dipaparkan menerusi nilai-nilai yang murni. Antaranya ialah baik hati, rendah diri, murah hati, sedia memaafkan, persahabatan, bersyukur, taat dan percaya kepada tuhan.

Hasil kajian oleh Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah & Mohd Firdaus Che Yaacob (2021) yang bertajuk *Penemuan Nilai-Nilai Islam Dalam Cerita Lisan Melayu: Satu Penelitian Terhadap Pendekatan Karya Dan Khalayak.* Penyelidikan kajian ini dijalankan kerana ingin meneliti tentang kewujudan nilai-nilai Islam menerusi cerita lisan Melayu. Pengkajian ini bertunjangkan kepada teori tempatan iaitu teori Takmilah dengan bersandarkan kepada prinsip karya dan khalayak. Buku *Koleksi 366 Cerita Rakyat Malaysia* dipilih sebagai sumber rujukan dan cerita yang terkandung dalam buku tersebut dipilih secara rawak. Hasil dapatan kajian yang diperolehi, pengkaji telah menemukan nilai-nilai Islam yang terdiri daripada nilai bersyukur, merendah diri, percaya kepada Allah, pemaaf dan tawakal. Penemuan nilai-nilai tersebut melalui dalam cerita lisan Melayu ini dapat memberi pendidikan kepada masyarakat. Hal ini demikian kerana, sebuah karya sastera yang bermanfaat adalah karya yang memaparkan tentang pendidikan, ilmu yang baik, nilai-nilai tauhid dan sebagainya. Maka, karya yang memberi manfaat ini adalah bersesuaian dengan pengaplikasian prinsip karya dan khalayak.



FYP FTKW

Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah & Mohd Firdaus Che Yaacob (2021) telah menghasilkan kajian yang bertajuk *Cerminan Nilai-Nilai Islam Dalam Koleksi 366 Cerita Rakyat Malaysia: Satu Pendekatan Takmilah.* Pengkajian ini untuk mengenal pasti dan menganalisis nilai-nilai Islam yang terkandung dalam cerita rakyat. Bentuk kajian ini adalah kualitatif yang merujuk kepada kaedah kepustakaan dan analisis teks. Bagi menganalisis teks cerita rakyat maka buku *Koleksi 366 Cerita Rakyat Malaysia* telah dipilih sebagai rujukan untuk menjayakan kajian ini. Cerita yang dipilih hanya dibataskan kepada empat buah cerita rakyat. Tambahan pula, kajian ini turut mengaplikasikan teori Takmilah dengan pemilihan tiga prinsip agar dapat menghasilkan sebuah kajian yang berilmiah dan bermanfaat. Hasil kajian yang diperoleh membuktikan adanya nilai-nilai Islam yang terdapat dalam cerita rakyat yang telah dipilih. Antaranya ialah nilai taat, nilai pemaaf, nilai bersyukur dan nilai percaya kepada Allah SWT. Kesimpulannya, kewujudan nilai-nilai Islam dalam cerita rakyat ini dapat mendorong dalam kalangan pembaca untuk meneliti nilai-nilai Islam itu agar dapat mereka mencuba untuk memperbaiki dan memantapkan sahsiah diri ke arah yang lebih baik.

Tajuk kajian *Nilai-Nilai Islam Terhadap Pembentukan Sosiobudaya Kanak-Kanak Menerusi Cerita Rakyat Melayu* telah dijayakan oleh Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah & Mohd Firdaus Che Yaacob (2021). Pengkajian ini bertujuan untuk meneliti dan menerangkan nilai-nilai Islam yang terpapar dalam cerita rakyat Melayu dalam membentuk sosiobudaya kanak-kanak. Kaedah kualitatif ini ditetapkan sebagai panduan untuk memastikan kajian ini dijalankan secara teratur dan kemas. Pendekatan kualitatif ini merangkumi kaedah kepustakaan dan temu bual. Kaedah temu bual ini dijalankan di Kampung Rusa yang terletak di daerah Bachok, Kelantan untuk mendapatkan beberapa sumber berkenaan cerita rakyat. Hasil temu bual oleh pengkaji mendapati empat buah cerita yang berjaya diperolehi yang bertajuk *Asal Usul Melawi, Asal Usul Nama Kelantan, Saka Halo dan Dua Beradik.* Tambahan pula,



FYP FTKW

rakaman video dan audio juga turut dijadikan sebagai metodologi kajian. Selain itu, pengkajian ini juga turut mengaplikasikan teori Takmilah yang mengkhususkan kepada prinsip khalayak dan karya sebagai suatu landasan kepada pembentukan analisis kajian yang kukuh. Hasil analisis kajian mendapati bahawa menerusi cerita rakyat Melayu ini mampu memaparkan nilai-nilai Islam seperti merendah diri, kepercayaan kepada Allah SWT, bersyukur, pemaaf dan tawakal. Oleh itu, paparan nilai-nilai Islam ini dapat membentuk sosiobudaya kanak-kanak. Hal ini demikian kerana, pemupukan nilai-nilai Islam sejak dari awal oleh kalangan kanak-kanak menerusi cerita rakyat Melayu ini dapat membimbing mereka untuk sentiasa membawa perilaku yang bermoral pada masa hadapan.

Seterusnya, kajian oleh Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah, Mohd Firdaus Che Yaacob, Siti Fatimah Ab Rashid & Siti Aishah Jusoh (2021) yang bertajuk *Polemik Dalam Cerita Rakyat Sebagai Medium Pendidikan Moral Kepada Kanak-Kanak.* Hasil penelitian sorotan kajian lepas mendapati bahawa kajian cerita rakyat lebih tertumpu kepada nilai-nilai moral dan murni. Maka, kajian ini telah membawa satu kelainan dengan membangkitkan isu polemik yang dianggap sebagai perkara yang negatif. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti dan membahaskan polemik yang terkandung dalam cerita rakyat untuk dijadikan sebagai medium bagi pendidikan moral dalam kalangan kanak-kanak. Kajian ini hanya membataskan kepada enam buah cerita yang terkandung dalam buku *Koleksi 366 Cerita Rakyat di Malaysia*. Antaranya ialah *Bawang Merah Bawang Putih, Puteri Sejinjang Dan Puteri Santubong, Kapak Emas, Pemburu Yang Tidak Tahu Bersyukur* dan *Menuntut Bela*. Teori Takmilah menerusi prinsip hubungan karya dan khalayak digunakan dalam kajian ini. Selain itu, kaedah kajian ini berbentuk kualitatif yang terdiri daripada kepustakaan dan kajian teks. Hasil dapatan kajian yang mendapati bahawa konflik seperti pergaduhan, dendam, pembohongan, penderhakaan, hasad dengki dan tamak merupakan unsur polemik. Dapat disimpulkan bahawa walaupun polemik dipandang sebagai suatu yang



FYP FTKW

negatif namun ia memperlihatkan kebijaksanaan seorang pengarang dalam menyampaikan mesej dengan menyelitkan polemik dalam cerita rakyat agar ia dapat diambil sebagai pengajaran dalam kalangan kanak-kanak.

*Features Of Islamic Thriller In The Novel Of Ayat-Ayat Cinta (Love Verses)* oleh Rosli Abd Manas *et al.* (2021). Objektif kajian ini adalah untuk menghuraikan konsep 'Thriller' Islamik yang terkandung dalam novel *Ayat-Ayat Cinta*. Kajian ini hanya mengkhususkan kepada penggunaan genre novel Islamik. Aspek metodologi yang dibincangkan merangkumi reka bentuk kajian yang bersifat kualitatif yang mana memerlukan kaedah kepustakaan dan analisis teks. Kajian Ini telah memanfaatkan tiga prinsip Takmilah yang bersesuaian dengan konsep Thriller Islamik. Berdasarkan analisis, dapat disimpulkan bahawa novel ini terdiri daripada elemen 'thriller' seperti emosi, terkejut, kekeliruan, ketakutan, jangkaan dan bahaya dalam penggambaran watak yang berkaitan langsung dengan mereka tentang kesedaran terhadap nilai-nilai Islam. Contohnya, watak Fahri yang enggan memberi rasuah kerana takut azab di akhirat oleh Allah yang maha esa.

Mohd Firdaus Che Yaacob (2022) menerusi kajiannya yang bertajuk *Perwatakan Protagonis Dalam Cerita Rakyat Di Daerah Tumpat, Kelantan: Satu Penelitian Hubungan Antara Karya Dengan Khalayak.* Kajian ini bermatlamat untuk meneliti dan merumuskan yang berfokuskan hanya kepada perwatakan dalam genre cerita rakyat. Sebanyak empat buah cerita yang telah dibataskan. Metodologi kajian pula melalui pendekatan kualitatif seperti kerja lapangan untuk menemu bual, kepustakaan dan analisis kajian. Penggunaan prinsip hubungan karya dengan khalayak digunakan untuk mengukuhkan perbincangan. Hasil kajian yang diperolehi adalah pemaaf, persahabatan, merendah diri dan tanggungjawab merupakan perwatakan protagonis yang ditonjolkan oleh watak yang dibekalkan dalam isi kandungan cerita rakyat tersebut. Sebagai kesimpulannya, pengaplikasian prinsip



FYP FTKW

tersebut dengan pemaparan perwatakan protagonis ini berfungsi dalam menyerlahkan sikap mulia masyarakat Melayu ketika itu kepada pembaca agar dapat dijadikan sebagai satu ajaran yang baik untuk mereka ikuti.

Kajian penyelidikan seterusnya yang berjudul *Pemaparan Jenis Akhlak Menerusi Kumpulan Puisi As-Salam Karya Suhaimi Haji Muhammad Berdasarkan Teori Takmilah* oleh Siti Nur Anis Muhammad Apandi *et al.* (2022). Kajian ini dilakukan adalah untuk mengenal pasti adanya nilai moral dalam puisi *As-Salam* dengan mengaplikasikan teori Takmilah. Kajian ini membataskan hanya satu prinsip iaitu ilmu dengan sastera yang bersifat *Takamul* untuk digunakan dalam mengukuhkan analisis yang dijalankan. *Perihal Ahli Sufi, Dari Amanah Manusia Mencapai Kebaikan, Definisi Mengumpat dan Amaran Tuhan Supaya Manusia Jangan Angkuh* merupakan puisi-puisi yang telah dipilih. Dapatan kajian mendapati pengkaji berjaya mengungkap pemaparan akhlak yang merujuk kepada akhlak mahmudah dan mazmumah yang terkandung dalam puisi tersebut. Akhlak mahmudah seperti ikhlas dan amanah manakala akhlak mazmumah pula seperti mengumpat dan takbur. Oleh itu, jelaslah dapat dilihat bahawa puisi *As-Salam* karya oleh Suhaimi Haji Muhammad ini menekankan aspek akhlak yang baik dan buruk. Paparan akhlak yang baik perlu diambil sebagai panduan untuk dipraktikkan dalam diri seseorang agar dapat membentuk kelakuan yang baik manakala akhlak yang buruk harus ditinggalkan agar dapat menyelamatkan diri daripada melakukan perkara yang tidak baik.

Kajian *Prinsip Kerasulan Sebagai Insan Kamil Membentuk Modal Insan Dalam Novel Mereka Yang Tertewas* oleh Zaidi Ahmad, Azhar Wahid & A. Halim Ali (2022). Jurnal ini dijayakan bertujuan untuk merungkai dan membahaskan tentang peranan yang dibawa oleh watak utama dalam novel *Mereka yang Tertewas* karya Hasanuddin Md Isa. Kaedah kajian kepustakaan dan analisis teks digunakan sebagai penggerak kepada penulisan jurnal ini. Prinsip kedua dari teori takmilah digunakan iaitu prinsip



FYP FTKW

kerasulan sebagai insan *Kamil*. Dapatan kajian memaparkan bahawa watak utama menonjolkan sikap-sikap mulia seperti bertakwa, beriman dan kebijaksanaan dalam memimpin keluarga dan masyarakat yang mana ia bertepatan dengan konsep insan khalifah dan insan Rabbani. Kesimpulannya, pengkaji berhasil membuktikan bahawa peranan watak utama dapat diambil sebagai teladan agar dapat memandu diri ke arah pembentukan modal insan yang baik.

Kajian oleh Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah *et al.* (2022) yang berjudul *Perspectives Of Students At University Of Malaysia Kelantan On Islamic Values Contained In Folklore In Tumpat, Kelantan Through Quizizz Application.* Pengkajian ini adalah bertujuan untuk mengenal pasti dan menganalisis pandangan daripada pelajar Universiti Malaysia Kelantan terhadap nilai-nilai Islam yang terkandung dalam cerita rakyat di Tumpat, Kelantan melalui aplikasi *Quizizz*. Kajian ini bersifat kualitatif yang merangkumi kaedah kepustakaan, temu bual dan lapangan untuk mendapat beberapa maklumat yang berkaitan dengan tajuk kajian yang dijalankan. Sebanyak 38 orang pelajar telah dipilih untuk disoal selidik menerusi aplikasi *Quizizz*. Pengkajian ini turut melibatkan kaedah menemu bual penglipur lara untuk memperoleh dan mengumpul data-data berkenaan cerita rakyat yang hanya diberi fokus di daerah Tumpat. Tambahan pula, kajian ini juga melibatkan rakaman video dan audio serta pengaplikasian teori Takmilah turut digunakan. Hasil dapatan kajian mendapati bahawa melalui penggunaan aplikasi *Quizizz* ini berupaya untuk menarik perhatian dalam kalangan pelajar Universiti Malaysia Kelantan bagi memberi kefahaman kepada mereka terhadap nilai-nilai Islam yang terkandung dalam cerita rakyat di Tumpat. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa adanya aplikasi *Quizizz* ini sangat membantu dalam mengangkat martabat cerita rakyat dengan paparan nilai Islam agar ia tidak terhakis disebabkan oleh peredaran zaman yang semakin moden.



FYP FTKW

Pengkajian yang bertajuk *Nilai-Nilai Murni Dalam Cerita Rakyat Di Kota Bharu, Kelantan* oleh Mohd Firdaus Che Yaacob (2022). Pengkaji menjalankan penyelidikan ini adalah untuk meneliti dan membincangkan tentang nilai-nilai murni yang diberi fokus. Nilai-nilai murni merujuk kepada perbuatan mulia yang diamalkan oleh sesebuah kelompok masyarakat (Mohd Firdaus Che Yaacob, 2018). Kajian ini dijalankan kerana merujuk kepada kajian yang telah dihasilkan oleh pengkaji lepas lebih tertumpu kepada pemikiran, nilai budaya dan sebagainya. Maka ia telah mendorong pengkaji untuk mengisi kelompongan yang ada. Pengumpulan cerita ini hanya dibataskan kepada satu tempat sahaja iaitu di Kota Bharu dengan pemilihan cerita rakyat sebanyak lima buah. Kajian ini melibatkan temu bual dan kepustakaan dengan disertai oleh pengaplikasian teori Takmilah melalui prinsip ketujuh iaitu hubungan khalayak dengan karya. Antara nilai-nilai murni yang wujud adalah belas kasihan, rendah diri, sikap pemaaf, menjaga kebersihan dan tanggungjawab. Melalui nilai-nilai tersebut bersesuaian dengan prinsip ketujuh kerana karya yang bagus adalah dapat memberi pendidikan dalam menimbulkan kesedaran terhadap pembaca. Oleh itu, terhubungnya jalinan antara khalayak dengan karya.

Selain itu, makalah *Fenomena Sosial Dalam Cerita Rakyat Melayu Di Tumpat, Kelantan: Satu Penelitian Takmilah* yang telah dijayakan oleh Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah & Mohd Firdaus Che Yaacob (2022). Kajian ini hanya berfokuskan kepada fenomena sosial yang terisi dalam cerita rakyat dengan menggunakan proses kenal pasti dan perbahasan. Kajian ini mempunyai permasalahan kajian yang tersendiri yang mana kajian fenomena sosial kurang diberi fokus oleh pengkaji-pengkaji dahulu maka ia mempengaruhi pengkaji untuk menghasilkan kajian ini. Seterusnya, kajian ini hanya membataskan kepada hanya tiga buah rakyat di Tumpat yang telah berjaya dikumpulkan. Pendekatan kualitatif digunakan melalui kerja lapangan, kepustakaan dan analisis kajian. Dari segi pengaplikasian teori pula adalah Takmilah menerusi prinsip jalinan antara khalayak



FYP FTKW

dengan karya. Fenomena sosial yang dipaparkan oleh masyarakat Melayu adalah bersangka baik, pemaaf dan usaha. Sebagai penutup, menerusi paparan fenomena sosial melalui cerita rakyat yang telah diperolehi di tumpat ini tenyata telah memberi kesan yang baik kepada pembaca kerana ia dipenuhi dengan nilai-nilai yang elok untuk dijadikan tatapan kepada mereka.

*Sastera Rakyat Sebagai Medium Didaktik Kepada Golongan Desa* oleh Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah & Mohd Firdaus Che Yaacob (2022). Didaktik menurut Kamus Dewan (2017) bermaksud mengajar. Penyelidikan ini berpaksikan kepada dua objektif yang merangkumi proses mengenal pasti dan menghuraikan nilai positif dalam sastera rakyat. Tujuan kajian ini dihasilkan kerana bertitik tolak kepada kajian lepas yang dilihat dari segi penggunaan aspek, teori dan sebagainya adalah berbeza maka ia tercetusnya kajian ini dijalankan. Metodologi kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif iaitu temu bual dan kepustakaan. Dalam memastikan huraian analisis yang kukuh maka teori takmilah digunakan dengan pemilihan prinsip hubungan karya dengan khalayak. Pemilihan cerita rakyat ini hanya berfokus di Pasir Mas, Kelantan dengan dibataskan sebanyak empat buah cerita rakyat. Hasil dapatan kajian yang telah diperolehi oleh pengkaji menunjukkan sebanyak empat penemuan nilai positif iaitu bersyukur, baik hati, rendah diri dan persahabatan. Rumusannya, melalui nilai-nilai positif yang dibekalkan dalam sastera rakyat ini berupaya menjadi alat dalam mengajar golongan desa untuk mempraktikkan nilai-nilai dalam diri mereka sendiri dalam menjalani kehidupan seharian yang penuh dengan pancaroba.

Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah & Mohd Firdaus Che Yaacob (2022) dalam kajian *Kawalan Sosial Dalam Cerita Rakyat Melayu Di Pasir Mas, Kelantan.* Kawalan sosial ini merupakan satu pembelajaran secara tidak formal yang berperanan untuk mendorong masyarakat mengamalkan perilaku yang baik (Mohd



FYP FTKW

Sufiean Hassan *et al.*, 2018). Maka, mengenal pasti dan merumuskan berkaitan kawalan sosial merupakan matlamat kajian ini. Batasan kajian dari segi pemilihan cerita rakyat Melayu adalah sebanyak tiga buah yang mana cerita tersebut telah dikumpul dari Pasir Mas. Kaedah kajian adalah kepustakaan, lapangan menerusi temu bual dan analisis kajian. Teori takmilah digunakan untuk menguatkan lagi analisis yang dihasilkan. Oleh itu, cerita rakyat tersebut sememangnya mengandungi perkara yang positif yang berperanan sebagai alat kawalan sosial kepada masyarakat agar mereka sentiasa berterusan dalam menjadi insan yang baik.

Lagi, kajian *Unsur Islam Dalam Cerita Rakyat Melayu Di Daerah Tumpat, Kelantan: Satu Penelitian Terhadap Prinsip Sastera Dengan Ilmu* oleh Mohd Firdaus Che Yaacob (2022). Kajian ini hanya tertumpu kepada unsur Islam untuk dikenal pasti dan dibahaskan. Pengkaji menjalankan kajian ini kerana faktor kelompongan yang wujud yang mana kajian dahulu lebih tertumpu kepada nilai-nilai murni, unsur mitos dan sebagainya. Proses pengumpulan data-data adalah melalui kaedah lapangan dan kepustakaan. Kajian ini hanya menggunakan lima buah cerita rakyat sahaja yang telah dipilih di Tumpat dengan penggunaan prinsip sastera dengan ilmu dari teori Takmilah. Pengkajian ini mendapati bahawa melalui cerita rakyat tersebut terkandungnya unsur Islam yang dapat dilihat menerusi kerjasama, hormat, beriman, berhemat dan pemurah. Kesimpulannya, paparan unsur Islam tersebut dapat menjaga akidah kita sebagai umat yang beragama Islam agar tidak mengamalkan perkara yang mazmumah.

Tambahan pula, Aisyah Zafirah *et al.* (2022) telah menghasilkan satu penulisan yang dinamakan *Analisis Plot Dalam Novel Ketika Azazil Berputus Asa (2017): Perspektif Takmilah Shafie Abu Bakar.* Penulisan makalah ini lebih berfokuskan kepada genre novel Islamik. Oleh itu, kajian ini akan membincangkan berkenaan plot novel tersebut disertai perspektif berdasarkan kepada kesemua prinsip-prinsip Islam



FYP FTKW

dari teori Takmilah. Penggunaan novel hanya dibataskan kepada satu sahaja dan kajian ini terdorong ke arah pendekatan kualitatif iaitu analisis teks. Hasil perbincangan mendapati bahawa menerusi plot novel tersebut terkandungnya unsur-unsur Islam yang bertepatan dengan penggunaan ketujuh-tujuh prinsip Islam. Rumusannya, penulis novel ini telah memberi peringatan dan mengajak para pembaca untuk menjiwai mesej yang cuba disampaikan menerusi plot cerita tersebut.

FYP FTKW

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

## 2.4 Penutup

Rumusannya, jelas menunjukkan bahawa melalui proses pemerhatian dan tinjauan ke atas artikel atau makalah yang dihasilkan oleh pengkaji lepas menunjukkan kajian dalam konteks karya sastera seperti cerita rakyat, novel, puisi dan sebagainya mendapat tempat dalam jiwa pengkaji. Ini menunjukkan bahawa pengkaji menghargai karya sastera dengan cara mengkaji terhadap suatu karya yang dihasilkan yang dapat memberi manfaat kepada orang lain. Menerusi sorotan kajian lepas juga membuktikan bahawa kebanyakan pengkaji lebih minat untuk merungkai dan mengkaji aspek dari segi nilai. Nilai-nilai tersebut merangkumi moral, Islam dan murni dalam genre cerita rakyat. Hal ini demikian kerana, tidak dapat dinafikan lagi bahawa cerita rakyat sememangnya sarat dengan perkara yang positif. Walaubagaimanapun, pengkaji mendapati kajian yang berkaitan polemik ini kurang diketengahkan dan wujudnya kelompongan dalam kajian ini. Sehubungan itu, pengkaji melaksanakan kajian ini untuk mengisi kelompongan yang ada.

FYP FTKW

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

BAB 3

# METODOLOGI KAJIAN

## 3.1 Pengenalan

Dalam menghasilkan kajian ini, pengkaji akan menjelaskan secara terperinci dan jelas berkenaan dengan metodologi kajian yang dijalankan pada bahagian bab tiga ini. Menurut *Kamus Dewan* (2017) metodologi adalah suatu sistem yang mencakupi perkara seperti kaedah, tatacara, prosedur atau prinsip dalam menjalankan sesuatu kegiatan, urusan atau disiplin. Manakala Othman Mohamed (2001) berpendapat bahawa metodologi kajian adalah gabungan antara analisis data dan pendekatan kajian yang digunakan sebagai suatu kaedah atau cara yang sistematik dan teratur bagi menjayakan sebuah kajian yang bagus. Sehubungan itu, pengkaji akan membahaskan bahagian metodologi kajian yang merangkumi reka bentuk kajian, kaedah kajian dan pengaplikasian teori dalam melaksanakan penyelidikan ini.

FYP FTKW

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

## 3.2 Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian adalah suatu perancangan yang dirancang bertujuan untuk menentukan atau menetapkan suatu kaedah penyelidikan bagi menjawab kepada permasalahan kajian yang timbul (Sulaiman Masri, 2003). Reka bentuk kajian dapat dilihat kepada tiga pecahan bahagian iaitu kualitatif, kuantitatif dan gabungan. Namun begitu, pengkaji telah menetapkan reka bentuk kajian sepenuhnya dalam bentuk kualitatif yang merangkumi dua kaedah. Kaedah pertama adalah kepustakaan dan kedua pula adalah kepada teks yang berkaitan sebagai sumber untuk dirujuk.

## 3.3 Kaedah Kajian

Pendekatan kualitatif yang digunakan adalah bertujuan untuk memperolehi dan mengumpul maklumat-maklumat yang berkaitan dan bertepatan dengan tajuk kajian yang telah dipilih iaitu Polemik dalam Teks *Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia:* Suatu Pengaplikasian Teori Takmilah agar dapat menghasilkan satu kajian penyelidikan yang berilmiah dan baik.

### 3.3.1 Kajian Kepustakaan

Pengkaji telah menggunakan kaedah kepustakaan bagi mencari dan mengumpul data dan maklumat yang relevan dan bersesuaian secara lebih terperinci. Kaedah ini meliputi pembacaan terhadap dokumen seperti artikel, jurnal, glosari definisi, buku-buku, dan tesis yang telah dihasilkan oleh para sarjana lepas. Maklumat dan data yang telah diperolehi menerusi sumber dokumen tersebut akan ditapis terlebih dahulu bagi mendapatkan maklumat yang diperlukan sahaja. Pengkaji telah menggunakan perkhidmatan kepustakaan di Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan (UMK), Perpustakaan Awam Pekan Jerteh dan Perpustakaan Awam Daerah Besut.



FYP FTKW

### 3.3.2 Rujukan Teks

Kaedah rujukan teks ini penting sebagai penggerak kepada kajian ini. Pengkaji melalui beberapa proses seperti membaca, meneliti dan menganalisis polemik yang terkandung dalam teks cerita rakyat yang dipilih menerusi buku *Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia* oleh Othman Puteh dan Aripin Said. Buku ini dijadikan sebagai sumber rujukan utama dalam menganalisis teks kerana kandungannya penuh dengan kepelbagaian cerita rakyat yang berasal dari beberapa buah negeri. Selain itu, buku ini turut sarat dengan kepelbagaian aspek seperti nilai, unsur polemik dan sebagainya. Sehubungan itu, pemilihan buku ini bersesuaian dengan tujuan kajian ini dijalankan. Hal ini demikian kerana, menerusi buku tersebut terkandungnya teks yang memaparkan polemik. Polemik yang terkandung dalam teks ini akan dikumpul dan akan dimasukkan pada bahagian bab empat iaitu analisis kajian untuk dianalisis secara lebih terperinci.

## 3.4 Teori Takmilah

Teori Takmilah merupakan teori tempatan yang merupakan satu-satunya teori Islam yang ada di Malaysia (Syarifah Salha Syed Ahmad *et al*., 2019). Teori ini telah diwujudkan pada tahun 1993 oleh Shafie Abu Bakar. Pada ketika itu, beliau bertugas sebagai pensyarah Jabatan Persuratan Melayu (JPM) di Universiti Kebangsaan Malaysia. Sebelum teori ini dihasilkan, beliau telah menjalankan beberapa proses. Beliau telah melaksanakan pembentangan kertas kerja yang diberi tajuk *Takmilah: Teori Sastera* pada 1 hingga 3 Disember 1993 semasa Dewan Bahasa Pustaka mengadakan anjuran Nadwah Sastera Islam Antarabangsa. Pembentangan teori ini dijelaskan serta dibincangkan secara umum terhadap kritikan dan analisis karya yang dijalankan dan ketika itu istilah Teori Takmilah belum lagi dirangka. Seterusnya, pada 5 hingga 8 September 1993, beliau melakukan beberapa siri pembentangan kertas kerja di Seminar Antarabangsa Kesusasteraan Melayu. Pembentangan kali ini perkara



FYP FTKW

yang dibahaskan adalah berkenaan konsep Takmilah yang dijalankan terhadap olahan teks karya yang berjudul *Teks Hadiqat al-Azhar wa al-Rahayin Sebagai Model Sastera Islam*. Maka, hasil pembentangan itu beliau telah mendapat satu idea untuk membentuk kerangka teori yang berdasarkan kepada makna tauhid.

Lahirnya teori Takmilah ini telah memberi ruang dan peluang kepada pengkritik dan pengkaji dalam menjalankan kritikan serta analisis terhadap sesuatu karya dengan bersandarkan kepada konsep tauhid. Dengan ini mereka diberi kebebasan untuk membahaskan, mengkritik dan menganalisis dalam mana-mana karya sastera namun perlu berlandaskan kepada prinsip-prinsip keIslaman. Tambahan pula, pembentukan teori ini turut melahirkan tujuh prinsip Takmilah. Prinsip ini merupakan komponen yang penting kepada pembentukan teori ini dan tanpa prinsip tersebut maka teori Takmilah adalah tidak sempurna.

FYP FTKW

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

Berikut adalah carta ketujuh-tujuh prinsip yang terdapat dalam teori Takmilah:




Carta 3.4: Prinsip-Prinsip Teori Takmilah

3.4.1 Prinsip-Prinsip Teori Takmilah

3.4.1.1 Prinsip Ketuhanan Bersifat *Kamal* (sempurna).

Prinsip pertama ini lebih terarah kepada dua sifat Allah SWT yang dapat dilihat melalui sifat sempurna iaitu *Kamal* dan keindahan iaitu *Jamal* (Shafie Abu Bakar, 1997). Sifat sempurna (*Kamal*) dan keindahan (*Jamal*) ini mempunyai ikatan yang sangat erat antara satu sama lain yang memaparkan hubungan Allah SWT dengan manusia. Maka, perhubungan antara kedua-dua sifat Allah SWT ini dapat dijelaskan dengan bagaimana pencipta yang menjadikan manusia adalah sebaik-baik kejadian dan sempurna sifatnya yang mana memperlihatkan bahawa penciptaan-Nya adalah sempurna dan indah.

Dalam dunia sastera, pengkarya menjadikan manusia dan alam sebagai subjek dalam penghasilan sesuatu karya dan sebuah karya sastera bukan sekadar memperlihatkan dari segi penggunaan bahasa yang indah namun ia perlu menyerlahkan unsur sempurna dan indah melalui sifat Allah SWT. Penerapan kedua-dua perkara itu dapat mendorong kepada keinsafan dalam diri manusia serta mereka dapat mengakui akan kebesaran Allah SWT. Sehubungan itu, perkaitan kedua-dua sifat ini adalah selari dengan prinsip pertama yang dibentuk oleh Shafie Abu Bakar yang menunjukkan bahawa sifat-sifat Allah SWT turut mempunyai kaitan dalam dunia sastera.

3.4.1.2 Prinsip Kerasulan sebagai Insan *Kamil* (sempurna)

Prinsip kedua pula adalah perkaitan antara hubungan teori dengan kerasulan sebagai insan *Kamil* (Shafie Abu Bakar, 1997). *Kamil* ini membawa erti yang sama dengan sifat Allah SWT iaitu *Kamal* yang bermaksud sempurna. Maka, ia menunjukkan berkenaan pertalian antara sifat *Kamil* dengan Rasulullah SAW. Ini bermaksud kejadian Rasulullah SAW yang diciptakan oleh Allah membuktikan kesempurnaan. Tambahan pula, Rasulullah SAW merupakan nabi yang telah dipilih oleh Allah SWT untuk membimbing manusia ke arah yang lebih baik serta menjadi contoh teladan yang baik kepada umat manusia dalam mencapai keredaan-Nya. Sehubungan itu, jelaslah ia memaparkan prinsip kerasulan sebagai insan yang *Kamil*.

3.4.1.3 Prinsip Keislaman Bersifat *Akmal* (sempurna)

Prinsip ketiga pula menyentuh konteks agama Islam sebagai agama yang suci. Menurut Shafie Abu Bakar (1997) Islam adalah agama yang syumul. Syumul menurut *Kamus Dewan* (2017) adalah bersifat sempurna dan menyeluruh. Oleh itu, ia menunjukkan bahawa agama Islam menyentuh dari pelbagai aspek seperti syariah, akhlak, akidah dan sebagainya sebagai panduan arah tuju kepada umat manusia agar



FYP FTKW

mereka tidak berada dalam kesesatan dan agama Islam ini merupakan agama yang diberkati serta diredhai oleh Allah SWT.

3.4.1.4 Prinsip Hubungan Sastera dengan Ilmu

Menurut Shafie Abu Bakar (1997), teori ini turut mempunyai kaitan dengan hubungan antara sastera dengan ilmu. Di samping itu juga, turut melibatkan akal dan hati. Hal ini demikian kerana, akal adalah alat yang penting dalam memperolehi sesuatu ilmu. Oleh itu, ilmu ini mempunyai perkaitan dengan diri sendiri yang mana ilmu tersebut diperolehi melalui akal dan ilmu tersebut perlu dicurahkan dalam karya sastera. Malah, ilmu yang dibawa dalam karya sastera perlu memaparkan sesuatu yang baik yang mana ia tidak mendatangkan sesuatu ilmu yang jauh tersasar dari landasan Islam dan ilmu tauhid.

3.4.1.5 Prinsip Sastera Berciri Estetik

Prinsip kelima pula merupakan sastera yang mengandungi ciri estetik. Estetik menurut *Kamus Dewan* (2017) ialah suatu keindahan. Menurut Shafie Abu Bakar (1997) menyatakan bahawa sastera yang bercirikan estetik ini dapat dilihat melalui dua perkara yang indah iaitu keindahan melalui maknawi dan lahiriah. Keindahan maknawi boleh diberi fokus terhadap nilai, tema, idea dan sebagainya. Keindahan lahiriah pula menerusi penciptaan karya dari segi plot, watak, bentuk dan sebagai. Ini menunjukkan usaha pengarang dalam mengolah keindahan dalam suatu karya tanpa perlu diungkapkan secara langsung.



FYP FTKW

3.4.1.6 Prinsip Pengkarya Mengistikmalkan Diri

Menurut Shafie Abu Bakar (1997), prinsip ini diberi penekanan terhadap pengkarya itu sendiri yang mana mereka perlu menyempurnakan diri mereka dengan nilai-nilai keislaman serta ilmu yang berkaitan dengan sastera. Ini menjelaskan bahawa pengkarya yang ingin menghasilkan sebuah karya sastera perlu menyiapkan diri sendiri dengan ilmu-ilmu yang elok sebelum ia dikongsi kepada khalayak. Hal ini demikian kerana, ia menjadi tanggungjawab kepada pengkarya untuk menghasilkan satu karya sastera yang mempunyai ilmu dan nilai yang tinggi. Oleh itu, ilmu Islam dan ilmu sastera adalah penting bagi pengkarya untuk menyempurnakan diri mereka.

3.4.1.7 Prinsip Hubungan Khalayak dengan Karya

Menurut Shafie Abu bakar (1997), prinsip terakhir ini merupakan hubungan khalayak dengan karya yang sememangnya rapat sejak dahulu lagi. Pembentukan karya yang manfaat dengan memaparkan nilai-nilai tauhid, jihad, dakwah, kekudusan dan sebagainya adalah berperanan dalam mendorong pembentukan manusia ke arah insan yang *Kamil*. Oleh itu, prinsip ketujuh ini memaparkan bahawa karya sastera ini kaya dengan ilmu yang bermanfaat untuk tujuan mendidik khalayak agar menjadi insan yang lebih baik.



FYP FTKW

## 3.5 Kerangka Konseptual




Rajah 3.5: Kerangka Konseptual

FYP FTKW
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

## 3.6 Penutup

Bab tiga ini pengkaji memperincikan tentang kaedah-kaedah yang digunakan untuk menghasilkan kajian ini. Penetapan terhadap kaedah kajian dan juga pengaplikasian teori ini adalah penting. Hal ini demikian kerana, ia bertujuan untuk memastikan kajian yang dihasilkan oleh pengkaji adalah mengikut prosedur yang teratur, sistematik dan tersusun. Di samping itu, penetapan kaedah kajian ini penting bagi memastikan segala maklumat yang telah dicari dan dikumpulkan adalah bertepatan dengan tajuk kajian yang ingin dijalankan. Malah, penggunaan teori Takmilah ini adalah sebagai deduktif kajian dalam membentuk satu hujah atau analisis yang mantap serta kukuh. Sehubungan itu, metode kualitatif iaitu kepustakaan dan rujukan teks serta penggunaan teori Takmilah berdasarkan prinsip keenam digunakan oleh pengkaji dalam menghasilkan satu kajian yang menyentuh unsur polemik dalam genre cerita rakyat.

FYP FTKW
UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

BAB 4

# ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN

## 4.1 Pengenalan

Hasil daripada proses menganalisis data-data yang dikumpul dan diperolehi oleh pengkaji maka data tersebut akan dibentangkan dalam bahagian ini. Pengkaji akan membahas dan menghuraikan berkenaan data yang berkaitan unsur polemik yang terdapat dalam teks *Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia* yang diuruskan oleh Othman Puteh dan Aripin Said. Selanjutnya, teks-teks tersebut pula akan dianalisis berdasarkan satu prinsip sahaja yang telah dipilih iaitu pengkarya mengistikmalkan diri yang terkandung dalam teori Takmilah (1997). Dalam bab ini, pengkaji akan memberi fokus kepada unsur polemik yang diperolehi sebanyak 12 iaitu kebencian, hasad dengki, kebodohan, dendam, melanggar janji, pembohongan, pemalas, perbalahan, keangkuhan, sombong, penderhakaan dan ketamakan.

FYP FTKW
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

4.2 Polemik Kebencian

Kata dasar bagi kebencian adalah benci yang dapat didefinisikan sebagai satu emosi yang tidak suka akan sesuatu yang boleh merujuk kepada sifat, perihal dan juga manusia (*Kamus Dewan,* 2017). Selain itu, menurut Jose I. Navarro *et al.* (2013) berpendapat bahawa kebencian adalah perasan yang tidak suka yang mendalam dan ia merupakan satu emosi yang dianggap melampau. Selain itu, emosi benci mempunyai hubungan dengan perasaan marah, iri hati dan cemburu (Putri Oktarilla Murti *et al.*, 2019). Menurut Mohammad Sirod Judin (2017) mengemukakan makna benci sebagai percakapan yang memaparkan perasaan yang muak, penolakan dan tidak senang sama ada ia berupa hal benda, manusia atau perbuatan. Berdasarkan pendapat yang telah dikemukakan oleh para sarjana di atas, dapat dirumuskan bahawa kebencian merupakan perasaan yang negatif yang boleh menimbulkan ketidaksenangan dalam diri seseorang itu. Hal ini demikian kerana, perasaan benci ini berupaya dalam mengganggu fikiran seseorang itu sehinggakan kebencian tersebut dapat dilontarkan dalam pelbagai bentuk seperti reaksi muka, percakapan dan tindakan.

Polemik kebencian ini dapat dilihat dalam cerita rakyat yang bertajuk *Peniup Seruling.* Di bawah berikut adalah petikan 1 yang memperlihatkan polemik tersebut:

> Petikan 1
> "Hentikan!" Tempik Orang Kaya Mamat. Aman terpinga-pinga. Orang Kaya Mamat bercekak pinggang. "Mulai esok pagi, aku mahu kau tinggalkan tempat ini," kata Orang Kaya Mamat dengan wajah merah padam. "Jika begitu kehendak Orang Kaya, bolehkah hamba tahu, apa kesalahan hamba?" Aman bertanya. "Kerana seruling kau itulah anak gadis aku jatuh sakit hingga tak sedarkan diri sampai sekarang," kata Orang Kaya Mamat dengan marah.
>
> (Othman Puteh & Aripin Said, 2008: 18)

FYP FTKW

Petikan 1 menunjukkan situasi polemik atau konflik antara Aman dan Orang Kaya Mamat. Polemik kebencian ini dapat dilihat pada watak yang ditonjolkan oleh Orang Kaya Mamat. Orang Kaya Mamat sangat marah akan Aman. Hal ini demikian kerana, perbuatan Aman yang sentiasa meniup seruling telah membuatkan Orang Kaya Mamat tidak senang. Sekiranya, diteliti balik berlakunya pertentangan antara Aman dengan Orang Kaya Mamat. Aman meniup seruling untuk menghiburkan hati kerana isteri barunya telah meninggal dunia manakala Orang Kaya Mamat pula benci kerana disebabkan seruling itu telah membuatkan anaknya jatuh sakit. Disebabkan oleh hal tersebut telah mencetuskan polemik kebencian itu. Maka, Orang Kaya Mamat menghalau Aman untuk meninggalkan kampung tersebut.

*Bawang Putih Bawang Merah* turut memperlihatkan polemik kebencian dalam petikan 2 di bawah:

> Petikan 2
> Apabila Bawang Putih lahir ibu tirinya mula membenci dia. Ibu tirinya hanya sayang kepada Bawang Putih. Bawang Putih dapat makan sedap, tidur atas tilam empuk dan pakai baju cantik. Bawang Merah hanya dapat makan sisa. Tempat tidurnya di ceruk dapur. Tidak ada tilam atau bantal. Hanya ada sehelai tikar mengkuang yang sudah koyak rabak. Ibu tirinya pandai bermuka dua Kalau ayah Bawang Merah ada di rumah Bawang Merah dilayan dengan baik.
>
> (Othman Puteh & Aripin Said, 2008: 174)

Petikan 2 menceritakan tentang Bawang Merah yang merupakan anak yatim yang telah kehilangan ibunya sejak dulu lagi. Polemik kebencian yang ditunjukkan oleh ibu tiri Bawang Merah semenjak Bawang Putih dilahirkan ke bumi. Perasaan benci yang membuak-buak dalam diri ibu tiri membuatkannya melayani Bawang Merah dengan buruk. Buktinya dapat dilihat melalui petikan di atas yang mana Bawang Merah tidak dapat tidur di tempat yang selesa. Bahkan, Bawang Merah hanya mengisi perutnya dengan sisa makanan yang dimakan oleh Bawang Putih dan ibu tirinya.



FYP FTKW

Bawang Merah akan dilayan baik sewaktu ayahnya berada di rumah. Oleh itu, dapat dilihat polemik kebencian yang dibawa oleh watak ibu tiri Bawang Merah.

Selain itu, polemik kebencian juga dapat dilihat menerusi cerita *Kerbau Balar* dalam petikan 3:

> Petikan 3
> Dalam sekumpulan kerbau ada sepasang kerbau balar. Warna kulitnya merah, tidak hitam seperti kerbau-kerbau yang lain. Oleh kerana kulit yang berbeza warnanya itu, kerbau balar selalu dihalau oleh kerbau lain. Kedua-duanya tidak dibenarkan makan bersama dan tidur sekandang. "Rupa kamu tidak sama dengan kami." kata kerbau yang lain itu. Kedua-dua kerbau balar sangat sedih kerana mereka selalu disisihkan.
>
> (Othman Puteh & Aripin Said, 2008: 223)

Berdasarkan petikan 3 di atas menunjukkan polemik kebencian yang dipaparkan oleh watak kerbau yang lain. Ada sepasang kerbau balar yang mempunyai kulit yang berwarna merah manakala kerbau lain berkulit hitam. Perbezaan warna kulit telah menyebabkan kerbau yang lain benci akan sepasang kerbau balar tersebut. Kebencian yang ditunjukkan oleh kerbau lain kepada mereka berdua jelas terbukti apabila kerbau yang lain tidak membenarkan mereka untuk makan, tidur dan berkawan secara bersama-sama. Dengan ini, tercetusnya polemik atau konflik kebencian antara kerbau lain dengan sepasang kerbau balar.

Kebencian ini jelas bertepatan dengan pendapat oleh Jose I. Navarro *et al.* (2013) yang mana menunjukkan bagaimana emosi tersebut boleh dianggap melampau apabila seseorang itu tidak menyukai akan sesuatu perkara. Sebagai contoh, tidak suka akan perbuatan yang dilakukan, sifat sesuatu, perangai dan lain-lain. Di samping itu, kebencian ini boleh juga datang sekiranya sesuatu perkara tersebut dapat memberi ancaman sama ada kepada diri sendiri mahupun orang lain seperti yang terdapat

FYP FTKW

dalam cerita rakyat di atas. Orang Kaya Mamat membenci perbuatan Aman kerana telah memberi ancaman kepada anaknya.

Sekiranya diteliti balik akan contoh cerita di atas, unsur polemik tersebut berupaya membuka minda masyarakat ke arah yang positif terhadap cerita rakyat. Hal ini demikian kerana, masyarakat yang terdiri daripada pelbagai peringkat umur dibekalkan satu akal yang membolehkan mereka untuk berfikir. Cerita rakyat walaupun tidak diketahui siapa pengarangnya namun pengarang mengajak masyarakat untuk meneliti makna di sebalik cerita yang cuba disampaikan melalui paparan konflik atau unsur polemik tersebut. Maka apa yang ingin ditekankan kepada pembaca atau masyarakat adalah polemik seperti kebencian melalui cerita *Peniup Seruling* ini berupaya mendidik masyarakat untuk bertingkah laku sabar. Sabar bermaksud ketenangan, kawalan diri dan kesanggupan untuk bertolak ansur (Vaishali & Shashi, 2007). Menurut pandangan oleh Osman Ayob *et al*. (2020) menyatakan bahawa sabar adalah menahan diri daripada keperitan apabila berhadapan dengan ujian-ujian yang mendatang daripada Allah SWT. Sabar juga dilihat sebagai nilai yang murni yang sangat berguna bagi seseorang (Joseph, 2007). Merujuk kepada pendapat-pendapat tersebut dapat dijelaskan bahawa seseorang yang bersikap sabar menggambarkan akhlak yang tinggi dalam dirinya. Hal ini demikian kerana, bersabar telah membuatkan mereka menahan diri dari segala perkara yang boleh mendatangkan keburukan.

Apabila seseorang itu dihadapkan dengan beberapa ujian sama ada sesama manusia atau melibatkan perkara yang lain maka mereka perlu mengajarkan diri untuk bersabar. Mereka perlu bersabar dalam mengawal diri dari dikawal oleh perasaan benci dan marah yang membuak-buak. Ini bertujuan untuk mengelakkan diri daripada dikuasai oleh aura yang negatif sehinggakan berupaya bertindak dari luar jangkaan. Hal ini demikian kerana, seseorang yang dipengaruhi oleh perasaan yang negatif iaitu benci menyebabkan mereka tidak sedar dengan apa yang mereka lakukan. Tambahan



FYP FTKW

pula, sabar pula boleh dilakukan dengan cara bertolak ansur seperti berbincang dengan baik sekiranya berlakunya perselisihan faham antara kedua-dua belah pihak. Dalam pada itu, ia dapat mengelakkan dari terputusnya silaturrahim. Bersabar melalui bertolak ansur juga boleh ditunjukkan dengan cara memberi kasih sayang dan menerima kekurangan yang dimiliki orang lain. Ini memaparkan bahawa mereka bersabar dan tidak melihat kekurangan yang ada dalam diri orang lain sebagai satu masalah yang besar. Bahkan, mereka bersedia menerima seadanya tanpa mempunyai perasaan benci di hati. Lebih-lebih lagi, orang yang sering bersabar kehidupannya akan beroleh kebahagiaan dan kebaikan di dunia dan akhirat. Hal ini dikatakan demikian kerana, mereka mudah mendapat pertolongan dan dicintai oleh Allah SWT. Oleh itu, melalui polemik tersebut mendidik untuk masyarakat lebih bersabar sekiranya berhadapan dengan dugaan kerana kesabaran itu membawa kepada ketenangan hati.

Sehubungan itu, pengaplikasian teori Takmilah oleh Shafie Abu Bakar (1997) menerusi prinsip keenam iaitu pengkarya mengistikmalkan diri (menyempurnakan) bertepatan dengan analisis di atas. Hal ini dikatakan demikian kerana, pengkarya yang ingin menyampaikan sesuatu perkara kepada masyarakat perlu dilengkapi serta menyempurnakan diri dengan ilmu yang baik seperti ilmu Islam dan ilmu sastera dalam mengolah jalan penceritaan cerita rakyat (Shafie Abu Bakar, 1997). Maka, pengolahan cerita rakyat tersebut dapat dilihat pada usaha pengkarya itu sendiri dalam menggarapkan satu kesedaran kepada pembaca atau masyarakat mengenai perkara yang bermoral. Ini bermaksud pengkarya menjadikan polemik ini sebagai olahan penceritaan dalam menyempurnakan dirinya agar dapat memberi suatu manfaat kepada pembaca berkaitan hal-hal yang baik. Buktinya dapat dilihat menerusi polemik kebencian yang terkandung dalam cerita rakyat di atas dapat memberi satu ajaran yang positif kepada masyarakat agar mereka dapat berperilaku baik seperti bersikap sabar. Oleh itu, menerusi cerita *Peniup Seruling, Bawang Putih Bawang Merah* dan *Kerbau Balar* yang terkandungnya polemik kebencian ini dapat memberi kebaikan



FYP FTKW

kepada masyarakat sekaligus menepis stereotaip mereka yang negatif terhadap cerita rakyat.

## 4.3 Polemik Hasad Dengki

Hasad dengki ini boleh ditakrifkan sebagai perasaan yang tidak senang hati apabila melihat seseorang itu menikmati kesenangan yang diperolehinya (Muhammad Naim Che Berahim, 2013). Tambahan pula, menurut Hassan Langgulung (1986) berpendapat bahawa perasaan hasad dengki dapat dikategorikan sebagai penyakit mental. Di samping itu, Mohd Azhar Abd. Hamid *et al.* (2004) mengujarkan pandangannya bahawa perasaan hasad dengki adalah sebagai fenomena sejagat. Merujuk *Kamus Dewan* (2017) mendefinisikan hasad dengki sebagai perasaan cemburu seseorang yang disertai dengan niat yang tidak baik atau jahat. Merujuk kepada definisi yang telah dinyatakan oleh tokoh dapat disimpulkan bahawa hasad dengki merupakan satu perkara yang sering dikaitkan sikap atau perasaan yang sangat tercela dan bahaya. Bahkan, perasaan tersebut perlu dihindari. Hal ini demikian kerana, ia dapat mempengaruhi hati serta pemikiran seseorang itu sehinggakan berupaya mendatangkan sebarang kemudaratan sama ada kepada diri sendiri atau kepada orang lain.

Polemik hasad dengki ini dapat dilihat dalam cerita rakyat yang bertajuk *Kura-kura di Kubang Emas.* Di bawah berikut adalah petikan 4 yang menonjolkan polemik tersebut:

> Petikan 4
> Penduduk Kampung Becah Keranji murah rezeki kerana adanya kura-kura emas. Penduduk kampung lain dengki dengan penduduk Kampung Becah Keranji. Orang dari Kampung Kubang Gatal mahu mencuri kura-kura itu untuk diletakkan di kubang kampung mereka.
>
> (Othman Puteh & Aripin Said, 2008: 20)



FYP FTKW
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

Berdasarkan petikan 4 di atas, jelas terpaparnya polemik atau konflik antara penduduk Kampung Kubang Gatal dengan penduduk Kampung Becah Keranji. Penduduk Kampung Becah Keranji dilimpahi kesenangan disebabkan oleh adanya kura-kura emas. Kesenangan yang dinikmati oleh penduduk kampung tersebut telah mendatangkan polemik hasad dengki oleh orang Kampung Kubang Gatal. Hasad dengki yang wujud dalam hati penduduk Kampung Kubang Gatal telah mendorong mereka untuk mencuri kura-kura tersebut. Dengan ini, dapat dilihat bahawa penduduk Kampung Kubang Gatal berupaya untuk menjatuhkan penduduk Kampung Becah Keranji dengan perbuatan tersebut agar mereka juga dapat hidup senang-lenang dan berharap agar penduduk Kampung Becah Keranji akan menderita. Namun begitu, perbuatan mereka tidak berjaya dan mereka telah mendapat balasan pada akhirnya seperti yang terdapat dalam petikan 5 di bawah:

> Petikan 5
> Apabila mereka menjejakkan kaki ke lumpur kubang itu, kaki mereka seperti dipegang kuat oleh lumpur. Mereka tidak dapat bergerak. Esoknya, orang Kampung Becah Keranji datang untuk menangkap ikan. Mereka terkejut kerana teman-teman mereka dari Kampung Gatal ada di situ. Mereka pun dibawa menemui Penghulu Becah Keranji. Penduduk yang berhasad dengki tu telah dijatuhi hukuman.
>
> (Othman Puteh & Aripin Said, 2008: 20)

Merujuk kepada konflik atau polemik iaitu hasad dengki tersebut jelas bertepatan dengan pendapat yang dikemukakan oleh Muhammad Naim Che Berahim (2013). Penyataan tersebut turut disokong oleh pendapat Rina Fairuz Jahya (2013) yang menyatakan bahawa hasad dengki ini kebiasaannya meracuni hati manusia apabila seseorang itu melihat nikmat orang lain jauh lebih banyak berbanding dengan nikmat yang seseorang itu perolehi. Penyakit hasad dengki ini boleh merebak ke dalam diri sesiapa sahaja yang mana tidak memandang darjat, pangkat, usia dan sebagainya. Hal ini demikian kerana, setiap manusia tidak terkecuali daripada mengalami perasaan tersebut. Dalam konteks agama Islam, Allah melarang



FYP FTKW

mempunyai perasaan hasad dengki ini kerana perasaan tersebut boleh menghilangkan segala amal kebaikan yang telah dilakukan. Tambahan pula, mereka yang didorong oleh sifat hasad dengki mempunyai pemikiran yang tidak waras. Kesudahannya, diri mereka akan hilang sifat kasihan dan empati terdapat orang lain kerana mereka sanggup merebut kebahagiaan dan kesenangan orang lain. Maka, jelaslah bahawa hasad dengki wajib dielakkan agar tidak mendorong seseorang mempunyai masalah hati dan juga mental.

Rentetan daripada itu, polemik iaitu hasad dengki yang ditonjolkan ini membawa masyarakat untuk menyelami maknanya yang tersirat melalui paparan polemik tersebut. Melalui pembacaan cerita rakyat yang memaparkan unsur konflik atau polemik ini, masyarakat atau pembaca dapat melihat bahawa kata lawan bagi hasad dengki adalah bersyukur. Dengan itu, pengarang mengajak masyarakat untuk mengamalkan sikap bersyukur. Syukur bermaksud jiwa yang merasai sesuatu kesederhanaan dan kecukupan yang diperolehi dalam menjalani sebuah kehidupan (Mohd Firdaus Che Yaacob, 2018). Penyataan oleh Al-Ghazali (1990) yang menyatakan syukur ini adalah satu perasaan yang gembira dan senang dengan apa jua nikmat yang diperolehi. Malah Randy & Lori (2010) turut berkongsikan pendapat mengenai takrifan syukur yang bermaksud satu penghargaan terhadap perkara yang berharga dan bermakna kepada diri sendiri.

Pandangan oleh para sarjana di atas menunjukkan bahawa pentingnya seseorang itu dalam mengamalkan sikap bersyukur. Hal ini demikian kerana, orang yang selalu bersyukur dapat menghalang dirinya daripada mempunyai penyakit hati iaitu hasad dengki. Lain daripada itu, bersyukur juga membolehkan seseorang memiliki hati dan mental yang sihat. Sebagai contoh, mereka yang selalu bersyukur tidak akan mengotorkan jiwa dan mental mereka untuk melihat dan mempersoalkan tentang nikmat lebih baik yang diberikan oleh Allah SWT kepada orang lain. Sebaliknya,



FYP FTKW

mereka akan turut sama berkongsikan kegembiraan dan kesenangan mereka apabila melihat kebahagiaan atau nikmat yang diperolehi orang lain. Mereka yang bersyukur juga lebih memilih untuk menerima apa sahaja pemberian nikmat tanpa sebarang keluhan atau merungut. Hal ini demikian kerana, mereka telah mendidik minda mereka untuk lebih percaya akan janji Allah SWT bahawa orang yang selalu bersyukur akan ditambahkan nikmat yang berganda-ganda. Dalam pada itu, mereka tidak lagi merasa kegusaran dalam hati. Oleh itu, melalui polemik tersebut jelas mendidik pembaca atau masyarakat untuk menerapkan sifat bersyukur.

Sehubungan itu, berdasarkan kepada huraian di atas ia bersesuaian dengan penggunaan prinsip keenam dalam Takmilah oleh Shafie Abu Bakar (1997). Hal ini demikian kerana, menurut Shafie Abu Bakar (1997) menyatakan bahawa pengkarya yang ingin menyampaikan sesuatu amanat atau mesej kepada khalayak perlu dilengkapi serta menyempurnakan diri terlebih dahulu dengan ilmu yang baik dalam mengolah suatu jalan penceritaan cerita rakyat tersebut. Ia dapat dilihat bagaimana pengkarya telah mencorakkan perilaku hasad dengki oleh watak-watak tersebut dalam penulisannya. Ini bermaksud pengkarya mengetengahkan tuntutan Islam tidak hanya kepada dirinya tetapi kepada pembaca yang dapat diambil melalui paparan polemik tersebut. Tuntutan Islam tersebut merujuk kepada pengamalan terhadap sifat bersyukur. Maka, pengarang telah memberikan satu dorongan kepada masyarakat agar mereka dapat menginsafi diri sendiri dengan mengamalkan perilaku yang baik seperti bersikap syukur. Oleh itu, menerusi cerita *Kura-kura di Kubang Emas* yang terkandungnya polemik hasad dengki ini dapat memberi kebaikan kepada masyarakat sekaligus dapat membuka minda mereka terhadap manfaat cerita rakyat melalui bersyukur.

FYP FTKW

4.4 Polemik Kebodohan

Bodoh bermaksud sukar untuk memahami atau mengerti akan sesuatu perkara (*Kamus Dewan*, 2017). Di samping itu, Muhammad Safuan Ismail *et al.* (2018) mendefinisikan perkataan bodoh sebagai kata yang sering ditujukan kepada manusia yang tidak dapat menggunakan akal fikirannya dengan baik sehinggakan menyebabkan berlakunya sesuatu perkara yang tidak dijangka oleh akal fikiran. Tambahan pula, kata bodoh dalam perkataan Arab adalah *safaha* yang membawa erti orang yang mempunyai akal yang lemah (M. Quraish, 2002). Penyataan tersebut turut disokong oleh Sukri (2015) yang menyatakan bodoh ini adalah fikiran yang rendah kerana tidak cepat faham, tahu dan tidak dapat mengerjakan sesuatu perkara. Oleh itu, kebodohan ini dapat dilihat bahawa tahap pemikiran seseorang itu berada dalam peringkat yang agak rendah yang mana mereka tidak dapat berfikir secara baik seperti manusia yang normal.

Polemik kebodohan ini dapat dilihat dalam cerita rakyat yang bertajuk *Pak Pandir Mandikan Anak.* Di bawah berikut adalah petikan 6 yang menunjukkan polemik tersebut:

> Petikan 6
> Pak Pandir sangat hairan melihat akan kelakuan Mak Andeh. “Mengapa pula Mak Andeh meraung melihat anak yang gembira mandi air panas?” soal Pak Pandir. Dalam tangisannya Mak Andeh memarahi Pak Pandir. Lain yang disuruh, lain pula dibuatnya. Dia menyuruh Pak Pandir memandikan anak mereka dalam air suam. Bukannya air panas seperti itu.
>
> (Othman Puteh & Aripin Said, 2008: 39)

Petikan 6 di atas jelas memperlihatkan keadaan yang begitu cemas yang ditonjolkan oleh watak Mak Andeh. Kemarahan yang lahir dalam diri Mak Andeh disebabkan oleh konflik atau polemik kebodohan yang berpunca daripada Pak Pandir itu sendiri. Pak Pandir dimarahi teruk oleh Mak Andeh kerana perbuatan Pak Pandir



FYP FTKW

berlawanan dengan kehendak Mak Andeh. Hal ini demikian kerana, Pak Pandir menggunakan air panas untuk memandikan anaknya sedangkan Mak Andeh menyuruhnya untuk menggunakan air suam. Kesannya, Pak Pandir telah kehilangan sesuatu yang paling berharga dalam hidupnya seperti yang dinyatakan dalam petikan 7 di bawah:

> Petikan 7
> "Anak kita dah meninggal!" Kata Mak Andeh. Pak Pandir sedar akan kebebalannya. Tahulah kini dia telah kehilangan anak yang amat disayangi. Pak Pandir menangis sekuat-kuat hatinya.
>
> (Othman Puteh & Aripin Said, 2008: 39)

Tambahan pula, kebodohan Pak Pandir juga dapat dilihat dalam cerita rakyat yang bertajuk *Pak Pandir Pergi Berdagang* menerusi petikan 8 di bawah:

> Petikan 8
> "Kalau aku tertidur, garam akan dicuri orang. Lebih baik aku sorok," kata Pak Pandir seorang diri. Pak Pandir terpandang sungai. Tanpa berfikir panjang, Pak Pandir terus mengangkat karung garam dan merendamnya di dalam sungai. Dia pergi ke pangkal beringin yang rendang.
>
> (Othman Puteh & Aripin Said, 2008: 117)

Polemik kebodohan juga dapat dilihat pada watak yang sama iaitu Pak Pandir. Pada asalnya, Pak Pandir ingin berdagang garam kerana semua penduduk sangat memerlukan garam. Maka Pak Pandir turun ke pantai untuk mengutip ketulan-ketulan garam. Dalam seminggu, Pak Pandir berhasil memperolehi garam sebanyak satu karung. Sebelum pulang, Pak Pandir berhenti seketika untuk mandi dan makan. Lanjutan itu, disebabkan kerisauan akan ketiduran dan bimbang garamnya akan dicuri maka menyebabkan Pak Pandir ini tidak berfikiran jauh. Pak Pandir terus menyembunyikan garamnya di dalam sungai. Pak Pandir tidak menyedari bahawa tindakan bodohnya itu telah merugikan dirinya sendiri seperti paparan dalam petikan 9 di bawah:



FYP FTKW

Petikan 9
Tiba di halaman rumah, Pak Pandir melaung. “Andeh! Andeh! Aku pulang! Aku bawa sekarung garam!” kata Pak Pandir. Mak Andeh menerpa. Pak Pandir terus meletakkan karung di atas pelantar. “Mana garamnya?” tanya Mak Andeh. “Eh! Tadi ada. Di mana pulak? Betullah, makin ramai orang di dunia ini tak jujur dan suka mencuri. Padahal, aku dah sorok di tempat paling selamat, dalam sungai. Tak siapa nampak!” kata Pak Pandir. Termenung Mak Andeh.

(Othman Puteh & Aripin Said, 2008: 117)

Di samping itu, Nor Asiah Ismail (2017) turut mengemukakan makna bodoh adalah sebagai suatu yang memperlihatkan perihal negatif dan perbuatan yang dilakukan dapat merugikan suatu hal kerana kebodohan itu. Berdasarkan kepada penyataan tersebut ia dapat dibuktikan dan dikaitkan dengan perbuatan Pak Pandir. Pak Pandir ini memperlihatkan kepada pembaca atau masyarakat tentang perkara negatif iaitu memandikan anaknya dengan air yang panas. Perbuatan tersebut yang berpunca dari kebodohannya sendiri telah mendatangkan kerugian kepada Pak Pandir yang mana mengakibatkan anaknya meninggal. Bahkan, menerusi *Pak Pandir Pergi Berdagang* juga memaparkan Pak Pandir rugi sekarung garam. Hal ini disebabkan oleh tindakan bodohnya yang menyembunyikan garam di dalam sungai sehinggakan garam tersebut larut dan dibawa arus air sungai.

Melihat kepada polemik kebodohan ini jelas bersesuaian dengan pendapat yang telah dikemukakan oleh para sarjana di atas. Seseorang yang mempunyai akal yang bodoh yang mana pemikirannya adalah rendah atau lembab ini perlu diberi perhatian. Hal ini demikian kerana, cara berfikir orang yang lemah akalnya adalah berbeza dengan cara manusia normal berfikir. Mereka berfikir dan mungkin beranggapan bahawa tindakan yang mereka lakukan adalah benar di mata mereka. Namun begitu, di sebaliknya ia merupakan satu perbuatan yang salah dan jelas bertentangan di mata orang lain. Di samping itu, pemahaman mereka juga berbeza. Menerusi hal tersebut, dapat dilihat mereka tidak dapat menggunakan akal fikirannya dengan baik. Dengan keadaan sedemikian, orang yang bodoh perlu diberi



FYP FTKW

pendedahan dan penjelasan secara jelas tentang perkara yang baik dan tidak baik agar mereka dapat membezakan yang mana positif dan yang mana negatif sekaligus menjadikan mereka lebih berhati-hati dalam bertindak.

Lantaran itu, konflik atau polemik iaitu kebodohan ini menekankan pembaca atau masyarakat untuk mengamalkan sikap bertanya. Tanya bermaksud permintaan kepada sesuatu penjelasan (*Kamus Dewan*, 2017). Menurut Dwi Susanti (2012) berpendapat bahawa tanya merupakan ungkapan secara lisan untuk mendapatkan maklum balas dari orang yang dikenali atau tidak dikenali. Selain itu, tanya juga boleh didefinisikan sebagai ujaran yang diucapkan untuk mendapatkan jawapan sama ada secara langsung atau tidak langsung (Zulkifli, Nurlaksana & Wini, 2013). Norah dan Juliana (2006) turut menyatakan bahawa dengan bertanyakan soalan berupaya untuk meneroka peranan yang penting dari suatu pertanyaan dalam mewujudkan persekitaran pembelajaran yang baik. Maka, sikap tersebut perlu diamalkan oleh semua masyarakat tidak kira seseorang itu mempunyai tahap pemikiran yang rendah atau tinggi. Walaupun seseorang itu faham terhadap suatu permintaan, suruhan atau penjelasan oleh orang lain namun bertanya juga perlu dititikberatkan. Bertanya merupakan satu hal yang penting untuk membolehkan penjelasan yang diberikan dapat lebih difahami dengan jelas dan tepat daripada apa yang seseorang itu fahamkan. Oleh itu, amat perlu sikap bertanya ini diterapkan dalam diri setiap manusia kerana bertanya dapat mengelakkan timbulnya masalah kesalahfahaman.

Selain itu, polemik kebodohan juga mendorong pembaca untuk menerapkan amalan berfikir. Berfikir bermaksud adalah tindakan yang tidak boleh dilihat yang mana orang lain tidak akan mengetahui apa yang difikirkan oleh seseorang itu sekiranya ia tidak diungkap sama ada secara lisan atau tulisan (Hidayatullah Achmad, 2015). Purwanto (2017) berpendapat bahawa berfikir merupakan proses menilai yang mana selama kita berfikir dapat menimbulkan keadaan tanda tanya dalam fikiran. Berfikir



FYP FTKW

juga dapat dilihat apabila seseorang itu menggunakan akal fikiran mereka untuk membuat pertimbangan atau untuk memutuskan sesuatu (Wowo Sunaryo, 2011).

Berdasarkan kepada ketiga-tiga pendapat tersebut dapat dirumuskan bahawa berfikir ini boleh merangkumi proses membuat keputusan, menilai, merencanakan sesuatu dan lain-lain. Maka tindakan berfikir perlulah disemai dalam diri setiap manusia kerana berfikir dapat mendorong keupayaan untuk belajar dalam bertindak bagi sesuatu perkara. Ini bermaksud dengan berfikir terlebih dahulu maka otak akan bekerja dalam menilai terhadap sesuatu tindakan yang ingin dilakukan itu sama ada baik atau sebaliknya. Seandainya tindakan tersebut merujuk kepada perkara tidak elok maka akal akan memutuskan suatu keputusan untuk tidak berbuat sedemikian. Jelaslah ia menunjukkan hasil daripada proses berfikir dahulu sebelum bertindak. Seterusnya, setiap perkara yang dilakukan dalam kehidupan seharian perlulah dititikberatkan dengan berfikir dahulu sebelum bertindak kerana amalan berfikir ini menggambarkan ciri keperibadian seseorang yang matang. Begitu juga dengan kehidupan yang mereka harungi pasti akan memperolehi kejayaan. Tegasnya di sini, jangan sesekali mengamalkan sikap yang suka melakukan sesuatu semborono atau membabi buta. Hal ini demikian kerana, bertindak tanpa berfikir boleh mengundang kepada kejadian yang tidak baik. Oleh itu, polemik kebodohan ini mendorong pembaca atau masyarakat untuk berfikir dahulu sebelum bertindak.

Oleh itu, hujahan di atas tersebut bersesuaian dengan pengaplikasian prinsip keenam dari teori Takmilah oleh Shafie Abu Bakar (1997). Berdasarkan kepada cerita bertajuk *Pak Pandir Mandikan Anak* dan *Pak Pandir Pergi Berdagang* menunjukkan bahawa pengkarya telah menyempurnakan diri dalam menghasilkan sesuatu karya tersebut dengan ilmu-ilmu yang bermanfaat. Menurut Shafie Abu Bakar (1997) menyatakan pengkarya perlu melengkapkan diri tidak hanya dengan ilmu-ilmu Islam sahaja tetapi juga ilmu-ilmu sastera. Keberhasilan pengkarya menyempurnakan diri



FYP FTKW

dapat dilihat pada kebijaksanaan dalam mengetengahkan idea polemik ini yang penuh dengan mesej yang cuba disampaikan. Buktinya dapat dilihat menerusi polemik kebodohan yang terkandung dalam cerita rakyat di atas. Menerusi polemik tersebut berupaya menarik masyarakat untuk mengamalkan sikap yang positif seperti sikap bertanya dan berfikir. Oleh itu, menerusi cerita *Pak Pandir Mandikan Anak* dan *Pak Pandir Pergi Berdagang* yang terkandungnya polemik kebodohan ini dapat berupaya memberi pulangan yang positif kepada pembaca atau masyarakat.

## 4.5 Polemik Dendam

Rizki Adinda Dewiana (2011) menjelaskan definisi dendam sebagai perasaan yang timbul yang boleh berpunca daripada pelbagai aspek seperti ketidakadilan, pengkhianatan, cemburu, kerakusan dan sebagainya. Di samping itu, definisi dendam berdasarkan pendapat Michael (2008) adalah tindak balas untuk mengembalikan maruah yang dirasa hilang tersebut. Bahkan dendam ini juga merupakan keinginan untuk membalas balik perbuatan orang lain dengan cara yang kasar atau mencederakan bahkan boleh menghilangkan nyawa (Galang Santoso, 2018). Berdasarkan takrifan yang dinyatakan oleh tokoh di atas, dendam ini dapat dilihat sebagai satu emosi yang membuak-buak yang mana disertai dengan niat yang tidak baik bagi membalas semula di atas perbuatan yang telah dilakukan oleh si pelaku.

Polemik dendam dapat dilihat menerusi petikan 10 di bawah dalam cerita *Menuntut Bela*:

> Petikan 10
> Kasaan menyampaikan hajatnya untuk membunuh Parang Jalong dan Chibal Murud. “Kau hendak membunuh kami?” tanya Parang Jalong dan Chibal Murud. Mereka ketawa untuk menyakitkan hatinya. “Kau bernasib baik dapat hidup sebelum melangkah ke sini. Kau tahu, semua yang berniat seperti kau telah mati. Perangkap kami sentiasa lapar. Kau sengaja membunuh diri jika masih berdegil mahu melawan kami,” kata Parang Jalong, kasar. Akhirnya



FYP FTKW

mereka bertiga pun berlawan. Tiga bulan lamanya. Mereka bertiga bertempur tanpa makan dan rehat.

(Othman Puteh & Aripin Said, 2008: 40)

Berdasarkan petikan 10 di atas timbulnya polemik dendam yang dibawa oleh watak Kasaan. Kasaan membalas dendam di atas kematian kedua ibu bapanya yang telah mati dibunuh oleh Parang Jalong dan Chibal Murud. Tambahan pula, Kasaan terdengar suara yang membisiknya untuk menuntut bela atas kematian orang tuanya. Dengan itu, Kasaan pergi berjumpa Parang Jalong dan Chibal Murud untuk membunuh mereka berdua. Maka, berlaku pertempuran antara mereka bertiga. Disebabkan pertempuran mereka tidak berkesudahan maka Chibal Murud membuat perjanjian untuk mereka bertiga menanam bunga dan sekiranya salah satu bunga daripada milik bertiga mati maka orang itu akan dibunuh. Lanjutan daripada itu, Kasaan telah meragut nyawa mereka dan dia merasa puas kerana dapat membalas perbuatan mereka dahulu terhadap ibu dan ayah Kasaan yang mana ia dapat dilihat menerusi petikan 11 di bawah:

Petikan 11
Mereka meneruskan pertempuran sehingga tiba masa untuk memeriksa bunga masing-masing. Bunga Parang Jalong dan Chibal Murud mati. Sebelum memenggal kepala mereka, Kasaan melaung sekuat hati. Ini tandanya dia telah berjaya dalam pertempuran.

(Othman Puteh & Aripin Said, 2008: 40)

Polemik dendam juga dapat dilihat dalam cerita rakyat yang bertajuk *Dendam Harimau kepada Kucing.* Di bawah berikut adalah petikan 12 yang memperlihatkan polemik tersebut:

Petikan 12
Namun kucing berasa khuatir hendak mengajar harimau memanjat. Mana tahu suatu hari nanti harimau menjadi musuhnya pula. "Baiklah, hamba akan ajarkan," kata kucing. Kucing pun segera memanjat sebatang pokok. Harimau pun ikut memanjat. Setelah harimau berada di atas pokok, kucing pun terjun ke tanah. Oleh kerana badan kucing kecil ia tidak cedera. "Macam mana hamba



FYP FTKW

> hendak turun? Ajarkanlah hamba turun," kata harimau. "Terjunlah harimau, kamu akan selamat," kata kucing. Harimau pun terjun. Oleh kerana badannya besar, kaki harimau patah. Badan harimau juga sakit-sakit. Harimau sedar kucing menipunya. Kucing ketawa. Ia tahu harimau akan marah padanya. Kucing pun terus melarikan diri. "Aku bersumpah akan memburu suku-sakat kamu!" kata harimau lalu mengaum.
>
> (Othman Puteh & Aripin Said, 2008: 119)

Merujuk kepada petikan 12 di atas, ia memaparkan konflik antara watak kucing dan harimau. Polemik dendam ini wujud pada watak harimau adalah berpunca daripada perbuatan kucing tersebut. Hal ini demikian kerana, kucing telah mengkhianati dengan cara menipu harimau. Kucing menyatakan bahawa harimau ini akan selamat sekiranya terjun dari sebatang pokok. Namun sebaliknya, harimau tersebut mendapat sakit selepas terjun dari pokok itu. Harimau merasa kesal dan marah serta merasakan maruah dirinya tercalar. Sejak dari kejadian itu, harimau telah bersumpah untuk membalas dendam dengan memburu keturunan kucing.

Situasi tersebut jelas bertepatan dengan pendapat oleh Rizki Adinda Dewiana (2011) yang menjelaskan dendam boleh dirasai apabila seseorang itu berhadapan dengan pelbagai aspek seperti salah satunya adalah pengkhianatan. Misalnya, harimau ingin membalas dendam disebabkan kucing tersebut mengkhianatinya dengan menipu sehingga membuatkan harimau merasa sangat marah. Bahkan dengan membalas dendam juga telah menyebabkan berlakunya pertumpahan darah seperti yang dinyatakan oleh Galang Santoso (2018). Sebagai contoh, tindakan Kasaan terhadap Parang Jalong dan Chibal Murud.

Maka apa yang dapat pembaca atau masyarakat pelajari bahawa dendam merupakan satu penyakit hati yang sangat keji. Hal ini demikian kerana, dendam ini dapat memberi ancaman dan tindakan bahaya kepada seseorang itu. Orang yang mempunyai perasaan ingin membalas dendam akan merasai dirinya meronta-ronta



FYP FTKW

dan memberontak. Mereka yang berdendam sememangnya akan selalu dihuni perasaan yang resah kerana selagi mereka tidak membalas perbuatan seseorang itu maka selagi itulah mereka hidup tidak akan tenang. Mereka akan memastikan orang yang berbuat salah terhadap dirinya akan mendapat balasan yang lebih berat atau setimpal. Bahkan, apabila mereka berhasil membalas dendam maka mereka akan merasa satu kepuasan yang sangat tinggi.

Di samping itu, Karina Schuman dan Michael Ross (2010) berpendapat bahawa emosi marah juga merupakan salah satu faktor yang mendorong kepada terjadinya dendam. Sekiranya diteliti dan diamati semula terhadap seseorang yang ingin membalas dendam dalam diri yang membuak-buak ini sudah pasti keinginan mereka telah didorong oleh punca tertentu. Dapat ditafsirkan bahawa dendam ini tidak akan terwujud dalam diri manusia tanpa sebab. Orang yang wujud perasaan dendam adalah berpunca disebabkan oleh orang lain yang telah berbuat jahat atau pernah menyakitinya. Maka perbuatan mereka tersebut telah mendatangkan perasaan marah dan lama-kelamaan lahirlah perasaan dendam dalam jiwa seseorang itu. Satu contoh, apabila seseorang itu berterusan diejek atau dianiayai maka jiwa mereka berdendam dan memastikan perbuatan mereka akan dibalas. Jelaslah tergambar betapa keji sifat dendam ini dan ia perlu dielakkan dalam diri setiap manusia. Oleh itu, polemik dendam ini menunjukkan bahawa ia bercanggah dengan nilai Islam yang boleh dapat menghilangkan nilai kemanusiaan dalam diri seseorang itu.

Tegas, melalui konflik atau polemik tersebut dapat menjana kepada pembentukan jati diri masyarakat ke arah yang lebih unggul. Hal ini demikian kerana, walaupun dendam merupakan hal yang buruk namun pembaca atau masyarakat dapat mengambil sesuatu yang positif. Sekiranya, pembaca atau masyarakat memahami balik berkenaan sifat dendam tersebut maka ia dilihat berpotensi dalam mengajarkan manusia untuk belajar memaafkan. Menurut Michael (2000) menyatakan bahawa



FYP FTKW

memaafkan dapat memperbaiki sesuatu hubungan. Memaafkan ini bermaksud kesediaan seseorang untuk meninggalkan dendam, pertimbangan yang negatif, tingkah laku yang tidak baik terhadap seseorang yang telah menyakiti secara tidak adil (Robert & Richard, 2000). Hashim Musa (2008) menyatakan bahawa memaafkan adalah perbuatan mengampunkan kesilapan yang dilakukan oleh orang lain disertai dengan perasaan yang tidak ingin membalas dendam.

Dapat dijelaskan bahawa memaafkan adalah perbuatan yang sangat tinggi budi pekertinya. Seseorang yang bersedia memaafkan orang lain walaupun dirinya sering disakiti beberapa kali telah membuktikan mereka mempunyai jiwa yang bersih dan tenang. Hal ini demikian kerana, jiwa mereka yang bersih dan tenang telah didorong oleh minda mereka yang positif dan matang. Pemikiran mereka yang sangat matang membuatkan mereka memilih untuk menyelesaikan sesuatu perkara dengan baik dan mudah tanpa disertai dengan tindakan yang tidak baik. Dengan berbuat demikian, permusuhan antara kedua pihak tidak akan tercetus. Selain itu, secara jelas orang yang pemaaf tidak akan sesekali menggunakan kekerasan terhadap orang yang pernah menyakitinya. Mereka percaya bahawa perbuatan sedemikian akan mendapat kemurkaan oleh Allah SWT. Oleh itu, perbuatan memaafkan merupakan sifat yang positif yang perlu diaplikasikan oleh setiap manusia. Tambahan pula, sifat memaafkan berupaya mengundang kepada satu kebahagiaan dalam kehidupan sekaligus dapat menjauhi daripada berlakunya pergaduhan. Bahkan, memaafkan tidak menjadikan harga diri seseorang itu hilang atau hina malah darjat mereka adalah tinggi di sisi Allah SWT.

Prinsip pengkarya mengistikmalkan diri bersesuaian dengan analisis yang telah dihuraikan di atas. Menurut Shafie Abu Bakar (1997) menyatakan bahawa dalam menilai sesuatu karya Islam tidak hanya melihat kepada estetika sahaja namun perlu juga dilihat kepada perkara yang bercanggah dengan akidah Islam yang diperkatakan



FYP FTKW

dalam karya sastera. Lantaran itu, pengkarya memperlihatkan keindahan penulisan cerita rakyat ini apabila pengkarya memperingatkan bahawa polemik dendam jelas bercanggah dalam agama Islam. Percanggahan yang diperkatakan menunjukkan pengkarya membawa pembaca untuk melihat dari sudut pandang yang berlainan. Sudut pandang berbeza ini merujuk kepada melihat dalam perspektif Islam. Maka, melalui dendam ini membawa pembaca untuk menilai perkara tersebut dengan sikap pemaaf. Ini kerana sikap pemaaf apabila dilihat dalam sudut Islam ianya sangat digalakkan bagi umat Islam untuk mengamalkannya dalam jiwa mereka. Oleh itu, cerita rakyat *Menuntut Bela* dan *Dendam Harimau kepada Kucing* yang terkandung polemik ini sememangnya memberi pedoman kepada pembaca atau masyarakat dalam memperbaiki kehidupan mereka menerusi sikap pemaaf.

4.6 Polemik Melanggar Janji

Melanggar membawa banyak makna seperti merempuh, melanda dan tidak menepati sesuatu perkara manakala janji bermaksud suatu persetujuan yang dibuat sama ada secara tulisan atau lisan untuk melaksanakan atau memberikan sesuatu (*Kamus Dewan*, 2017). Tambahan pula, melanggar janji adalah satu tindakan yang tidak memenuhi kewajiban perjanjian yang telah ditentukan sebelumnya (Salim HS, 2014). Melanggar janji juga membawa maksud yang sama dengan mengingkari janji. Oleh itu, melanggar janji dapat dirumuskan sebagai perbuatan yang tidak berdisiplin kerana seseorang itu tidak mengotakan janjinya dan kelakuan tersebut dapat meragut kepercayaan orang lain.

Menerusi cerita *Melanggar Pantang* menyajikan polemik melanggar janji dalam petikan 13 di bawah:

> Petikan 13
> Bungan mati akibat melanggar pantang larang kaumnya. Mengikut kaum Kenyah, selama tujuh hari pasangan pengantin baru pantang menjahit. Entah



FYP FTKW

bagaimana, pada hari keenam perkahwinan mereka, Bungan tiba-tiba sahaja menjahit pakaiannya yang carik. Tidak semena-mena jari manis Bunga ditusuk jarum. Darah mengalir dengan banyaknya. Bungan mati kerana kehilangan darah.

(Othman Puteh & Aripin Said, 2008: 35)

Petikan 13 menceritakan watak Bungan yang telah melanggar janji dalam bentuk pantang larang. Kaum Kenyah mempunyai pantang larangnya tersendiri. Pasangan pengantin tidak dibolehkan untuk menjahit pakaian selama tujuh hari. Namun begitu, watak Bungan telah melanggar perjanjian dengan menjahit pakaian pada hari keenam. Tindakan Bungan tersebut telah mengundang kepada hukuman yang berat yang mana Bungan akhirnya meninggal dunia disebabkan kehilangan darah yang sangat banyak.

Polemik melanggar janji ini dapat dilihat dalam cerita rakyat yang bertajuk *Gagak dan Bangau.* Di bawah berikut adalah petikan 14 yang memperlihatkan polemik tersebut:

Petikan 14
Bangau sangat gembira melihat bulunya yang cantik. Padanya, ialah burung yang tercantik di dunia. Terfikir pula ia di dalam hati bahawa kaum bangau mestilah menjadi burung yang tercantik. Bangau juga berfikir bahawa kaumnya mestilah merupakan burung yang putih sekali dalam dunia. Ia lupa kepada janji dan budi baik gagak terhadapnya. Apabila sampai masa memulangkan warna itu kepada gagak, ia sengaja buat-buat lupa.

(Othman Puteh & Aripin Said, 2008: 113)

Unsur polemik seperti melanggar janji dapat dilihat menerusi paparan petikan 14 di atas. Burung gagak meminjamkan warna kepada burung bangau. Hal ini demikian kerana, burung bangau menginginkan bulunya kelihatan putih dan cantik. Warna yang dipinjamkan kepada burung bangau merupakan rahsia burung gagak mempunyai bulu yang cantik. Selepas itu, disebabkan keinginan hanya kaum bangau sahaja yang memiliki bulu yang cantik maka bangau melanggar janji untuk



FYP FTKW

memulangkan kembali warna tersebut kepada burung gagak. Sejak itu, burung gagak dan burung bangau sering bergaduh apabila bertemu.

Di samping itu, petikan 15 menunjukkan watak Simbah yang telah melanggar janji dalam cerita *Selaput Lemayung*:

> Petikan 15
> "Kamu berdua jangan sekali-kali memetik buah lemayung," kata ibu mereka. Pada suatu petang, mereka pulang agak lewat dari kubur. Di pertengahan jalan, Umbai ternampak buah lemayung. Dia menangis mahukan buah itu. Puas Simbah memujuknya. Akhirnya Simbah memetik sebiji buah lemayung.
>
> (Othman Puteh & Aripin Said, 2008: 136)

Petikan 15 menunjukkan polemik melanggar janji yang telah dipesan oleh ibu mereka melalui watak Simbah. Simbah dan Umbai merupakan anak yatim piatu. Mereka berdua sering ke kubur ibunya kerana mereka dapat melihat bayangan ibunya. Ibunya berpesan kepada mereka berdua untuk tidak memetik buah lemayung. Namun begitu, Simbah melanggar janjinya lalu memetik buah tersebut kerana Umbai sangat menginginkannya. Akibat perbuatannya itu, Simbah dan Umbai tidak dapat lagi melihat bayangan ibunya.

Menerusi cerita rakyat di atas, polemik melanggar janji telah dikenal pasti melalui watak Bungan, burung bangau dan Simbah. Apabila adanya perjanjian di antara kedua pihak maka janji tersebut perlu ditepati. Ia merupakan satu amanah yang perlu dipertanggungjawab ke atas apa persetujuan yang telah dilakukan. Orang yang sering melanggar atau mengingkari janji perlu dijauhi kerana dibimbangi dapat memberi kemudaratan kepada diri sendiri. Tambahan pula, orang yang melanggar janji ini melambangkan keperibadian yang tidak tetap pendiriannya. Hal ini terjadi kerana mereka hanya pandai bersumpah dan berjanji akan mengotakan perjanjian yang telah diwujudkan. Namun begitu, tiba saat untuk memenuhi janjinya tersebut maka mereka



FYP FTKW

tidak melakukan apa yang mereka janjikan. Dengan ini, jelas menunjukkan bahawa polemik melanggar janji ini perbuatan yang tidak bermoral dan tidak berdisiplin. Selain itu, orang melanggar janji ini tergolong dalam kalangan orang yang munafik kerana tidak dapat menunaikan kepercayaan yang diberikan kepadanya (Riyadlotu Shoklikhah, 2021). Akhir kata, orang yang munafik iaitu melanggar janji ini sangat dibenci oleh Allah SWT.

Justeru itu, melalui pembacaan inti pati yang terkandungnya unsur polemik tersebut dapat memberi manfaat kepada masyarakat dalam mempraktikkan nilai yang lebih elok dan mantap. Hal ini demikian kerana, cerita rakyat mendidik pembaca atau masyarakat untuk menjauhi perkara buruk dan mengambil sesuatu yang baik untuk diamalkan dalam kehidupan seharian. Maka, perkara baik yang ditekankan menerusi polemik melanggar janji adalah amanah. Menurut *Kamus Dewan* (2017) amanah merupakan amanat yang diserahkan kepada seseorang yang dipercayai untuk disimpan atau sebagainya. Mohd Hasrul & Mohd Fauzi (2015) berpendapat bahawa amanah ini merujuk kepada satu sifat yang bertanggungjawab dan dipertanggungjawabkan. Amanah juga diertikan sebagai satu kepercayaan seseorang itu yang diberikan kepada orang lain sama ada dalam bentuk suruhan atau larangan (Al-Andalusi, 1993). Pendapat tersebut juga disokong oleh Tatang (2007) yang menyatakan bahawa amanah merupakan sesuatu yang perkara yang diberikan kepada orang yang berhak disebabkan oleh rasa kepercayaan seseorang itu.

Jadi, apa yang dapat disimpulkan bahawa amanah merupakan satu tanggungjawab yang besar. Hal ini demikian kerana, seseorang yang diberi amanah telah memegang satu kepercayaan orang lain yang diberikan untuknya. Apabila orang lain telah percaya dalam memberi amanah kepada seseorang itu maka penting untuk mereka menjalankan tanggungjawab dengan sebaiknya. Tanggungjawab tersebut perlu dilakukan secara ikhlas dan sepenuh hatinya. Orang yang meletakkan amanah



FYP FTKW

kepada seseorang yang berhak menandai bahawa mereka telah percaya dan tidak merasa mereka akan dikhianati. Dalam pada itu, seseorang yang dapat memegang amanah dengan baik dapat melaksanakan tugas yang diberikan dengan cemerlang dan berupaya mendapat kepercayaan daripada orang ramai. Oleh hal yang demikian, perlu diingatkan bahawa untuk memperolehi kepercayaan daripada seseorang itu bukanlah sesuatu hal yang mudah. Kepercayaan itu tidak diberikan secara sesuka hati kepada sesiapa sahaja. Maka seseorang itu perlu dibuktikan dengan sikap amanah. Oleh itu, melalui polemik tersebut mendidik masyarakat untuk amanah kerana sikap tersebut dapat mengajar mereka untuk lebih bertanggungjawab.

Pengaplikasian teori Takmilah oleh Shafie Abu Bakar (1997) menerusi prinsip keenam iaitu pengkarya mengistikmalkan diri (menyempurnakan) bertepatan dengan analisis di atas. Hal ini demikian kerana, pengkarya yang ingin menyampaikan sesuatu perkara kepada masyarakat perlu dilengkapi serta menyempurnakan diri dengan ilmu yang baik dalam pengolahan jalan penceritaan cerita rakyat itu (Shafie Abu Bakar, 1997). Pengkarya berhasil dalam mengistikmalkan diri melalui pesan yang cuba disampaikan menerusi polemik tersebut dalam petikan diatas. Ini bermakna pengkarya menghubungkaitkan perkara mazmumah dan mahmudah. Pengkarya memberi kesedaran kepada pembaca untuk meninggalkan perkara mazmumah seperti melanggar janji dengan mempraktikkan sifat mahmudah iaitu amanah. Tegas di sini, polemik melanggar janji yang terkandung dalam cerita rakyat di atas dapat memberi satu ajaran yang positif kepada masyarakat agar mereka dapat berperilaku baik seperti bersikap amanah. Demikianlah, menerusi cerita *Melanggar Pantang, Gagak dan Bangau* dan *Selaput Lemayung* yang terkandungnya polemik melanggar janji ini dapat memberi pesan moral kepada masyarakat.

FYP FTKW
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

4.7 Polemik Pembohongan

Perkataan berbohong bersinonim dengan perkataan menipu. Merujuk kepada pendapat yang dinyatakan oleh Paul Faulkner (2007) berbohong merupakan pernyataan yang diucapkan dengan membawa maksud untuk menipu penonton berkenaan kandungannya. Tambahan pula, berbohong adalah satu perbuatan yang dilakukan dalam keadaan yang sedar semasa menyampai sesuatu yang palsu (David & Judee, 1996). Menurut Naddia Halimathus (2022) berpendapat bahawa berbohong merupakan perbuatan seseorang yang menginginkan keuntungan hanya untuk dirinya sendiri dengan cara menipu. Berdasarkan pendapat yang dikemukakan oleh para sarjana, dapat disimpulkan bahasa pembohongan merupakan perbuatan menyangkal sesuatu perkara yang benar demi untuk kepentingan atau keuntungan peribadi.

Polemik pembohongan ini dapat dilihat dalam cerita rakyat yang bertajuk *Mengapa Musang Memakan Ayam.* Di bawah berikut adalah petikan 16 yang memperlihatkan polemik tersebut:

> Petikan 16
> "Aku datang untuk mengambil jagung bahagian aku," kata musang kepada ayam. “Pokok-pokok jagung yang kita tanam itu tidak berbuah. Aku pun tak dapat makan walau sebiji," kata ayam. “Kau bohong. Kalau tak berbuah, bagaimana tongkol-tongkol jagung ada disini?” soal musang dengan marahnya.
>
> (Othman Puteh & Aripin Said, 2008: 62)

Petikan 16 jelas memperlihatkan konflik atau polemik pembohongan yang dimiliki oleh watak ayam. Musang telah meninggalkan satu amanah kepada ayam untuk menjaga pokok jagung dan menyuruhnya untuk menyimpan bahagiannya. Hal ini demikian kerana, musang perlu pulang ke hutan untuk menjaga isterinya yang sedang hamil. Namun begitu, ayam tersebut malah tidak amanah dengan memakan semua jagung itu. Tibanya masa untuk musang mengambil bahagiannya lalu ayam tersebut menipu dengan menyatakan bahawa pokok jagung tidak berbuah.



FYP FTKW

Walaubagaimanapun, musang mengetahui bahawa ayam menipunya. Sejak itu, perbuatan yang dilakukan oleh ayam tidak mendatangkan apa-apa melainkan perasaan takut kepada musang kerana musang telah bersumpah untuk menjadikan ayam sebagai makanan yang mana dapat dilihat menerusi petikan 17 di bawah:

> Petikan 17
> Ayam tidak dapat mencari jagung untuk musang sebagai ganti. Dia semakin takut. Dia pun memberitahu kaumnya: “Mulai hari ini berhati-hatilah kamu semua. Musang sudah menjadi musuh kita,”. Musang tahu ayam tidak dapat mengganti bahagian jagungnya. Dia pun bersumpah: “Mulai hari ini, aku akan menangkap ayam sebagai makanan,”.
>
> (Othman Puteh & Aripin Said, 2008: 62)

Dalam *Dua Orang Pemuda* juga menyajikan polemik pembohongan yang dapat dilihat dalam petikan 18 di bawah:

> Petikan 18
> Esoknya, Dali pergi ke tepi paya. Dia menebang pokok medang dan berpura-pura terlepas kapaknya ke dalam paya. Dia menangis sekuat-kuat hati sambil merayu-rayu. “Hilanglah kapakku! Siapakah yang boleh menolongku ini?” kata Dali. Sejurus kemudian, orang tua itu muncul. Dali berbohong mengatakan dia meminjam kapak orang. Dia akan didenda jika kapak tidak dikembalikan. Orang tua itu pun menyelam ke daya paya. Kemudian dia timbul bersama-sama sebilah kapak emas. Dali segera menerpa dan mengaku itulah kapaknya yang hilang. Dengan marah orang tua itu berkata: “Ah kamu bohong! Kamu Tamak dan tidak jujur.” Dilontarkannya kapak itu ke dalam paya.
>
> (Othman Puteh & Aripin Said, 2008: 204)

Berdasarkan petikan 18, Dali telah berbohong terhadap lelaki tua. Disebabkan rasa tamak terhadap kapak emas tersebut menyebabkan dia bertindak untuk berbohong. Dali menyangkal bahawa kapak besi itu miliknya dan mengaku bahawa kapak emas adalah kepunyaannya. Walaubagaimanapun, lelaki tua itu mengetahui Dali telah membohonginya. Maka menerusi watak Dali tercetus polemik pembohongan. Tindakan Dali yang sanggup berbohong disebabkan tamak untuk

FYP FTKW

mendapatkan kapak emas telah membuatkan kisah hidupnya berujung dengan tragis. Buktinya dapat dilihat melalui petikan 19:

> Petikan 19
> Dia segera terjun ke dalam paya untuk mendapatkan kapak itu. Dali terlupa dia tidak tahu berenang. Dia lemas di dalam paya itu.
>
> (Othman Puteh & Aripin Said, 2008: 204)

Jelaslah, polemik tersebut dapat memberikan kesan yang elok kepada masyarakat tentang manfaat cerita rakyat. Hal ini demikian kerana, masyarakat dapat berfikir bahawa perbuatan berbohong adalah salah kerana ia adalah satu tindakan yang melanggar etika moral. Malah, seseorang yang selalu berbohong lama-kelamaan juga akan diketahui jua. Hal ini demikian kerana, dengan tindakan berbohong itu tidak akan menyelamatkan diri sendiri selama-lamanya. Bahkan, dalam sudut pandang ajaran Islam turut melarang segala bentuk pembohongan sama ada terhadap individu ataupun khalayak (Alya Muthi'ah *et al.,* 2020). Berbohong adalah berdosa dan boleh mengundangnya kepada wujudnya titik hitam di hati. Oleh itu, pembaca atau masyarakat dapat menilai bahawa kelakuan berbohong merupakan sikap yang paling buruk.

Rentetan daripada itu, apa yang ingin ditegaskan kepada pembaca atau masyarakat melalui polemik tersebut adalah penting untuk menjauhi diri dari perbuatan tersebut dengan mengamalkan sikap jujur. Jujur bermaksud menyatakan sesuatu yang benar sama ada dari segi percakapan, tulisan dan perbuatan (Alifia Sakinah, 2021). Menurut Mohd Firdaus Che Yaacob *et al.* (2017) mendefinisikan jujur adalah sikap seseorang mengeluarkan penyataan yang benar apabila berbicara. Di samping itu, Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan *et al.* (2021) jujur adalah sifat seseorang yang menampakkan dirinya mempunyai hati yang yakin, lurus dan tulus akan kebenaran.

FYP FTKW

Maka apa yang dapat dirumuskan bahawa sikap jujur merupakan satu nilai yang murni. Seseorang yang bersikap jujur menonjolkan jati diri yang unggul dan mempunyai hati yang tulus. Hal ini demikian kerana, setiap percakapan yang dikeluarkan adalah benar yang tidak menunjukkan pendustaan dalam berkata-kata. Seandainya seseorang itu telah melakukan sesuatu perkara tidak baik terhadap orang lain maka penting untuk mereka berkata jujur. Apabila seseorang itu jujur maka ia dapat menghalangi perkara yang lebih buruk berlaku. Misalnya, bertikam lidah antara satu sama lain sehingga menyebabkan berlakunya pergaduhan besar. Oleh itu, melalui polemik pembohongan ini mengajarkan masyarakat atau pembaca pentingnya bersikap jujur agar kehidupan yang dijalani memperolehi keharmonian dan kesejahteraan.

Sehubungan itu, analisis tersebut bersesuaian dengan pengaplikasian prinsip keenam dari teori Takmilah oleh Shafie Abu Bakar (1997). Berdasarkan kepada cerita bertajuk *Mengapa Musang Memakan Ayam* dan *Dua Orang Pemuda* menunjukkan bahawa pengkarya membuktikan dirinya telah menyempurnakan diri dalam menghasilkan sesuatu karya tersebut. Ini dapat dilihat pada penggunaan perkataan bohong. Ia dapat ditelusuri melalui pengkarya itu sendiri yang memaparkan penggunaan perkataan berbohong dalam petikan. Berbohong sememangnya jelas bertentangan dalam ajaran Islam. Maka pengkarya mewujudkan perkataan berbohong ini untuk memaparkan keindahan dalam mengamalkan sikap jujur. Hal ini demikian kerana, Islam menggariskan keperluan untuk tidak bercakap dusta dan palsu. Oleh hal yang demikian, jelaslah bahawa menerusi polemik pembohongan yang terkandung dalam cerita rakyat di atas tersebut mengajak masyarakat untuk mengamalkan sikap yang positif seperti sikap jujur. Menurut Shafie Abu Bakar (1997), pengkarya perlu mengistikmalkan diri (menyempurnakan) tidak hanya ilmu-ilmu Islam sahaja tetapi juga ilmu-ilmu sastera. Demikianlah, menerusi cerita *Mengapa Musang Memakan Ayam*



FYP FTKW

dan *Dua Orang Pemuda* yang terkandungnya polemik pembohongan ini berperanan dalam menyucikan fikiran masyarakat atau pembaca dengan perkara-perkara elok.

4.8 Polemik Pemalas

Malas bermaksud orang yang tidak ingin melakukan apa-apa pekerjaan (*Kamus Dewan*, 2017). Di samping itu, Jakob Wirth *et al.* (2021) berkongsikan pendapatnya bahawa malas ini adalah seseorang itu tidak meletakkan apa-apa usaha dalam apa jua pekerjaan. Malas juga merupakan perbuatan yang negatif dengan merujuk kepada seseorang yang tidak memaparkan usaha yang sepadan dengan kebolehan mereka (Thomas Madsen, 2018). Sifat malas adalah tidak bersemangat untuk melakukan aktiviti dan disiplin diri adalah rendah serta sifat tersebut bukan dipengaruhi oleh faktor genetik (Mei Mita & Luluk Widya, 2019). Berdasarkan kepada penyataan definisi tersebut dapat dijelaskan bahawa malas dapat dilihat apabila seseorang itu sememangnya tidak mempunyai hasrat dan daya usaha dalam melakukan sesuatu bagi mencapai suatu matlamat.

Petikan 20 memaparkan polemik pemalas dalam cerita *Tuhan Yang Maha Adil* di bawah:

> Petikan 20
> “Kenapa hidupku susah, sedang penduduk di kampung itu hidup senang-lenang?”. Kebanyakan penduduk di situ rajin bekerja dan hidup mereka senang-lenang. Sedangkan Lela seorang yang pemalas. Dia hanya asyik ke sana ke mari. Membuang masa.
>
> (Othman Puteh & Aripin Said, 2008: 63)

Petikan 20 menceritakan bahawa Lela dilahirkan dalam keluarga yang miskin. Kehidupannya yang miskin menyebabkan Lela selalu merungut dan mempersoalkan kehidupan orang lain. Namun, Lela tidak sedar bahawa dirinya seorang yang pemalas dan hanya tahu membuang waktu dengan perkara yang sia-sia dan tidak bermanfaat.



FYP FTKW

Sedangkan, kehidupan orang lain senang disebabkan mereka rajin mengisi waktu mereka dengan bekerja. Oleh itu, polemik pemalas menerusi watak Lela menjadikannya seorang yang tidak tahu bersyukur.

Polemik pemalas ini juga dapat dilihat dalam cerita rakyat yang bertajuk *Budak yang Malas.* Di bawah berikut adalah petikan 21 yang memperlihatkan polemik tersebut:

> Petikan 21
> "Rai, kamu sudah besar panjang. Kamu mesti rajin bekerja. Nanti kamu sendiri yang susah kalau malas bekerja," kata abang Rai. Rai tidak mengendahkan nasihat abangnya. Sebaliknya dia terus berlari menuju ke hutan.
>
> (Othman Puteh & Aripin Said, 2008: 114)

Petikan 21 jelas memperlihatkan polemik pemalas yang terkandung dalam inti pati cerita rakyat di atas. Polemik malas ini dapat dilihat pada watak Rai. Sikap Rai ini yang suka duduk bersahaja tanpa memikirkan tentang dirinya sendiri. Abang kepada Rai telah menasihatinya untuk bekerja kerana dibimbangi sikap malas akan menyusahkan Rai suatu hari nanti. Namun, Rai tetap berdegil dan tidak menghiraukan nasihat abangnya.

Tambahan pula, melalui *Takar Emas* juga memaparkan polemik pemalas yang terdapat dalam petikan 22 di bawah:

> Petikan 22
> Berlainan pula dengan anak mereka seorang itu. Anak mereka sangat malas. Setiap hari dia hanya duduk di rumah atau bermenung di bawah pokok. Peladang sangat susah hati melihat anaknya yang malas. Pada fikirannya, jika anaknya itu malas tentulah hidupnya susah apabila besar nanti.
>
> (Othman Puteh & Aripin Said, 2008: 140)

Berdasarkan petikan 22 menunjukkan sikap anak seorang peladang. Kehidupan seorang peladang sangat senang ditemani bersama dengan isteri dan anaknya. Namun begitu, anaknya tidak seperti anak orang lain. Anaknya sangat



FYP FTKW

malas. Kehidupan anak peladang sepenuhnya dihabisi dengan hanya duduk di rumah dan suka termenung di bawah pokok. Anaknya tidak melakukan apa-apa pekerjaan. Sikap anaknya yang pemalas mendatangkan kebimbangan kepada peladang kerana sikap malas yang berterusan dapat menjadikan kehidupan yang susah pada masa hadapan kelak. Oleh itu, menerusi petikan ini jelas memaparkan konflik atau polemik iaitu pemalas oleh watak anak peladang.

Selain itu, polemik pemalas juga dapat dilihat melalui *Semut dan Cengkerik* dalam petikan 23 di bawah:

> Petikan 23
> Semua haiwan di dalam hutan itu suka mendengar cengkerik menyanyi. Ia menyanyi dari matahari terbenam hinggalah terbit fajar esoknya. Apabila fajar terbit, dia akan tidur sepanjang hari. Apabila lapar, barulah keluar mencari makan. Selepas itu, ia akan menyambung tidurnya.
>
> (Othman Puteh & Aripin Said, 2008: 223)

Berdasarkan petikan 23, polemik pemalas ini tercetus apabila ia berpunca daripada watak cengkerik itu sendiri. Hal ini demikian kerana, cengkerik hanya tahu menyanyi dan berhibur sahaja. Apabila penat barulah dia merehatkan dirinya dan hanya keluar untuk mencari makanan sahaja bukan bekerja. Sedangkan semut rajin bekerja dan bertungkus lumus untuk membuat persiapan awal sekiranya berlakunya perkara buruk yang tidak diingini berlaku. Semut juga tidak mengenal erti rehat dan lelah. Walaupun cengkerik melihat semut rajin bekerja namun dia tidak pernah berasa untuk bekerja untuk kesenangannya sendiri.

Merujuk kepada cerita rakyat tersebut terbukti bertepatan dengan penyataan oleh tokoh-tokoh sarjana di atas yang menyatakan bahawa orang yang pemalas mempunyai sikap yang tidak bersemangat dan kurang berusaha dalam melakukan apa-apa sahaja aktiviti atau pekerjaan. Walaupun sikap malas mungkin merupakan suatu isu yang ringan dan juga tidak perlu dititikberatkan. Namun begitu, isu sikap

FYP FTKW

pemalas ini tidak boleh dianggap satu hal yang remeh atau dipandang sebelah mata. Hal ini demikian kerana, sikap pemalas dapat mempengaruhi kehidupan masa hadapan seseorang itu. Seandainya, seseorang itu sudah selesa dengan sikap malas maka sudah pasti masa terluang mereka diisi dengan perkara yang sia-sia. Ini kerana, mereka tidak mempunyai hala tuju yang sebenar dalam apa yang mereka inginkan dalam kehidupan. Kesannya mereka malas untuk bekerja dan lebih memilih untuk melarikan diri daripada tanggungjawab sebagai umat yang beragama Islam. Menurut Amiruddin Mohd Sobali *et al.* (2013) menyatakan bahawa Islam menyuruh umat manusia untuk bekerja dengan mencari rezeki yang halal untuk dirinya dan juga keluarga. Lanjutan daripada itu, menunaikan fardhu kifayah merupakan satu keperluan atau kewajiban yang perlu ditunaikan oleh setiap umat Islam. Maka, orang yang malas dalam melakukan pekerjaan tidak akan beroleh apa-apa manfaat. Mereka lebih mengharapkan rezeki atau kesenangan itu datang bergolek-golek tanpa usaha. Lantaran itu, sikap malas ini perlulah dihindari agar dapat menolak kegagalan dalam kehidupan.

Polemik pemalas yang dibekalkan dalam cerita rakyat dapat mempengaruhi masyarakat untuk mempraktikkan sikap rajin dalam melakukan apa-apa sahaja tugasan. Pandangan oleh Fifi Anak Rinyuk (2017) mengenai definisi rajin adalah tindakan yang bersungguh-sungguh dalam suatu pekerjaan tanpa mengenal erti putus asa dan penat lelah. Rajin bermaksud seseorang itu suka melakukan suatu pekerjaan dengan usaha secara berterusan, gigih, dan tekun untuk memperolehi kejayaan dalam hidup (Hashim Musa, 2008). Seterusnya, sikap rajin tergolong dalam budaya kerja yang cemerlang (Sharifah Hayaati al-Qudsy, 2008). Berdasarkan makna rajin tersebut dapat dirumuskan bahawa sikap rajin dapat menjadi kunci kejayaan dalam kehidupan di dunia dan di akhirat. Hal ini demikian kerana, orang yang bersikap rajin ini akan berusaha bersungguh-sungguh dalam pekerjaan yang mereka lakukan. Dengan ini, sikap rajin dapat menjamin kehidupan yang cerah kerana mereka sudah mempunyai



FYP FTKW

matlamat yang jelas berkenaan pencapaian yang ingin mereka capai. Tegas, melalui polemik pemalas berupaya mendorong pembaca atau masyarakat untuk bersikap rajin. Rumusannya, sikap yang rajin ini dapat menjadikan seseorang itu cemerlang dalam disiplin dirinya.

Sehubungan itu, berdasarkan kepada huraian analisis tersebut ia bertepatan dengan pengaplikasian teori Takmilah oleh Shafie Abu Bakar (1997) menerusi prinsip keenam iaitu pengkarya mengistikmalkan diri (menyempurnakan). Hal ini demikian kerana, pengkarya yang ingin menyampaikan sesuatu perkara kepada masyarakat perlu dilengkapi serta menyempurnakan diri dengan ilmu yang baik dalam pengolahan jalan penceritaan cerita rakyat itu (Shafie Abu Bakar, 1997). Hasil daripada itu, jelas pengkarya mengistikmalkan dirinya dengan ilmu. Pengkarya yang dilengkapi dengan ilmu dapat diamati apabila pengkarya cuba mengetengahkan peringatan sesuatu perkara kepada pembaca. Pengkarya mengingatkan pembaca untuk rajin dalam melakukan apa jua pekerjaan. Hal ini demikian kerana, melakukan suatu pekerjaan dengan rajin sangat digalakkan dalam konteks Islam. Ini memperlihatkan sesuatu pekerjaan yang dilakukan oleh seseorang menampakkan kesungguhan dalam dirinya. Oleh itu, menerusi polemik pemalas yang terkandung dalam cerita rakyat di atas dapat memberi satu ajaran yang positif kepada masyarakat agar mereka dapat berperilaku baik seperti bersikap rajin. Kesannya, cerita *Tuhan Yang Maha Adil, Budak yang Malas, Takar Emas* dan *Semut dan Cengkerik* yang terkandungnya polemik pemalas ini dapat diambil sebagai teladan dalam kehidupan seharian masyarakat.

FYP FTKW

4.9 Polemik Perbalahan

Perbalahan membawa makna berkenaan perihal pertentangan yang berlaku di antara beberapa pihak (*Kamus Dewan*, 2017). Perbalahan ini bersinonim dengan perkataan pergaduhan. Menurut Maya Indrawati (2016) berpendapat bahawa perbalahan yang berlaku dapat mencetuskan suasana yang dilihat tidak aman atau damai, huru-hara dan dapat memberi ancaman yang bahaya kepada orang lain. Penyataan tersebut turut disokong oleh Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah (2021) yang berpendapat bahawa perbalahan adalah satu tindakan yang boleh mengundang kepada ketegangan dalam sekumpulan manusia yang mana boleh menyebabkan perkara buruk berlaku. Berdasarkan pendapat sarjana di atas, dapat dijelaskan bahawa perbalahan adalah tindakan yang mengundangnya kepada situasi di sekeliling menjadi kacau-bilau. Malah, perbalahan merupakan satu konflik yang bahaya kerana ia dapat mencederakan dan meragut nyawa seseorang.

*Santubong, Sang Puteri* memaparkan polemik perbalahan menerusi petikan 24 di bawah:

> Petikan 24
> Terjadilah pertengkaran antara kedua-dua puteri itu. Ketika puteri kayangan itu bertengkar, rakyat terus serang-menyerang. Pertengkaran itu berlarutan hingga malam. Puteri Sejinjang mengayunkan antan dan terkena pipi Puteri Santubong. Baginda membalas dengan menikam batang belidah dan terkena kepala Puteri Sejinjang. Darah putih mengalir dari luka kedua-dua puteri kayangan itu.
>
> (Othman Puteh & Aripin Said, 2008: 26)

Polemik perbalahan jelas terpapar dalam petikan 24 di atas. Polemik perbalahan tercetus di antara kedua-dua puteri tersebut adalah berpunca daripada Puteri Sejinjang. Hal ini demikian kerana, Puteri Santubong mendapat tahu bahawa Puteri Sejinjang mencintai kekasihnya melalui Sang Bualang. Setelah itu, Puteri Santubong berasa marah yang membara. Punca tersebut itulah menyebabkan



FYP FTKW

berlakunya polemik perbalahan yang sengit antara mereka. Kesan dari perbalahan itu menyebabkan berlakunya partumpahan darah dan kedua-dua puteri cedera parah.

Tambahan pula, polemik perbalahan jelas menunjukkan dalam cerita *Semut Berperang dengan Gajah* menerusi petikan 25 di bawah:

> Petikan 25
> Pada suatu hari, rakyat Raja Gajah merayau-rayau mencari makan di kawasan Raja Semut. Banyak sarang semut yang dipijak oleh gajah-gajah itu. Banyak pula semut yang mati. Raja Semut sangat marah. "Kerahlah rakyat engkau supaya jangan mencari makan di sini," kata Raja Semut kepada Raja Gajah. "Di mana-mana rakyat aku boleh mencari makan," kata Raja Gajah. Ia tidak mempedulikan kata-kata Raja Semut. Akhirnya mereka memutuskan untuk berperang.
>
> (Othman Puteh & Aripin Said, 2008: 72)

Berdasarkan petikan 25 memperlihatkan polemik perbalahan yang berlaku di antara gajah dan semut. Perbalahan ini dicetuskan oleh rakyat Raja Gajah yang telah merosakkan sarang semut dan memijak semut. Hal ini demikian kerana, rakyat Raja Gajah telah memasuki kawasan semut untuk mencari makanan di kawasan itu. Tindakan tersebut telah mendatangkan kemarahan Raja Semut. Raja Semut telah mengarahkan rakyat Raja Gajah untuk tidak mencari makanan di kawasannya. Namun begitu arahannya tidak diendahkan. Maka, mereka memutuskan untuk berbalah antara satu sama lain. Perbalahan tersebut telah menimbulkan suasana yang agak hura-hara dan banyak rakyat gajah dan semut mati terkorban. Perbalahan mereka dapat dilihat menerusi petikan 26 di bawah:

> Petikan 26
> Sekalian rakyat gajah menyepak dan memijak semut yang beribu-ribu ekor banyaknya itu. Bertaburanlah semut di atas padang. Banyak tentera semut yang mati dipijak oleh rakyat Raja Gajah. Tidak lama kemudian rakyat gajah terjerit-jerit dengan tiba-tiba. Mereka berlari-lari ke sana ke mari tidak tentu arah. Ada yang berlanggar sama sendiri. Ada yang berguling-guling kerana kesakitan yang amat sangat. Riuh-rendahlah bunyinya. Rakyat gajah sedang kesakitan. Banyak rakyat gajah yang tidak tahan sakit lalu mati. Rupa-rupanya rakyat Raja Semut telah masuk ke dalam belalai rakyat gajah itu. Semut itu menggigit bahagian yang lembut-lembut sambil mengeluarkan bisanya.
>
> (Othman Puteh & Aripin Said, 2008: 72)



FYP FTKW

Polemik perbalahan ini dapat dilihat dalam cerita rakyat yang bertajuk *Lombong Menanti.* Di bawah berikut adalah petikan 27 yang memperlihatkan polemik tersebut:

> Petikan 27
> "Pada suatu masa, orang Kampung Padang Keladi di negeri Melaka berperang besar dengan orang Kuala Pilah di Negeri Sembilan. Punca berlakunya peperangan itu ialah berebut seorang puteri raja. Panglima Ujang telah melarikan seorang puteri Raja Seri Menanti di Kuala Pilah untuk dijadikan isterinya."
>
> (Othman Puteh & Aripin Said, 2008: 89)

Petikan 27 di atas memberikan gambaran yang jelas tentang polemik perbalahan. Polemik perbalahan ini wujud disebabkan oleh dua punca utama. Punca pertama adalah berebut seorang puteri raja manakala punca kedua dapat dilihat kepada watak Panglima Ujang yang telah melarikan seorang puteri raja. Disebabkan oleh punca-punca tersebut maka berlakulah perbalahan di antara orang Kampung Padang Keladi dengan orang Kuala Pilah. Kesan daripada itu, ia telah menciptakan satu keadaan yang tegang dan sengit di antara kedua-dua pihak tersebut. Tambahan pula, melalui perbalahan juga dapat mengundang kematian pihak lawan. Buktinya dapat dilihat menerusi petikan 28 di bawah:

> Petikan 28:
> Orang Kuala Pilah menyerang Tuk Tandang dengan keris, pedang dan parang panjang. Seorang demi seorang dapat ditewaskan oleh Tuk Tandang
>
> (Othman Puteh & Aripin Said, 2008: 89)

Selain itu, polemik berbalahan juga terjadi dalam cerita *Pendekar Piatu* menerusi petikan 29:

> Petikan 29
> Tiga hari kemudian, Piatu pergi ke Kampung Bertam. Maka berlakulah pertarungan sengit antara Piatu dengan pengikut pendekar Jalak. Piatu berjaya menewaskan mereka.
>
> (Othman Puteh & Aripin Said, 2008: 131)



FYP FTKW

Merujuk kepada petikan 29 di atas, punca berlakunya perbalahan antara kedua belah pihak adalah disebabkan oleh perbuatan pendekar Jalak dan pengikutnya itu. Mereka digelarkan sebagai perompak kerana mereka merampas semua harta, beras dan ternakan milik penduduk Kampung Bertam. Dengan itu, Piatu ingin menentang mereka untuk memberi pengajaran di atas perbuatan mereka. Akhir, Piatu berjaya menentang mereka. Oleh itu, punca tersebut tercetusnya polemik perbalahan.

Petikan 30 memaparkan polemik perbalahan yang terkandung dalam cerita *Subang*:

> Petikan 30
> Pada suatu hari, pasir emas itu telah dijumpai oleh penduduk kampung yang tinggal di kawasan itu. Mereka berebut-rebut mengutip pasir itu. Pasir emas itu berbentuk seperti subang. Mereka memakainya di telinga masing-masing. Baik lelaki, apatah lagi perempuan semuanya memakai subang daripada pasir emas itu. Pada suatu masa penduduk di kawasan itu bergaduh kerana berebutkan pasir emas itu. Mereka berbunuh-bunuhan kerana hendak kaya.
>
> (Othman Puteh & Aripin Said, 2008: 284)

Petikan 30 jelas memaparkan konflik atau polemik perbalahan. Perbalahan tersebut berlaku sesama penduduk kampung. Punca berlakunya perbalahan adalah disebabkan oleh pasir emas yang berbentuk seperti subang. Penduduk kampung telah menjumpai pasir emas di tempat mereka tinggal. Disebabkan keinginan untuk menjadi kaya maka mereka telah bergaduh untuk merebut pasir emas tersebut. Mereka juga sanggup berbunuh-bunuhan semata-mata untuk memperolehi pasir emas. Maka, polemik ini jelas dilihat adanya perbalahan sehinggakan telah mengorbankan banyak nyawa.

Hal ini bertepatan dengan makna yang dinyatakan oleh Maya Indrawati (2016) bahawa perbalahan adalah keadaan yang memperlihatkan situasi yang tidak tenang dan aman yang boleh memberi bahaya seperti meragut nyawa atau mencederakan. Bahkan, situasi perbalahan juga tidak aman dan tenteram. Maka apa yang dapat

FYP FTKW

dibahaskan adalah dalam apa jua perbalahan yang berlaku perlulah dielakkan dengan segera. Hal ini demikian kerana, perbalahan ini dapat menyakitkan fizikal tubuh badan bagi kedua belah pihak. Apabila berlakunya berbalahan, sudah semestinya mereka akan menggunakan anggota mereka untuk menewaskan pihak lawan. Malah, yang lebih parah adalah menggunakan peralatan yang berbahaya. Oleh hal yang demikian, perbalahan jelas tidak mendatangkan sebarang manfaat selain kemudaratan. Tambahan pula, perbalahan juga dapat merosakkan silaturrahim antara kedua-dua pihak. Penyataan tersebut dapat disokong oleh pendapat Rohaizan Baru *et al.* (2022) yang menyatakan perbalahan ini boleh mengundang kepada kesan keruntuhan kerukunan hidup bermasyarakat dan keamanan agama. Oleh itu, jelas tergambar keburukan perbalahan.

Masyarakat dapat dibentuk moralnya melalui unsur polemik dalam cerita rakyat di atas menerusi pengajaran yang diberi fokus utama. Polemik perbalahan ini perlu diambil iktibar dengan cara berdamai. Berdamai merujuk kepada satu perjanjian yang dilakukan untuk memperolehi perdamaian antara kedua pihak yang bergaduh (Mohd Asmadi Yakob *et al*., 2017). Selain itu, berdamai adalah perkataan yang berlawanan dengan sengketa, pergaduhan dan konflik serta ia menunjukkan situasi yang harmoni dan sejahtera (Agusman Damanik, 2019). Malah menurut persepsi Ahmad Yani (2021) berdamai adalah perbuatan memutuskan permusuhan. Apa yang dapat disimpulkan adalah berdamai merujuk kepada penolakan kepada pergaduhan. Berdamai juga melihat kepada situasi kedua belah pihak yang bersetuju untuk memutuskan pergaduhan. Dengan ini, berdamai dapat menghalang daripada berlakunya sesuatu perkara yang lebih buruk yang mana tidak dapat dijangka oleh akal fikiran. Berdamai di antara kedua-dua belah pihak ini juga banyak mendatangkan faedah yang baik seperti membaiki hubungan, tidak bermasam muka dan sebagainya. Pada akhirnya, hubungan silaturrahim semakin erat terjalin. Bahkan dalam Islam juga mengajak



FYP FTKW

manusia untuk berdamai. Oleh itu, tindakan berdamai dapat mendorong wujudnya suasana yang harmoni di antara kedua-dua belah pihak.

Lantaran itu, pengaplikasian teori Takmilah oleh Shafie Abu Bakar (1997) menerusi prinsip keenam iaitu pengkarya mengistikmalkan diri (menyempurnakan) bertepatan dengan analisis di atas. Hal ini demikian kerana, menurut Shafie Abu Bakar (1997) pengkarya yang ingin menyampaikan sesuatu sumber yang mempunyai kualiti atau bermutu kepada masyarakat perlu dilengkapi serta menyempurnakan diri dengan ilmu yang baik dalam pengolahan jalan penceritaan cerita rakyat tersebut. Pengkarya telah berjaya melengkapkan dirinya dengan ilmu menerusi pesan yang cuba disampaikan melalui paparan petikan cerita di atas. Menerusi cerita rakyat tersebut, pengkarya menegur sikap segelintir masyarakat yang suka bergaduh dalam menyelesaikan sesuatu masalah. Tujuan pengkarya membangkitkan isu tersebut untuk mewujudkan kesedaran kepada pembaca mengenai indahnya berdamai. Oleh hal yang demikian, dapat dilihat menerusi polemik perbalahan yang terkandung dalam cerita rakyat di atas dapat memberi satu ajakan yang penting kepada masyarakat agar mereka dapat berperilaku baik seperti mengamalkan sikap berdamai. Oleh itu, menerusi cerita *Santubong, Sang Puteri*, *Semut Berperang dengan Gajah, Lombong Menanti, Pendekar Piatu* dan *Subang* yang terkandungnya polemik perbalahan ini dapat memberi amanat-amanat yang berguna kepada masyarakat.

4.10 Polemik Keangkuhan

Angkuh merujuk kepada *Kamus Dewan* (2017) bermaksud seseorang yang mempunyai sikap yang suka meninggi-ninggikan diri. Di samping itu, menurut Rohiqi Mahtum dan Rijalul Fikri (2020) berpendapat bahawa angkuh ini adalah satu perasaan yang merasakan dirinya lebih baik berbanding dengan orang lain. Berdasarkan kepada takrifan makna angkuh di atas, dapat dijelaskan bahawa angkuh dapat melambangkan



FYP FTKW

jiwa seseorang itu mempunyai jiwa yang busuk. Hal ini demikian kerana, sikap yang angkuh menggambarkan perwatakannya adalah sempurna dari segi pelbagai hal.

Menerusi cerita *Pohon Kemuni* jelas memaparkan polemik keangkuhan dalam petikan 31 di bawah:

> Petikan 31
> Melihat keadaan pohon paloh dan halban itu, pada suatu hari pohon kemuni dengan angkuh bersuara: “Aku benci tengok kau ni, paloh, halban. Kerana kau, keindahan tempat ini terjejas. Betullah, kau ni paloh, halban hidup segan mati tak mahu.”.
>
> (Othman Puteh & Aripin Said, 2008: 32)

Berdasarkan petikan 31 menunjukkan polemik keangkuhan yang dipaparkan oleh watak pohon kemuni. Pohon kemuni merasa dirinya hebat dari segi bentuk fizikal yang tinggi, besar dan subur jika dibandingkan dengan dua pokok tersebut. Kedua pokok tersebut hidup tidak subur dengan mempunyai tiga batang ranting dan daun-daun yang jarang. Disebabkan pohon tersebut tidak subur seperti pohon kemuni maka membuatkan pohon kemuni menghina mereka dengan angkuh. Pohon kemuni mengatakan bahawa ia benci melihat pokok paloh dan halban kerana kedua pokok tersebut telah mengganggu keindahan pada kawasan tersebut. Walaubagaimanapun, keangkuhan pohon kemuni membuatkannya memperolehi balasan yang setimpal dengan perbuatannya. Pohon kemuni telah tenggelam dibawa arus sungai yang deras dan ia lenyap disebabkan oleh hujan yang lebat.

Polemik keangkuhan ini turut dapat dilihat dalam cerita rakyat yang bertajuk *Si Jambul.* Di bawah berikut adalah petikan 32 yang memperlihatkan polemik tersebut:

> Petikan 32
> “Kok...ko..kooo!” Terdengar suara nyaring dan merdu Jambul. Semua ayam memuja-muji suara Jambul. “Mulai hari ini kau dilantik menjadi raja kami,” kata seekor ayam betina. Semua ayam lain bersetuju. Sejak hari itu, makanan Jambul akan disediakan oleh ayam lain. Setiap kali dipuji dia akan berkokok



FYP FTKW

dengan sekuat tenaga. Oleh kerana kerap dipuji dan kerap pula dia berkokok, lama-kelamaan suaranya hilang.

(Othman Puteh & Aripin Said, 2008: 40)

Berdasarkan petikan 32 di atas menceritakan tentang seekor ayam. Ayam itu dinamakan Jambul. Jambul ini dianugerahkan dengan suara yang merdu dan nyaring. Disebabkan oleh keistimewaan tersebut serta mendapat pujian ini telah menyebabkan wujudnya polemik keangkuhan oleh Jambul. Hal ini demikian kerana, dia merasakan bahawa suaranya lebih sedap didengar jika dibandingkan dengan suara ayam yang lain. Namun begitu, sikap angkuh Jambul telah memakan dirinya apabila suaranya hilang disebabkan sering berkokok.

Selain itu, polemik keangkuhan juga dapat dilihat dalam cerita rakyat yang bertajuk *Orang Sombong Selalu Rugi.* Di bawah berikut adalah petikan 33 yang memperlihatkan polemik tersebut:

Petikan 33

Melah pun pergi ke perigi itu. Dia berjalan sambil bersungut. Seketika kemudian seorang dewi kayangan menghampirinya. Dewi itu menyamar seperti puteri raja. Rupanya sangat cantik. "Hai sahabat, saya tersesat di sini dan berasa sangat haus. Bolehkah sahabat memberikan sedikit air untuk saya minum?" kata dewi itu. "Apa? Aku datang sejauh ini bukan untuk mengangkut air minumanmu”. Aku bukan hamba kamu!" kata Melah. "Awas gadis muda, kamu terlalu angkuh. Oleh itu, apabila kamu bercakap, mulut kamu akan berbau busuk. Katak dan tikus akan melompat keluar dari mulut kamu,” kata dewi itu.

(Othman Puteh & Aripin Said, 2008: 118)

Petikan 33 di atas jelas menunjukkan polemik angkuh yang dipaparkan menerusi watak Melah. Sikap angkuh Melah telah menghancurkan dirinya apabila dia mendapat balasan oleh dewi. Sikap angkuh Melah dapat dilihat apabila dia merasakan darjatnya tinggi. Hal ini berpunca apabila dewi memintanya sedikit air namun Melah tidak menghiraukan permintaan dewi tersebut. Melah merasakan dirinya tidak berhak dianggap sebagai hamba.



FYP FTKW

Oleh itu, ketiga-tiga cerita rakyat tersebut diperluaskan dengan paparan polemik atau konflik angkuh. Perbuatan angkuh tersebut jelas memaparkan bagaimana sikap itu memakan diri sendiri. Lantaran itu, minda masyarakat perlulah diasuh supaya mereka tidak mengamalkan sikap angkuh kerana sikap tersebut dapat membinasakan diri sendiri. Tingkah laku angkuh juga berupaya mendapat azab yang sangat berat di akhirat kelak. Oleh itu, untuk mengelakkan daripada wujudnya perasaan angkuh dalam diri adalah perlu memperbanyakkan bermunajat kepada Allah iaitu dengan cara berzikir. Zikir adalah satu rawatan terapi dalam mendatangkan ketenangan dalam hati serta membersihkan fikiran (Witri Rabiatul Adawiyah, 2019). Zikir merupakan tindakan kita mengingati Allah (Thahirah Hassan Basri *et al.,* 2014). Menurut Muhammad Idris (2016) berpendapat bahawa zikir merupakan kelakuan manusia yang ingin kembali kepada Allah SWT. Berdasarkan makna-makna zikir dapat dijelaskan bahawa dengan berzikir seseorang itu dapat memperolehi keseimbangan dalam hidup. Hal ini demikian kerana, berzikir lebih menumpukan kepada mengingati Allah dan berupaya menepis segala rasa yang tidak baik yang hadir dalam diri seperti rasa angkuh. Berzikir juga dapat membuatkan seseorang itu dapat menilai balik diri sendiri. Maka, ia membuatkan mereka menyedari bahawa betapa kerdilnya diri walaupun dirinya itu mempunyai segala kesenangan di dunia. Kesannya, zikir membuatkan hati mereka sentiasa merasa tenang. Oleh itu, pentingnya pembaca atau masyarakat untuk mengamalkan zikir kerana zikir dapat menyembuh penyakit hati serta dapat mendekatkan diri kepada Allah SWT.

Sehubungan itu, analisis di atas bertepatan dengan pengaplikasian teori Takmilah oleh Shafie Abu Bakar (1997) menerusi prinsip keenam iaitu pengkarya mengistikmalkan diri (menyempurnakan). Menurut Shafie Abu Bakar (1997) dalam menciptakan suatu karya tersebut maka fokus utama yang diberikan adalah kepada pengkarya itu sendiri. Ini bermaksud pengkarya seharusnya menyempurnakan diri dengan ilmu-ilmu yang baik untuk diolah dalam bentuk penceritaan agar sesuatu yang



FYP FTKW

ingin disampaikan adalah suatu perkara yang bermanfaat. Pengkarya telah berhasil melengkapi dirinya dengan ilmu. Lantaran itu, pengkarya membangkitkan satu sentuhan rasa dalam diri pembaca. Menerusi polemik ini, pengkarya menghadirkan akibat daripada berkelakuan angkuh. Maka, akibat tersebut telah berjaya mendatangkan ketakutan dalam diri pembaca. Kesannya, mereka tidak terjerumus terhadap tingkah laku tersebut. Sebaliknya, mereka akan perkara yang baik menerusi paparan polemik ini. Buktinya dapat dilihat menerusi polemik keangkuhan yang terkandung dalam cerita rakyat di atas dapat memberi suri teladan yang baik kepada masyarakat agar mereka dapat melakukan perbuatan yang baik seperti berzikir. Oleh itu, menerusi cerita *Pohon Kemuni, Si Jambul* dan *Orang Sombong Selalu Rugi* yang terkandungnya polemik keangkuhan ini dapat memberi suatu teguran kepada masyarakat agar selalu untuk melakukan tingkah laku yang baik.

4.11 Polemik Sombong

Sombong bermaksud seseorang itu membanggakan diri (Taufikurrahman, 2021). Seterusnya, sombong juga dapat dilihat sebagai akhlak seseorang itu yang menganggap dirinya adalah jauh lebih baik dari orang lain dan orang seperti ini akan berusaha untuk melindungi kekurangan dalam dirinya (Yatimin Abdullah, 2000). Tambahan pula, Rahmat Hidayat (2017) turut mengujarkan pendapatnya mengenai makna sombong yang mana ia merupakan satu perilaku yang merasakan dirinya adalah yang paling benar, paling bagus dan paling mampu dalam apa jua perkara jika dibandingkan dengan orang lain. Beberapa pendapat yang telah dinyatakan oleh tokoh di atas, dapat dirumuskan bahawa sombong adalah sikap yang suka untuk merasa dirinya hebat sehingga dapat mendorong seseorang itu memandang rendah terhadap orang lain.

FYP FTKW

Dalam *Gajah Bermata Kecil* mengandungi polemik sombong yang terdapat dalam petikan 34 di bawah:

> Petikan 34
> Gajah menjadi raja binatang. Tidak ada binatang lain yang boleh mengalahkannya. Badak kalah bergusti dengan gajah. Ia terguling ke air lalu tidak berani naik ke darat lagi. Jadilah ia badak air yang sentiasa berendam. Harimau tewas bertampar dengan gajah. Baharu harimau hendak menampar, gajah mendahului. Belalai gajah mengetuk kepala harimau. Singa juga kecundang dengan gajah. Singa hendak menerkam terkena gading gajah yang tajam. Semua binatang menjadi hamba gajah. Gajah jadi bongkak dan sombong. Satu demi satu binatang menjauhkan diri. Akhirnya gajah jadi kera sumbang.
>
> (Othman Puteh & Aripin Said, 2008: 11)

Merujuk kepada petikan 34 di atas, polemik sombong dapat dilihat menerusi watak gajah. Gajah digelar sebagai raja binatang. Hal ini demikian kerana, gajah dapat menewaskan semua binatang. Kebolehannya yang berjaya mengalahkan binatang seperti harimau, singa dan badak air telah membuatkan gajah sombong. Gajah merasakan ia paling kuat dan hebat. Namun begitu, sikap sombong dan bongkaknya membuatkan binatang lain tidak senang dan suka akan dirinya. Binatang-binatang lain mula menjauhkan diri daripada gajah. Pada akhirnya, gajah mula tidak suka bergaul dengan binatang lain.

Polemik sombong ini dapat dilihat dalam cerita rakyat yang bertajuk *Kelekatu Sombong.* Di bawah berikut adalah petikan 35 yang memperlihatkan polemik tersebut:

> Petikan 35
> "Jangan, jangan terbang dekat api jamung. Api itu terlalu panas," kata kelekatu-kelekatu itu lagi. "Kamu semua pengecut. Sekarang aku akan tunjuk kepada kamu semua," kata kelekatu itu dengan sombong. Kelekatu itu pun dengan pantas terbang menuju api jamung. Ketika sampai dekat api jamung, ia terkejut apabila kedua-kedua sayapnya terbakar. Kelekatu itu tidak boleh terbang lagi.
>
> (Othman Puteh & Aripin Said, 2008: 38)



FYP FTKW
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

Berdasarkan kepada petikan 35 di atas jelas menunjukkan polemik sombong. Polemik sombong dapat dilihat pada satu watak kelekatu. Kelakatu-kelakatu yang lain telah melarang satu kelekatu daripada mendekati api tersebut. Namun begitu, sikap kelekatu yang sombong itu tidak memperdulikan larangan tersebut. Kelekatu yang sombong itu merasa dirinya hebat dan memandang rendah kepada mereka yang lain. Kelekatu yang sombong itu menganggap mereka semua adalah pengecut. Walaubagaimanapun, sikap sombong kelekatu itu tidak membawanya kemana-mana. Pada akhirnya, kelekatu itu menerima padah apabila dia tidak lagi dapat terbang kerana sayapnya terbakar disebabkan oleh perbuatannya.

Malah cerita rakyat *Sereban Tidak Sebulu* juga memaparkan polemik sombong menerusi petikan 36 di bawah:

Petikan 36
Si Jalak berasa ia sangat cantik dan kuat. Ia merasakan dirinya menang dalam apa juga hal. Dia berasa petani lebih sayang kepadanya. Biring tidak begitu suka dengan sikap Jalak. Ia tidak suka berlaga atau bergaduh dengan Jalak yang sombong itu.

(Othman Puteh & Aripin Said, 2008: 107)

Berdasarkan kepada petikan 36 di atas dapat dilihat watak Jalak yang sombong. Polemik ini terjadi disebabkan oleh sikap Jalak yang merasakan dirinya adalah yang terbaik di antara yang lain. Hal ini demikian kerana, Jalak dapat melakukan apa-apa sahaja pekerjaan dan dia juga mempunyai kekuatan yang kuat serta bulunya yang cantik. Walaubagaimanapun, sikap sombongnya itu tidak membawanya kemana-mana dan si Jalak telah memperolehi hukuman akibat sikapnya itu. Sebagai contoh dalam petikan 37 di bawah:

Petikan 37
Biring keluar dari tempat persembunyiannya. Ia mahu menolong Jalak tetapi sudah terlambat. Petani juga tahu bahawa helang sudah menyambar Jalak. Sesal Jalak sudah terlambat



FYP FTKW

(Othman Puteh & Aripin Said, 2008: 107)

Selain itu, polemik sombong ini juga dapat dilihat dalam cerita rakyat yang bertajuk *Nenek Moyang Bertam.* Di bawah berikut adalah petikan 38 yang memperlihatkan polemik tersebut:

> Petikan 38
> Selepas itu Bertam pulang ke kampungnya. Dia membuat berbagai-bagai kebaikan. Beberapa lama selepas itu, penduduk kampung bertambah ramai. Mereka senang hidup di bawah jagaan Bertam. Akhirnya Bertam dilantik menjadi ketua di situ. Orang memanggilnya Nenek Moyang Bertam. Apabila hidup senang dan mewah, dia berubah. Dia tidak mahu menolong orang susah lagi.

(Othman Puteh & Aripin Said, 2008: 152)

Petikan 38 jelas menunjukkan konflik sombong yang ditonjolkan oleh watak Bertam. Pada asalnya, sikap Bertam ini sangat ringan tulang kerana dia banyak melakukan kebaikan. Namun, tercetusnya polemik sombong apabila kehidupan Bertam mula menjadi senang. Kesenangan hidup Bertam membuatkan dia sombong dan tidak mahu lagi menolong orang kampung. Pada akhirnya, Bertam memperolehi balasannya seperti dalam petikan 39 di bawah:

> Petikan 39
> Beberapa detik kemudian, turun ribut berserta hujan lebat. Rumah Nenek Moyang Bertam pun runtuh. Peralatannya bertukar menjadi batu.

(Othman Puteh & Aripin Said, 2008: 152)

Tambahan pula, polemik sombong juga tercetus dalam *Si Kaluni* melalui petikan 40 di bawah:

> Petikan 40
> Apabila sampai waktunya, Si Kaluni pun melahirkan seorang bayi lelaki yang sangat comel. Si Kaluni sangat gembira. Namun Si Kaluni sudah berubah sikap. Dia telah menjadi sombong dan bongkak.

(Othman Puteh & Aripin Said, 2008: 156)



FYP FTKW

Merujuk kepada kisah di atas, si Kaluni merupakan seorang gadis miskin yang tinggal dengan neneknya. Si kaluni mempunyai rupa yang sangat hodoh. Si Kaluni telah bermimpi yang dia telah menikah dengan putera bunian yang kacak dan gagah. Putera bunian itu telah menyembuhkan rupa si Kaluni. Setelah itu, si Kaluni memohon kepada suaminya untuk berjumpa dengan neneknya dan suaminya mengizinkannya dengan syarat jangan sombong. Si Kaluni pulang ke kampungnya. Selepas itu, si Kaluni telah melahirkan bayi lelaki dengan rupa yang sangat comel. Namun, sikap Kaluni mula berubah menjadi sombong dan bongkak. Sikapnya yang begitu telah mengundang kepada kebinasaannya sendiri yang dapat disoroti dalam petikan 41 di bawah:

> Petikan 41
> Putera bunian kesal dengan perbuatan Si Kaluni, anaknya dibawa ke Negeri Bunian. Si Kaluni kembali seperti asalnya. Wajahnya lebih hodoh daripada dahulu.
>
> (Othman Puteh & Aripin Said, 2008: 156)

Merujuk kepada contoh-contoh cerita tersebut terbukti wujudnya unsur polemik sombong. Orang yang sombong memperlihatkan dirinya sentiasa dahaga akan pujian. Hal ini demikian kerana, pujian yang diperolehi akan membuatkan mereka bertambah sombong. Kelebihan yang ada pada seseorang itu turut membuatkannya sering memandang rendah kepada orang yang lemah. Orang yang sombong juga tidak boleh melihat orang lain yang mempunyai kelebihan yang jauh lebih banyak berbanding dirinya. Kesannya, mereka akan bersaing dan kesombongan dalam diri mereka akan berterusan ada dalam hati mereka. Selain itu, sombong merupakan sikap yang dilarang oleh Allah. Hal ini demikian kerana, perbuatan itu adalah keji dan ia boleh membuka kepada pintu dosa.



FYP FTKW

Maka, melalui pembacaan yang memaparkan polemik sombong penting bagi masyarakat atau pembaca untuk merendahkan diri dalam segala hal. Merendah diri menunjukkan seseorang hidup dalam kesederhanaan yang mana tidak mempunyai sikap sombong (Mohd Firdaus Che Yaacob, 2018). Selain itu, merendah diri juga merupakan tindakan seseorang itu meletakkan perasaannya untuk tidak merasakan atau menganggap dirinya adalah hebat meskipun dirinya mempunyai kelebihan dalam sesuatu perkara atau sebaliknya (Burhan Rashid, 2021). Malah seseorang yang merendah diri menggambarkan dirinya tidak bermegah dengan kualiti yang ada dalam dirinya dan dengan sikap ini juga berupaya mendapat penghormatan, kasih sayang dan penghargaan daripada orang lain (Harun Yahya, 2002). Merujuk kepada pendapat-pendapat daripada para sarjana, dapat disimpulkan bahawa seseorang yang merendah diri memaparkan perilaku yang bermoral. Walaupun dirinya dianugerahi kelebihan yang tidak ada dalam diri orang lain namun mereka tetap menjaga hati untuk tidak bertingkah laku sombong. Hal ini demikian kerana, mereka lebih memilih untuk bersyukur dengan kelebihan yang ada berbanding mendabik dada. Mereka beranggapan bahawa tidak ada kepentingan yang perlu dibangga-banggakan. Secara jelas, orang merendah diri sangat disukai dan disayangi oleh orang ramai kerana setiap perlakuannya sentiasa disenangi oleh mereka. Oleh itu, jelaslah bahawa merendah diri merupakan akhlak yang sangat terpuji yang menjadi galakan kepada pembaca atau masyarakat untuk menerapkan sikap tersebut.

Sehubungan itu, analisis tersebut bersesuaian dengan pengaplikasian prinsip keenam dari teori Takmilah oleh Shafie Abu Bakar (1997). Menurut Shafie Abu Bakar (1997) pengkarya perlu mengistikmalkan diri (menyempurnakan) tidak hanya ilmu-ilmu Islam sahaja tetapi juga ilmu-ilmu sastera. Berdasarkan kepada cerita bertajuk *Gajah Bermata Kecil, Kelekatu Sombong, Sereban Tidak Sebulu, Nenek Moyang Bertam* dan *Si Kaluni* menunjukkan bahawa pengkarya telah menyempurnakan diri dalam menghasilkan sesuatu karya tersebut. Pengkarya telah berupaya memaparkan



FYP FTKW

kebolehan serta kemampuannya dalam menghasilkan karya-karya yang baik dan bermanfaat. Hal ini demikian kerana, pengkarya mencorakkan penulisannya yang bertitik tolak kepada kesedaran mengenai sikap merendah diri menerusi polemik sombong. Oleh itu, menerusi cerita tersebut yang terkandungnya polemik sombong ini wajar dijadikan sebagai satu dorongan dalam membuka fikiran masyarakat atau pembaca agar mereka dapat mempraktikkan sikap pemaaf untuk mencapai insan yang sempurna.

4.12 Polemik Penderhakaan

Derhaka bermaksud perilaku yang tidak taat, menentang atau khianat terhadap kepada pihak yang memberi perlindungan (Ahmad Ramizu Abdullah & Salinah Jaafar, 2012). Derhaka juga membawa makna mengingkari sumpah atau janji kepada pihak yang berwibawa atau yang berkuasa (Nur Asyikin Hussin, 2017). Melalui definisi tersebut dapat dilihat bahawa derhaka adalah perbuatan yang dianggap biadap kerana ia melanggar rasa taat dan hormat kepada seseorang itu yang memiliki usia yang jauh lebih tua atau seseorang yang mempunyai kuasa. Hal ini demikian kerana, perbuatan derhaka ini dapat membuatkan seseorang itu murka dan terguris hati.

Polemik penderhakaan terdapat dalam petikan 42 di bawah menerusi cerita *Melanggar Janji:*

> Petikan 42
> "Apa, ibu dah buang? Itu hadiah isteri saya. Mengapa ibu tidak tanya saya dulu?" soal Seman. Dia bercekak pinggang menghadap ibunya. Orang tua itu menangis ketakutan. Dengan serta-merta, Seman menggigil. Dia terjatuh ke lantai. Kulit muka dan tangannya kembali berbelang-belang. Dia tidak kacak lagi. Ayah dan ibunya terus menangis. Rupanya Seman sudah melanggar pesan isterinya. Dia derhaka kepada ibunya.
>
> (Othman Puteh & Aripin Said, 2008: 50)



FYP FTKW

Petikan 42 di atas menceritakan polemik derhaka yang ditonjolkan oleh watak Seman. Seman mempunyai rupa yang hodoh dan setelah menikah dengan tuan puteri, rupanya telah bertukar menjadi kacak. Pada suatu hari Seman ingin pulang ke kampungnya dan tuan puteri telah memberinya batu untuk digosok sekiranya Seman berada dalam kesusahan. Tuan puteri juga berpesan jangan menderhakai ibu. Seterusnya, ibunya telah membuang batu tersebut kerana beranggap batu itu tidak ada guna. Perbuatan tersebut telah membuatkan Seman memarahi ibunya sehingga ibunya merasa ketakutan. Maka, secara pantas Seman mendapat azab akibat daripada perbuatannya yang derhaka itu apabila rupanya kembali kepada asal.

Tambahan pula, polemik penderhakaan ini dapat dilihat dalam cerita rakyat yang bertajuk *Cik Siti Tanah Masyhur.* Di bawah berikut adalah petikan 43 yang memperlihatkan polemik tersebut:

> Petikan 43
> “Kasihankanlah cucu, nek. Tak tahan rasanya dihina kerana muka begini,” kata Cik Siti. “Boleh nenek usahakan tapi dengan satu syarat,” kata Nenek Kebayan. “Apa syaratnya, nek?” soal Cik Siti. “Cucu tak boleh menderhaka atau mengecilkan hati ibu. Jika cucu melanggar pantang ini, buruk padahnya,” kata Nenek Kebayan.
>
> (Othman Puteh & Aripin Said, 2008: 98)

Petikan 43 di atas jelas terbukti wujudnya polemik penderhakaan. Polemik pederhakaan ini dapat dilihat menerusi watak Cik Siti. Cik Siti ini mempunyai rupa yang hodoh lalu dia meminta bantuan dari Nenek Kebayan. Nenek Kebayan bersetuju untuk membantunya namun disertai dengan syarat yang Cik Siti tidak boleh menderhakai ibu. Setelah Cik Siti mempunyai rupa yang cantik maka dia mula sombong. Perbuatan tersebut itu tidak disukai oleh ibunya dan ibunya telah menasihatinya supaya tidak bertingkah laku sedemikian. Namun sebaliknya, Cik Siti menderhakai ibunya dengan tidak mengambil peduli akan nasihat tersebut. Maka, penderhakaan terhadap ibu telah menyebabkan Cik Siti menerima balasan yang buruk



FYP FTKW

akibat melanggar pantang larang yang telah ditetapkan oleh Nenek Kebayan. Buktinya dapat dilihat menerusi petikan 44 di bawah:

> Petikan 44
> Tanpa disedari berpuluh-puluh ekor lipan dan jengking keluar dari mulut Cik Siti. Seluruh badan Awang digigit. Dalam sekelip mata, Awang meninggal dunia.Berita itu gempar ke seluruh pekan. Begitulah yang berlaku setiap kali Cik Siti melangsungkan pernikahan. Suaminya pasti mati pada esok harinya. Seramai sembilan puluh sembilan suaminya menerima nasib buruk. Sejak itu tiada siapa lagi yang berani mendekatinya.
>
> (Othman Puteh & Aripin Said, 2008: 98)

Seterusnya, polemik penderhakaan juga dapat dilihat menerusi cerita *Nakhoda Tanggang.* Di bawah berikut adalah petikan 45 yang memperlihatkan polemik tersebut:

> Petikan 45
> "Oh, anakku, Si Tanggang! Aku ibumu. Ibu ada bawakan pisang salai dan pais ikan kegemaranmu nak," kata Si Deruma. Dia mengunjukkan pisang salai dan pais ikan kepada Nakhoda Tanggang. "Pergi dari sini. Kamu bukan ibu hamba. Kalau tidak, hamba pukul kamu berdua!" herdik Si Tanggang. Bekal yang dibawa ibunya ditepis.
>
> (Othman Puteh & Aripin Said, 2008: 150)

Polemik penderhakaan yang terisi dalam penceritaan melalui petikan 45 di atas menunjukkan penderhakaan oleh seorang anak kepada ibu. Ibu bapa Si Tanggang datang untuk bertemu dengan anaknya. Kedatangan mereka ini dilengkapi pakaian yang tidak enak dipandang dan mereka juga membawa makanan kesukaan Si Tanggang. Kedatangan mereka berdua itu tidak membuatkan Si Tanggang merasa senang namun sebaliknya. Si Tanggang merasa malu lalu berbuat derhaka dengan cara meninggikan suara lalu menghalau ibu bapanya pergi dan makanan yang dibawa oleh ibunya ditepis. Perbuatan derhaka itu telah membuatkan Si Tanggang menerima hukuman yang setimpal dan dahsyat seperti yang dinyatakan dalam petikan 46 di bawah:



FYP FTKW

Petikan 46
Gelombang yang kuat memecahkan kapalnya. Apabila ribut reda, kapal Nakhoda Tanggang telah menjadi batu. Semua anak kapal juga bertukar menjadi batu, termasuk Si Tanggang derhaka dan isteri-isterinya
.

(Othman Puteh & Aripin Said, 2008: 150)

Polemik penderhakaan juga dapat dilihat dalam cerita *Buaya Anak Derhaka* menerusi petikan 47 di bawah:

Petikan 47
Lama-kelamaan Buaya tidak lagi makan nasi. Dia sudah pandai mencari makanan sendiri. Dia melarang ibu atau abangnya menghantar nasi. Pada suatu hari, Siti membawa nasi untuk Buaya. Buaya sangat marah, lalu menangkap dan menelan ibunya.

(Othman Puteh & Aripin Said, 2008: 246)

Berdasarkan petikan 47 di atas menunjukkan paparan polemik penderhakaan seorang anak kepada ibunya. Siti telah melahirkan anak kembar namun anak kedua tidak dilahirkan seperti Bagung anak pertama. Anak keduanya dilahirkan sebagai seekor buaya betina. Siti selalu pergi ke sungai untuk memandikan Bagung namun Buaya tidak pernah pergi ke sungai. Pada suatu hari, Buaya telah berjaya memujuk abangnya Bagung untuk pergi ke sungai. Mereka bermain di sana dengan gembira. Setelah itu, Siti datang dan memarahi Bagung kerana telah membawa adiknya pergi ke sungai. Perasaan Siti hiba apabila Buaya mengatakan untuk tinggal di dalam sungai. Buaya juga berpesan kepada abangnya untuk menghantar nasi setiap hari. Namun, hari demi hari Buaya tidak lagi makan nasi dan dia melarang ibu dan abangnya menghantar nasi. Maka, polemik penderhakaan mula tercetus apabila ibunya datang menghantar nasi. Tindakan ibunya telah membuatkan Buaya marah lalu sanggup menelan ibu yang telah melahirkannya dahulu. Perbuatan derhaka buaya akhirnya mendapat balasan apabila lidahnya dipotong oleh abangnya sendiri yang dapat dilihat dalam petikan 48 di bawah:



FYP FTKW

Petikan 48

"Buka mulutmu!" pekik Bagung dengan bengis. Buaya menganga dengan luas. Bagung segera mencekak lidah Buaya lalu memotong pangkal lidahnya hingga putus. Lidah itu dibuang di dalam hutan dekat situ. "Inilah hukuman untuk anak derhaka. Kau bukan adikku lagi. Pergi dari sini!" marah Bagung.

(Othman Puteh & Aripin Said, 2008: 246)

Berdasarkan kepada cerita rakyat di atas jelas bersesuaian dengan pendapat-pendapat tokoh yang telah dinyatakan di atas. Hal ini demikian kerana, penderhakaan terhadap kedua ibu bapa menunjukkan hilangnya rasa hormat dan taat seorang anak kepada mereka. Tingkah laku sedemikian jelas memaparkan anak telah mengkhianati pihak yang berkuasa dan memberi perlindungan. Mengkhianati di sini bermaksud seorang anak telah melanggar etika tanggungjawab yang sepatutnya mereka lakukan sebagai anak. Malah pihak yang berkuasa dan memberi perlindungan ini dalam konteks kekeluargaan merujuk kepada ibu bapa. Maka, ibu bapalah yang memberi perlindungan kepada anak dan mereka berdua juga mempunyai hak atau kuasa dalam mendidik dan menghukum anak. Dengan itu, seorang anak tidak boleh berperilaku derhaka kepada orang tua. Perbuatan derhaka kepada orang tua dapat membuatkan mereka rasa terkesima, kecewa dan terasa hati. Apabila orang tua telah murka maka seorang anak akan mendapat azab yang berat di akhirat kelak. Bahkan, seorang anak derhaka akan mendapat kemurkaan yang dahsyat daripada Allah SWT.

Lantaran itu, polemik penderhakaan merupakan hal yang negatif. Namun begitu, perkara positif yang penting untuk diambil oleh masyarakat atau pembaca ialah mentaati dan menghormati kedua ibu bapa. Taat bermaksud patuh akan sesuatu aturan selagi ia tidak bercanggah dengan norma kehidupan (Christian Cahyaputra & Agus Arianto 2013). Menurut Liani Ida (2017) mendefinisikan taat adalah perilaku menuruti dan melaksanakan arahan dalam keadaan sedar. Taat dalam bahasa arab adalah *Tho'atan* yang membawa erti patuh atau tunduk (Yunus Mahmud, 1973). Pandangan-pandangan yang dikongsikan oleh para sarjana dapat dirumuskan bahawa



FYP FTKW

taat merupakan satu keperibadian yang unggul. Hal ini demikian kerana, seorang anak yang taat kepada orang tuanya sudah pasti akan menuruti apa sahaja permintaan mereka selagi tidak bertentangan dengan ajaran Islam. Mereka yang taat ini tidak akan sesekali menolak perintah ibu bapa kerana mereka mengetahui bahawa taat merupakan tanggungjawab yang wajib dilakukan bagi setiap manusia yang bergelar anak.

Seterusnya, anak juga perlu menghormati kedua ibu bapa. Menghormati ini menunjukkan penghargaan diri kita kepada orang lain dengan menunjukkan kelakuan yang baik dan sopan (Zubaedi, 2011). Malah definisi menghormati menurut Mohd Firdaus Che Yaacob (2021) adalah kelakuan yang menyanjung orang yang lebih berusia, berjawatan tinggi dan berpengalaman. Tambahan pula, Hassan Mohd Ali (1996) menyatakan bahawa menghormati kepada ibu bapa bukan sahaja dari segi perbuatan atau perlakuan tetapi juga melalui perkataan. Secara rumusannya, menghormati ini memaparkan sikap anak yang menghargai dan berterima kasih kepada mereka yang telah melahirkan dan membesarkan mereka. Hal ini demikian kerana, pengorbanan mereka tidak dapat dihitung nilainya. Ibu adalah seorang wanita yang mulia yang mana sanggup mengorbankan nyawa untuk melahirkan anak. Malah, bapa pula bertanggungjawab dalam menjaga dan melindungi anak daripada sebarang ancaman. Perlakuan menghormati orang tua dapat dibuktikan dalam pelbagai bentuk seperti perbuatan dan percakapan. Perlakuan menghormati dari segi perbuatan seperti menuruti apa sahaja nasihat dan teguran yang diberikan manakala menghormati dari segi percakapan pula adalah merujuk kepada penggunaan bahasa yang elok dan tidak meninggikan suara. Oleh itu, jelas melalui polemik penderhakaan ini dapat mengajak pembaca untuk menjadi anak yang taat dan pandai menghormati. Perlakuan taat dan menghormati ibu bapa akan mendapat kebahagiaan di dunia dan akhirat serta memperolehi keredhaan Allah SWT.



FYP FTKW

Seterusnya, prinsip pengkarya mengistikmalkan diri bersesuaian dengan analisis yang telah dihuraikan di atas. Menurut Shafie Abu Bakar (1997) menyatakan bahawa dalam menilai sesuatu karya Islam tidak hanya melihat kepada estetika sahaja namun perlu juga dilihat kepada perkara yang bercanggah dengan akidah Islam yang diperkatakan dalam karya sastera. Buktinya dapat dilihat menerusi polemik penderhakaan yang terkandung dalam cerita *Melanggar Janji, Cik Siti Tanah Masyhur, Nakhoda Tanggang* dan *Buaya Anak Derhaka*. Pengkarya menyerlahkan dirinya yang dilengkapi dengan ilmu-ilmu Islam dan sastera. Pengkarya telah berjaya menyempurnakan diri dengan mendatangkan satu perasaan gerun dalam diri pembaca. Hal ini demikian kerana, pengarang memaparkan balasan yang dasyat bagi anak yang menderhakai orang tua. Ini bertujuan sebagai peringatan oleh pengarang kepada pembaca untuk menjaga adab dengan ibu bapa menerusi paparan polemik tersebut. Lantaran itu, polemik penderhakaan ini dapat diambil sebagai pengajaran oleh masyarakat terutamanya seorang anak agar mereka sentiasa berkelakuan taat dan hormat kepada ibu bapa mereka. Oleh itu, cerita rakyat yang terkandung polemik ini sememangnya memberi pedoman kepada pembaca atau masyarakat untuk bersikap taat dan menghormati kedua ibu bapa.

### 4.13 Polemik Ketamakan

Menurut Muhyiddin Tahir (2013) berpendapat bahawa tamak adalah keinginan seseorang untuk mendapat sesuatu benda lebih dari apa yang telah dia miliki. Di samping itu, tamak juga membawa makna kemahuan jiwa yang kuat untuk mendapatkan sesuatu (Abu Al-Husain Ahmad Faris, 1979). Selain itu, Khairatin Nisak (2022) mengujarkan pandangannya bahawa tamak merupakan sifat seseorang yang terlampau gelojoh akan harta dunia. Berdasarkan kepada istilah tamak tersebut dapat dirumuskan bahawa tamak merupakan sifat mazmumah yang menunjukkan akhlak yang tercela.



FYP FTKW

Polemik ketamakan ini dapat dilihat dalam cerita rakyat yang bertajuk *Nakhoda Haloba.* Di bawah berikut adalah petikan 49 yang memperlihatkan polemik tersebut:

> Petikan 49
> Nakhoda Yatim pun membuka kotak tembaga. Pada botol ubat gosok terdapat tulisan: *Jika minyak ini digosok ke mata kanan, akan terlihatlah segala harta karun di laut, di gua dan di dalam tanah. Jika digosok ke mata kiri, akan butalah kedua-dua belah mata.* Nakhoda Yatim pun menggosok ubat itu ke mata kanan. Matanya terasa pedih. Namun, beberapa saat kemudian dia dapat melihat harta karun yang tersembunyi di lautan, di dalam gua atau di dalam tanah. Nakhoda Yatim berasa gembira. Dia semakin tamak dan haloba. Dia pun menggosokkan ubat itu ke mata kiri. Tiba-tiba sahaja pandangannya menjadi gelap gelita. Dia menggosok-gosok matanya tetapi pandangannya tetap gelap-gelita.
>
> (Othman Puteh & Aripin Said, 2008: 28)

Berdasarkan petikan 49 di atas memaparkan polemik tamak yang dapat dilihat pada watak Nakhoda Yatim. Ketamakan oleh Nakhoda Yatim dapat dilihat apabila dia merasa tidak cukup dengan harta yang dia miliki setelah mematuhi arahan untuk menggosok mata kanan yang terdapat pada botol. Disebabkan keinginannya yang membuak-buak untuk mendapatkan harta yang banyak lalu dia menggosok mata kirinya. Akibat rasa tamak serta tidak menghiraukan arahan yang telah nyatakan pada botol itu telah menyebabkan mata Nakhoda Yatim menjadi buta.

Polemik ketamakan ini juga dapat dilihat dalam cerita rakyat yang bertajuk *Gembala Tamak.* Di bawah berikut adalah petikan 50 yang memperlihatkan polemik tersebut:

> Petikan 50
> Setelah tiba di rumahnya, Tamin segera menyapu minyak itu ke mata kirinya. Dia nampak beberapa tempat harta karun disembunyikan. Tamin terlalu gembira. Tiba-tiba terlintas difikirannya mungkin orang tua itu berbohong. Tamin pun menyapukan minyak itu ke mata kanannya. Serta merta sepasang matanya menjadi buta!. Tamin meraung-raung sekuat-kuat hatinya. Tangannya teraba-raba ke sana sini. Dia keluar dan meraba-raba harta di belakang lembu-lembunya. Lembu-lembu itu takut lalu bertempiaran lari. Tamin jatuh tersembam. Dia menangis teresak-esak kerana terlalu sedih dan hampa. “Sekarang baharu aku sedar, aku ini terlalu tamak,” kata Tamin.
>
> (Othman Puteh & Aripin Said, 2008: 125)



FYP FTKW

Polemik ketamakan dapat dilihat pada petikan 50 di atas. Polemik ini dipaparkan melalui watak Tamin. Tamin telah menyapu minyak ke mata kirinya dan setelah itu dia melihat beberapa harta karun. Namun disebabkan oleh ketamakan Tamin maka dia menggosokkan mata kanannya kerana dia beranggapan bahawa pesanan orang tua adalah bohong semata-mata. Kesan dari itu, matanya tidak dapat melihat.

Berdasarkan kepada kedua-dua cerita rakyat tersebut dapat dilihat ia mempunyai sedikit persamaan dari segi penceritaan, polemik dan lain-lain. Tambahan pula, ia bertepatan dengan pendapat-pendapat yang telah dinyatakan oleh beberapa para sarjana di atas. Orang yang tamak ini jelas memperlihatkan perlakuannya yang menginginkan kekayaan sekeras-kerasnya. Hal ini demikian kerana, orang yang tamak tidak akan sesekali merasa bersyukur dengan apa yang mereka ada. Sebaliknya, mereka lebih terdorong untuk mengumpulkan harta dengan banyak. Namun begitu, orang yang tamak juga buta dan tidak mempedulikan akan kehancuran dan kebinasaan yang boleh berlaku kepada diri sendiri. Maka, ketamakan ini jelas menggambarkan sifat yang sangat tercela dan perlu dielakkan daripada ia menguasai diri. Bahkan, Allah turut melarang perlakuan sedemikian kerana ia dapat mempengaruhi seseorang lupa dan jauh dari-Nya.

Oleh itu, polemik ketamakan merupakan satu hal yang negatif yang mana bertentangan dengan nilai yang positif. Walaupun, pemaparan polemik tamak dipandang negatif namun pembaca atau masyarakat dapat menemukan mesej utama yang hendak disampaikan oleh pengarang. Dengan ini, pembaca atau masyarakat jelas memahami bahawa pentingnya untuk mengamalkan sifat qana'ah yang ditekankan oleh pengarang. Qana'ah bermaksud satu perasaan redha dengan nikmat yang dikurniakan oleh Allah SWT apa sahaja saiz dan jumlah yang mereka dapat (Alwazir, 2020). Bahkan pendapat tersebut turut disokong oleh Ika Rahmadani *et al.*



FYP FTKW

(2018) menyatakan bahawa qana'ah adalah sifat yang mendidik manusia untuk menerima sesuatu dalam keadaan hati yang ikhlas dan ia membuatkan seseorang itu tenang, tidak berputus asa, tidak tamak dan bersyukur. Tambahan pula, qana'ah membuatkan seseorang merasa puas apabila memperolehi sesuatu (Silvia Riksha, 2020).

Apa yang dapat disimpulkan bahawa sifat qana'ah ini mengajar pembaca atau masyarakat untuk tetap merasa rela dan redha di atas segala pemberian yang diberikan oleh Allah SWT. Hal ini demikian kerana, mereka tidak mempunyai perasaan cinta akan harta kerana mereka beranggapan bahawa kecintaan terhadap harta tidak membawa mereka kemana-mana melainkan pendustaan semata-mata. Ini menjelaskan bahawa mereka tidak mudah tertipu dengan kenikmatan dunia. Bahkan, mempunyai harta yang melimpah ruah juga tidak dapat menjamin seseorang itu masuk syurga. Tambahan pula, kebaikan apabila mengamalkan sifat qana'ah akan sentiasa merasa bahagia dan tenang dalam kehidupannya jika dibandingkan dengan orang yang selalu merasa kekurangan. Selain itu, mereka juga akan lebih percaya diri kerana mereka mempunyai minda yang positif dan sihat. Lantaran itu, terbukti bahawa orang yang berperwatakan qana'ah mencerminkan hatinya yang kaya. Oleh itu, tegas bahawa bersifat qana'ah dapat membentuk keperibadian yang cemerlang dalam kalangan masyarakat atau pembaca.

Sehubungan itu, pengaplikasian teori Takmilah oleh Shafie Abu Bakar (1997) menerusi prinsip keenam iaitu pengkarya mengistikmalkan diri (menyempurnakan) bertepatan dengan analisis di atas. Hal ini demikian kerana, pengkarya yang ingin menyampaikan sesuatu perkara kepada masyarakat perlu dilengkapi serta menyempurnakan diri dengan ilmu yang baik seperti ilmu Islam dan sastera dalam pengolahan jalan penceritaan cerita rakyat itu (Shafie Abu Bakar, 1997). Pengkarya telah menyerlahkan kesempurnaannya melalui ilmu-ilmu tersebut dengan penggunaan



FYP FTKW

perkataan tamak melalui paparan cerita yang ada pada petikan tersebut. Tamak jelas bertentangan dalam agama Islam. Justeru itu, pengkarya menggunakan perkataan tamak ini sebagai makna tersurat yang jelas dapat difahami oleh pembaca. Melalui makna tersurat ini jugalah pengkarya menghadirkan pesan makna yang tersirat. Pesan makna tersirat tersebut dilihat tidak dinyatakan secara terang-terangan. Namun begitu, pembaca dapat berfikir melalui tamak ini berupaya dalam memperbetulkan akhlak dengan cara mempraktikkan sifat qana'ah. Dengan ini, jelas terbukti bahwa pengkarya dilengkapi dengan ilmu-ilmu tersebut sehingga berjaya membuatkan pembaca meneka makna tersirat yang ingin disampaikan oleh pengarang. Oleh itu, menerusi cerita *Nakhoda Haloba* dan *Gembala Tamak* yang terkandungnya polemik ketamakan ini dapat memberi pesan moral kepada masyarakat.

FYP FTKW

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

## 4.14 Penutup

Secara keseluruhannya, perbincangan di atas menunjukkan bahawa pengkaji telah berupaya menemukan beberapa unsur polemik yang terkandung dalam cerita rakyat yang dipilih menerusi buku yang bertajuk *Himpunan 366 Cerita-Rakyat-Malaysia* oleh Othman Puteh dan Aripin Said. Antara polemik yang dapat dilihat ialah kebencian, hasad dengki, kebodohan, dendam, melanggar janji, pembohongan, pemalas, perbalahan, keangkuhan, sombong, penderhakaan dan ketamakan. Melalui polemik tersebut ia berfungsi untuk memperluaskan cara berfikir masyarakat dalam menilai sesuatu karya yang mana tidak hanya kepada genre cerita rakyat sahaja tetapi juga terhadap karya sastera yang lain. Tambahan pula, ia dapat meningkatkan keinsafan dalam diri setiap masyarakat. Hal ini demikian kerana, melalui polemik yang memaparkan gambaran yang negatif ini mendorong masyarakat untuk melihat kekurangan diri agar dapat sentiasa memperbaiki diri supaya dapat menjadi seorang hamba yang mulia di mata Allah SWT. Oleh itu, secara tidak langsung polemik dapat dijadikan sebagai bahan didikan untuk semua masyarakat tanpa mengira peringkat usia yang membacanya.

FYP FTKW
UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

# BAB 5

# KESIMPULAN

## 5.1 Pengenalan

Bab kelima ini merupakan bahagian paling akhir iaitu penutup kepada kajian penyelidikan ini. Kandungan pada bahagian bab ini akan pengkaji merumuskan satu rumusan keseluruhan secara ringkas berkenaan bab yang telah dibincangkan sebelumnya. Pengkaji juga akan menceritakan balik berkenaan bab empat iaitu analisis dan dapatan kajian. Seterusnya, kandungan bagi rumusan ini meliputi kefahaman cerita rakyat, pengaplikasian teori dan unsur polemik yang terdapat dalam cerita rakyat. Di samping itu, dalam kandungan bab ini pengkaji turut akan mengemukakan dan membincangkan cadangan kajian agar ia dapat memberi suatu manfaat kepada orang ramai serta dapat menjana fikiran mereka ke arah yang lebih kritis sekaligus membuka mata mereka terhadap cerita rakyat. Akhir sekali, pengkaji juga akan menghasilkan penutup secara ringkas.

FYP FTKW
UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

5.2 Rumusan

Berdasarkan hasil penyelidikan yang telah dilaksanakan, pengkaji dapat rumuskan bahawa kajian yang dijalankan oleh pengkaji adalah tidak secara meluas. Ini bermaksud, pengkajian ini hanya diberi fokus terhadap genre cerita rakyat. Pengkaji memilih genre cerita rakyat kerana cerita rakyat ini terisi dengan kepelbagaian cerita yang menarik dan seronok untuk dibaca. Cerita rakyat ini dapat difahami bahawa ia dapat dianggap sebagai satu sifat yang bergerak. Bergerak ini merujuk kepada cerita rakyat yang disampaikan menggunakan mulut ini sentiasa berlakunya penyebaran cerita rakyat tersebut. Pada masa kini, cerita rakyat telah dibukukan. Walaupun ia dibukukan namun penyebarannya masih lagi bergerak. Sebagai contoh individu A membaca cerita rakyat lalu dia berkongsikan cerita tersebut kepada orang lain. Maka, disitu dapat dibuktikan secara jelas bahawa cerita rakyat ini berlakunya peralihan dari satu individu kepada individu yang lain.

Di samping itu, cerita rakyat sememangnya banyak memaparkan kepelbagaian aspek yang jelas dapat dilihat menerusi paparan inti pati yang terisi muat dalam cerita rakyat. Sebagai contoh aspek nilai, budaya, spiritual, kepercayaan dan lain-lain. Cerita rakyat yang dikaji melalui nilai, spiritual dan lain-lain kebanyakannya sudah dikaji oleh pengkaji-pengkaji dahulu. Maka, dengan variasi aspek yang dipertontonkan dalam cerita rakyat tersebut ia telah mempengaruhi pengkaji memilih untuk menjalankan kajian penyelidikan dalam aspek polemik. Pengkaji memilih topik polemik tidak hanya ingin membawa kelainan dari kajian-kajian sebelumnya semata-mata. Namun, pengkaji juga berkeinginan untuk mengambil peluang yang ada dalam berkongsikan berkenaan pendapat atau idea melalui penulisan untuk analisis kajian. Selain itu, pengkaji berminat untuk menimba ilmu pengetahuan serba sedikit tentang polemik agar hasil daripada penyelidikan ini pengkaji berharap dapat memperolehi input yang positif berkenaan kefahaman polemik. Tambahan pula, dalam pemerhatian pengkaji



FYP FTKW

juga, aspek polemik dilihat kurang diketengahkan oleh mana-mana pengkaji-pengkaji lepas yang telah menjadikan ia sebagai salah satu faktor yang mendorong pengkaji untuk menghasilkan sebuah kajian ini.

Setelah membuat kajian terhadap cerita rakyat yang telah dipilih maka pengkaji berhasil menemukan beberapa polemik. Rumusannya, melalui analisis yang telah dijalankan pada bahagian bab empat, pengkaji meneliti dan berpendapat bahawa ke semua polemik tersebut adalah suatu paparan imej atau perkara yang negatif yang ditonjolkan oleh watak-watak yang terdapat dalam cerita rakyat. Walaubagaimanapun, pengkaji juga melihat bahawa polemik mempunyai peranan atau potensi yang tersendiri dalam memurnikan fikiran masyarakat agar dapat berfikiran matang dalam menilai sesuatu cerita rakyat. Hal ini demikian kerana, polemik yang dipaparkan merupakan satu keunikan yang dihasilkan oleh pengarang. Kebijaksanaan dan kepandaian pengarang dengan menerapkan unsur polemik dalam pengolahan cerita rakyat ini bukan untuk mengajak masyarakat atau pembaca untuk menilai hal-hal yang negatif tetapi ia lebih kepada melihat sejauhmanakah pemikiran masyarakat dapat berfikir dalam menilai sesuatu perkara tersirat yang cuba disampaikan oleh pengarang. Ini membuktikan bahawa melalui polemik ini berperanan dalam melatih cara minda masyarakat atau pembaca berfikir. Selain itu, melalui polemik ini juga berfungsi dalam melatih masyarakat untuk menerapkan dan mengamalkan nilai-nilai yang baik dalam memperbaiki kekurangan diri.

Seterusnya, pengkaji telah mengaplikasikan satu teori tempatan iaitu Takmilah oleh Shafie Abu Bakar (1997) melalui prinsip pengarang mengistikmalkan diri. Menurut Shafie Abu Bakar (1997) menyatakan bahawa seorang pengkarya sebelum menghasilkan sesuatu karya perlulah menyempurnakan diri dengan ilmu-ilmu Islam serta ilmu-ilmu sastera dalam pengolahan cerita. Menerusi cerita rakyat yang terkandungnya unsur polemik telah membuktikan kejayaan pengkarya menerapkan



FYP FTKW

dirinya dengan kedua-kedua nilai tersebut lalu dikongsikan melalui penulisan sebuah karya. Hal ini demikian kerana, melalui unsur polemik juga dapat menimbulkan nilai-nilai moral yang baik malah nilai-nilai moral ini tidak mempunyai perbezaan dengan nilai-nilai Islam. Tambahan pula, walaupun nilai-nilai tersebut tidak dinyatakan dalam penceritaan namun ia berupaya membuatkan masyarakat atau pembaca untuk mengamati dan merenung akan pesanan-pesanan yang berselindung di sebalik penceritaan tersebut. Dengan cara begitu maka secara tidak langsung mereka dapat memperolehi atau menemui nilai-nilai murni atau moral yang disampaikan. Nilai-nilai moral ini merupakan hal yang bagus untuk diterapkan dalam diri setiap masyarakat kerana beramal dengan nilai-nilai yang baik ini juga sangat dituntut dalam agama Islam. Maka, analisis berkenaan polemik bersesuaian dengan pengaplikasian prinsip keenam dari teori Takmilah iaitu pengkarya mengistikmalkan diri.

Natijahnya, kajian berkenaan polemik ini sangat penting untuk diketengahkan agar ia dapat dijadikan sebagai paparan atau santapan minda buat masyarakat. Hal ini demikian kerana, mereka juga perlu dibekalkan dengan suatu ilmu yang baharu agar dengan harapan dapat memberi keterbukaan terhadap fikiran mereka. Apabila pemikiran mereka bersifat meluas maka mereka dapat memandang cerita rakyat dari sudut positif bukannya negatif. Oleh itu, kajian polemik jelaslah dapat memberi satu input yang berguna kepada masyarakat.

FYP FTKW

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

5.3 Cadangan

Dalam bahagian cadangan ini, pengkaji akan mengutarakan pendapat berkenaan beberapa cadangan yang boleh diambil dan dilakukan oleh beberapa pihak yang terlibat. Hal ini demikian kerana, cadangan adalah penting bagi membolehkan sesuatu perkara yang diusulkan dapat mereka ambil dan jalankan supaya berlakunya penambahbaikan yang lebih berkualiti dari sebelumnya. Malah, apa yang paling utama adalah dapat memperkenalkan topik polemik kepada komuniti yang terdiri daripada pelbagai lapisan umur, pangkat dan sebagainya sama ada secara langsung atau tidak langsung.

Cadangan pertama ditujukan kepada pengkaji-pengkaji yang akan datang. Merujuk balik kepada hasil daripada analisis dan perbincangan yang telah dijalankan oleh pengkaji. Pengkaji telah mengemukakan beberapa unsur polemik atau juga dikenali sebagai konflik yang terkandung dalam inti pati cerita rakyat. Pengkaji juga menggunakan sebanyak 36 buah cerita rakyat disertai dengan pengaplikasian prinsip keenam yang terdapat dalam teori tempatan iaitu teori Takmilah. Lantaran itu, pengkaji menyarankan agar kajian berkaitan isu polemik dapat dijalankan oleh pengkaji-pengkaji akan datang agar kajian tersebut dapat berkembang luas pengetahuannya.

